

**Bil. 19**

**Isnin  
13 Disember 2010**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

# K A N D U N G A N

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman 1)
<b>MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU</b>	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 2)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
Urusan Mesyuarat	(Halaman .3)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b>	
<b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 3)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan)(Pindaan) 2010	(Halaman 22)
Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010	(Halaman 42)
Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010	(Halaman 56)
Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010	(Halaman 72)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 61)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
11. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik)
19. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
20. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
22. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik)
23. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
24. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
25. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
28. ” Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz

32. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
34. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
35. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. “ Dato’ Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
55. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
56. ” Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
57. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. ” Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
59. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
60. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. ” Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
62. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
63. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)
64. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Sharifah Zaiton binti Ku Chik

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Isnin, 13 Disember 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung
- Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang
- Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang di atas pelantikan semula sebagai Ahli Dewan Negara dan juga Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara yang baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat adalah dianggap orang-orang yang sangat bertuah dan bernasib baik kerana dilantik daripada berpuluh juta warganegara Malaysia untuk menganggotai Ahli Dewan yang mulia yang menampung maksimumnya hanya 70 orang sahaja.

Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan khususnya oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya sendiri suatu ketika dahulu, ingin saya mengingatkan agar kita semua hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia yang kita cintai.

**■ 1010**

Janganlah sekali-kali kita langgar dan mengingkari sumpah ikrar setia yang telah kita semua lafazkan. Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Yang Berhormat membaca dan memahami dua perkara iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang mana semua Yang Berhormat telah atau akan dibekalkan.

Ahli Yang Berhormat, saya mengingatkan diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan mulia ini agar marilah kita semua berazam untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara yang mulia ini sebagai satu Dewan Negara yang bermaruah, berkualiti, berkredibiliti dan berintegriti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah majlis mengangkat sumpah pada hari ini.

## **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Jualan Langsung (Pindaan) 2010;
2. Akta Setem (Pindaan) 2010;
3. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2010;
4. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010;
5. Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Pindaan ) 2010;
6. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;
7. Akta Sewa Beli (Pindaan) 2010; dan
8. Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“13 Disember 2010

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010.
2. Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010
3. Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010
4. Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”



## URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang disebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**1. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah keberkesanan Pelan Integriti Nasional (PIN) apatah lagi Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2010 yang dikeluarkan pada 26 Oktober 2010 lalu memperlihatkan skor Malaysia jatuh 0.1 mata dari 4.5 pada tahun 2008 ke skor 4.4 dan berada dalam kedudukan 56 berbanding 178 negara yang terlibat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerima hakikat bahawa skor Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index (CPI)* negara telah turun daripada 4.5 ke 4.4. Keutamaan kerajaan untuk membanteras rasuah bukan semata-mata didorong atau disebabkan oleh mana-mana indeks yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Tekad dan komitmen kerajaan ini lahir dari hasrat untuk membina masyarakat Malaysia yang bebas dari rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, aspek integriti perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas di mana terdapat komponen-komponen lain iaitu meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi, meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan, memantapkan institusi keluarga dan komuniti dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat yang juga perlu diberikan penekanan.

Atas dasar itu juga, Tekad 2008 di fasa pertama PIN ataupun dikenali sebagai Pelan Integriti Nasional, akan terus di fasa kedua dengan dikenali sebagai Tekad Integriti. Ini menunjukkan kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan bahawa negara ini dipandang tinggi integritinya oleh masyarakat dalam dan luar negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan. Pertama, izinkan saya untuk menyatakan rasa gembira dan syabas kepada pihak kerajaan terutamanya SPRM di atas laporan *Global Corruption Barometer* baru-baru ini yang menyatakan lonjakan yang cukup positif persepsi masyarakat hampir 100 peratus daripada 28 peratus kepada 48 peratus.

Namun yang demikian, kita merasakan usaha harus dipertingkatkan dan saya hanya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan status pelaksanaan Integrity Pact (IP) dengan izin, kerana Perbendaharaan telah mengeluarkan arahan pada 1 April 2010 tetapi sehingga kini masih belum kedengaran apa-apa pelaksanaan. Jadi, saya mohon penjelasan sama ada, ada masalah kerumitan atau ia memang satu proses biasa yang memakan masa yang agak panjang? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ezam atas soalan tambahan ini. Sememangnya kerajaan mengambil baik prestasi indeks baru-baru ini yang mengatakan prestasi – dan juga meningkatkan keyakinan dan persepsi positif masyarakat terhadap usaha kerajaan mencegah rasuah di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan sememangnya mesti meneruskan usaha untuk memerangi rasuah ini.

Selain daripada itu, baru-baru ini telah pun diperkenalkan banyak pengenalan seperti Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan juga kenaikan BPR kepada suruhanjaya dengan kuasa yang lebih menyeluruh.

Selain daripada itu, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat juga akan dikuatkuasakan pada 15 Disember tahun ini. Semua ini adalah inisiatif-inisiatif kerajaan untuk terus memerangi rasuah ini.

Mengenai soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator, integriti plan ini, buat masa sekarang garis panduan mengenai pelaksanaan *Integrity Pact* telah pun siap tetapi masih lagi diteliti oleh penasihat undang-undang sebelum diedarkan kepada semua kementerian dan juga agensi kerajaan. Model ini akan disediakan daripada Transparency International dan juga daripada pihak MOF. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akan mengikuti model daripada MOF dan status jawab ini seperti yang saya katakan tadi, sudah dihantar kepada pihak PUU untuk disemak. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Saya terpanggil kerana rasuah menentukan jatuh bangunnya negara.

#### ■ 1020

Soalan saya, mengikut indeks 2005, kita berada 5.1 kemudian jatuh lagi kepada 5 sekarang jatuh lagi kepada 4.4. Macam mana kita nak naik balik? Kalau kita tengok negara-negara lain, 7, 8, 9. Jadi, soalan saya cukup penting. Mungkin ini dapat menaikkan balik kalau kes ini boleh dibongkar. Ada bukti-bukti yang telah diserahkan Tuan Yang di-Pertua kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2009 oleh bekas Setiausaha Sulit Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu saudara Anwar Shaari tentang pembelian saham kepada bumiputera. Sehingga kini rakyat masih tertanya-tanya, tertunggu-tunggu apakah kedudukan kes yang hebat ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin atas soalan tambahan ini. Barometer yang diambil kira oleh *National Index* ini pada tahun 2005 dan sehinggalah 2009 tidak mengambil kira inisiatif yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan seperti saya kata tadi, iaitu kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib telah pun memperkenalkan bidang keberhasilan utama negara (NKRA) pada tahun ini, dan juga penaikan taraf suruhanjaya dengan kuasa yang lebih menyeluruh iaitu pada 1 Januari tahun lalu dan juga Akta Perlindungan yang saya katakan tadi akan dikuatkuasakan pada 15 Disember, dan juga *integrity pack* dalam sistem perolehan kerajaan. Garis panduan berhubungan dengan surat sokongan, *MyPROCUREMENT website* dan kewujudan 18 mahkamah khas membicarakan kes-kes rasuah.

Selain daripada itu, SPRM telah pun juga memperkenalkan *Name and Shame* dalam laman portal SPRM dan juga kewujudan unit pemantauan di beberapa agensi penguat kuasa dan ini semua saya yakin sekiranya barometer untuk tahun depan bagi *perception index* ini *on corruption* akan lebih berkesan lagi.

Mengenai kes yang disoalkan oleh Yang Berhormat Senator, setakat ini saya belum ada maklumat dan saya akan memberi maklumat secara bertulis sekiranya perlu. Terima kasih.

**2. Puan Doris Sophia ak Brodi** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, sejauh manakah kementerian komited dalam menerajui *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW), Ratifikasi Konvensyen Mengenai Hak OKU (CRPD) dan penarikan balik reservasi ke atas Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) di dalam usaha memartabatkan tiga golongan berkenaan yang perlu mendapat perhatian bagi menjalani kehidupan yang lebih baik.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bagi pihak kementerian ingin merakamkan ucapan tahniah kepada tiga Ahli Dewan Negara yang baru mengangkat sumpah termasuklah seorang wanita. Saya percaya bahawa ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.

Saya juga bagi pihak kementerian ingin mengalu-alukan kehadiran beberapa ramai pengunjung ke Dewan Negara ini. Saya percaya bahawa kehadiran mereka akan membawa seribu makna dalam perjalanan mereka dari negeri-negeri masing-masing ke Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan nombor dua, kerajaan telah meratifikasikan tiga konvensyen antarabangsa iaitu dengan izin, *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) pada 5 Julai 1995, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak-kanak (CRC) pada 17 Februari 1995 dan yang terkini Konvensyen Mengenai Hak OKU (CRPD) pada 19 Julai 2010. Sebagai negara pihak atau dengan izin, *state party* kepada konvensyen-konvensyen tersebut, kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memenuhi obligasi terhadap prinsip dan peruntukan dalam konvensyen berkenaan. Bagi melaksanakan CEDAW, kerajaan menggunakan tiga pendekatan iaitu melalui rangka kerja perundangan, rangka kerja dasar dan pelaksanaan program-program.

Melalui rangka kerja perundangan, kerajaan telah meminda beberapa perundangan bagi memastikan tiada unsur yang mendiskriminasikan wanita. Antara pindaan yang signifikan yang bermula dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ialah pindaan kepada Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2001 untuk memasukkan perkataan "*gender*" bagi menjamin supaya tiada sebarang diskriminasi berasaskan *gender*. Usaha untuk mencapai keseksamaan gender juga dibuat melalui penggubalan dasar seperti Dasar Wanita Negara dan Dasar Sekurang-kurangnya 30 peratus Wanita Mesti Ada di Tempat Buat Keputusan. Penggubalan dasar ini hasil perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bagi membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Berhubung dengan Ratifikasi Konvensyen Mengenai Hak OKU atau *Convention on the Rights of People With Disabilities*, adalah dimaklumkan bahawa konvensyen tersebut telah diratifikasi oleh kerajaan pada 19 Julai 2010 dan mula berkuat kuasa pada 18 Ogos 2010. Dengan penguatkuasaan tersebut, Malaysia telah secara rasmi menjadi negara pihak atau *state party* kepada CRPD. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya komited untuk memastikan hak OKU di Malaysia terjamin walaupun semasa kerajaan belum meratifikasikan Konvensyen OKU. Dasar Orang Kurang Upaya telah diluluskan pada 21 November 2007. Kerajaan juga telah menggubal Akta Orang Kurang Upaya yang diluluskan di Parlimen pada 24 Disember 2007 dan akta ini digubal dengan mengambil kira peruntukan yang terkandung dalam CRPD.

Berhubung dengan penarikan balik reservasi ke atas Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, adalah dimaklumkan bahawa pada 19 Julai 2010, kerajaan telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 1, Artikel 13 dan Artikel 15. Penarikan balik reservasi ke atas ketiga-tiga artikel ini mula berkuat kuasa pada 18 Ogos 2010. Sebagai negara pihak kepada ketiga-tiga konvensyen tersebut, kerajaan akan terus komited untuk menunaikan obligasinya dengan melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam konvensyen berkenaan bagi menjamin pembangunan, kebajikan dan kesejahteraan golongan terlibat iaitu wanita, kanak-kanak dan OKU. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada pihak kementerian kerana penjelasan yang diberi tadi. Saya cuma hendak bertanya sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pihak Menteri sendirilah yang menandatangani dokumen itu pada bulan Julai lepas dan diserahkan kepada pihak Wisma Putra di mana instrumen itu akan diserahkan kepada PBB (Pertubuhan Badan-badan Bersatu) untuk disemak sebelum diluluskan dan dipakai di negara ini. Jadi, saya cuma mahu tahu sedikit, apakah status perkembangan kesemua instrumen ini dan sudahkah ianya diserahkan kepada wakil PBB. Jika ya, bagaimanakah status *follow-up* nya atau penyusulannya. Jika tidak, apakah masalahnya. Terima kasih.

**Dato Sri Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian kita telah pun mengambil semua langkah yang perlu untuk menentukan bahawa tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang perlu diambil sudah diambil.

Dan kita telah pun maklum kepada Kementerian Luar Negeri dan langkah-langkah yang perlu, ada beberapa langkah yang perlu diambil telah pun dimulakan oleh pihak *permanent mission* yang ada di New York bagi pihak kementerian. Saya percaya bahawa dalam masa terdekat, semua langkah-langkah ini akan selesai dan *insya-Allah* bagi pihak kami di kementerian, kita akan menjalankan program-program seperti mana yang termaktub di bawah konvensyen itu.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah antara kepentingan hak-hak yang dimiliki oleh kanak-kanak dan wanita daripada konvensyen ini ialah tentang kesihatan seksual. Setakat ini apakah langkah-langkah konkrit yang telah dibuat oleh pihak kementerian khususnya untuk menjaga maruah dan pengekal status teruna dan dara di kalangan kanak-kanak-kanak terutamanya wanita bila mana mereka ini terdedah kepada risiko untuk mendapat hubungan seksual sama ada sukarela ataupun paksa. Sejauh manakah keberkesanan kempen "*Anda Bijak Jauhi Zina*" yang telah pun diperkenalkan sebelum ini? Terima kasih.

■ 1030

**Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak maklumkan bahawa di antara langkah yang kerajaan boleh mengambil selain daripada langkah-langkah yang patut diambil oleh ibu bapa. Pertama - pendedahan kepada dasar kesihatan, reproduktif dan sosial, terutamanya untuk kanak-kanak.

Saya hendak maklumkan bahawa terkini pihak kementerian melalui LPPKN, kita telah minta supaya pelajar-pelajar diberi pendidikan atau ilmu secara terancang dan saintifik tentang risiko kesihatan, reproduktif dan sosial jika ia membabitkan apa Yang Berhormat katakan teruna dan dara. Ini kerana salah satu daripada maklum balas yang kementerian dapat ramai, daripada mereka tidak mengetahui apakah risiko ataupun impak jika mereka ini – beberapa tindakan yang diambil oleh mereka. Jadi salah satu daripada tindakan oleh kerajaan ialah untuk menentukan bahawa Kementerian Pelajaran membawa perkara ini menjadi salah satu daripada kokurikulum melalui Kementerian Pelajaran dan sekolah-sekolah.

Saya hendak maklumkan bahawa perkara ini telah pun diterima sebagai hakikat oleh Kementerian Pelajaran. Dalam masa terdekat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pelajaran akan ada mesyuarat untuk menentukan secepat mungkin bagaimanakah program kesihatan, reproduktif dan sosial ini dapat dibawa ke sekolah-sekolah supaya ia menjadi salah satu daripada cara untuk kita menghindari daripada akibat yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi.

**3. Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahima** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, prestasi serta pencapaian sukan negara di peringkat antarabangsa khususnya Sukan Asia dan langkah-langkah berkesan untuk membendung kemerosotan beberapa bidang sukan utama.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahima bersekali dengan empat lagi soalan lain yang berkaitan iaitu daripada Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat bertarikh 14 Disember 2010; Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop bertarikh 15 Disember 2010; Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertarikh 21 Disember 2010; dan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf bertarikh 22 Disember 2010 kerana ia mempunyai maksud yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi rasa terima kasih di atas sokongan serta doa yang diberikan oleh seluruh rakyat Malaysia yang tidak henti-henti kepada para atlet dan kontinjen negara, sehingga Malaysia berjaya melakarkan pencapaian yang memberangsangkan di temasya Sukan Komanwel New Delhi dan Sukan Asia Guangzhou baru-baru ini.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, kontinjen negara telah bertanding di Sukan Asia Guangzhou dari 12 hingga 27 November 2010 dan telah berjaya memenangi sembilan pingat emas, 18 pingat perak dan 14 pingat gangsa, iaitu merupakan pencapaian terbaik kontinjen sejak penyertaan pertama negara di temasya Sukan Asia mulai tahun 1954. Ini seterusnya menjadikan Malaysia menduduki tangga ke-10 keseluruhan daripada 45 buah negara yang bertanding.

Bagi menjawab soalan mengenai sukan hoki. Pasukan hoki negara lelaki kini berada di *ranking* ke-15 dunia dan keempat Asia telah mencipta sejarah baru apabila layak ke perlawanan akhir di Sukan Asia Guangzhou. Seterusnya mencipta sejarah memenangi pingat perak yang pertama sejak penyertaan negara di Sukan Asia mulai tahun 1954. Manakala pasukan hoki wanita pula berada di *ranking* ke-22 dunia dan kelima di Asia. Dalam usaha melahirkan pemain pelapis, Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) telah membentuk skuad Projek 2013 iaitu pasukan di bawah 20 tahun sejak tahun 2009 sebagai persediaan untuk melayakkan diri ke Kejohanan Piala Dunia Remaja 2013.

Selain itu, Program Pembangunan Hoki Satu Emas akan dilancarkan oleh Persekutuan Hoki Malaysia pada petang ini yang akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia adalah bertujuan untuk melahirkan pemain-pemain remaja di bawah usia 14 tahun di seluruh negara dan membentuk pasukan remaja kebangsaan untuk menghadapi kelayakan ke Kejohanan Piala Dunia Remaja 2013. Program ini akan menerima suntikan dana tahunan sebanyak RM2 juta daripada kerajaan.

Begitu juga dengan sukan bola sepak yang telah berjaya menamatkan kemarau 32 tahun untuk layak ke pusingan kedua Sukan Asia Guangzhou 2010 baru-baru ini. Ini di mana kali terakhir kita ke pusingan kedua adalah pada AFC 1978 di Bangkok. Sebagai langkah jangka panjang pembangunan sukan bola sepak negara, kerajaan telah menubuhkan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara dengan dana permulaan sebanyak RM10 juta. Untuk melaksanakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara yang bermula dari peringkat akar umbi, Jawatankuasa Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara ini dipengerusikan secara sementara oleh saya sendiri. Ini di mana ahli-ahli adalah terdiri daripada wakil Kementerian Pelajaran Malaysia, Majlis Sukan Negara, Persatuan Bola Sepak Malaysia serta individu-individu yang mempunyai pengalaman luas dalam sukan bola sepak.

Sehubungan dengan itu, prestasi bagi kedua-dua jenis sukan ini dianggap telah menunjukkan peningkatan dan berpotensi untuk diperbaiki bagi mencapai tahap yang lebih tinggi jika diberikan sokongan serta perancangan yang tepat dan berkesan. Mengenai sukan-sukan yang gagal mempamerkan prestasi yang disasarkan di Sukan Komanwel dan Sukan Asia seperti sukan olahraga, memanah dan lumba. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara akan melaksanakan penilaian yang menyeluruh semasa Bengkel Pelan Prestasi 2011 yang akan dianjurkan bersama Persatuan Sukan Kebangsaan dan dijadualkan untuk diadakan pada bulan Januari 2011. Bengkel ini akan menentukan jenis sukan yang berjaya dan gagal bagi dipertimbangkan dalam Perancangan Program Persediaan Atlet ke arah Sukan Olimpik 2012, Sukan Komanwel Glasgow dan Sukan Asia Incheon pada tahun 2014, dan juga merangkumi persediaan ke arah Sukan SEA 2011 di Indonesia serta Sukan SEA 2013 di Myanmar.

Seterusnya untuk makluman Ahli-ahli Dewan, kontinjen negara telah menjadikan baju kebangsaan sebagai pakaian rasmi semasa pembukaan rasmi di temasya-temasya sukan antarabangsa. Seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik sejak tahun 1989 iaitu semasa Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan SEA hinggalah Sukan SEA Laos 2009 yang lalu. Namun pada Sukan Komanwel New Delhi dan Sukan Asia Guangzhou 2010 yang lalu, kontinjen negara memutuskan untuk berpakaian *blazer* rasmi kerana faktor cuaca yang dijangka sejuk di kedua-dua negara pada ketika ini. Ini juga adalah bagi memastikan kesihatan atlet negara tidak terjejas dan berada di tahap yang baik.

Oleh yang demikian, pakaian baju kebangsaan adalah kurang sesuai dipakai oleh atlet semasa perbarisan berkenaan seperti mana yang berlaku di Sukan Asia Doha 2006 di mana cuaca pada ketika itu terlalu sejuk serta hujan yang lebat turun selepas tamat pembukaan rasmi telah memberikan kesan kepada atlet.

Sehubungan dengan itu, berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat pemakaian baju batik oleh kontinjen negara akan dipertimbangkan mengikut kesesuaian dan keadaan cuaca negara tuan rumah di sesuatu temasya sukan. Tanpa kita berniat untuk meniadakan kelebihan baju batik yang menjadi kebanggaan kita semua semasa membuat keputusan.

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Tuan Yang di-Pertua, kita faham dari beberapa usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan mutu sukan negara. Soalnya ialah, sejauh manakah dengan usaha yang dijalankan oleh kerajaan dengan penubuhan beberapa sekolah sukan dan juga beberapa akademi sukan dapat memberikan satu sumbangan yang besar bagi memastikan mutu sukan negara?

**Dato' Razali bin Haji Ibrahlim:** Seperti Ahli Yang Berhormat ketahui, kita sudah mempunyai dua sekolah sukan di Bukit Jalil dan di Bandar Penawar dan *insya-Allah* akan ada satu lagi sekolah sukan di Pahang.

Replika ataupun corak negara-negara yang berjaya dalam bidang sukan, sebenarnya telah kita kaji dan antara perkara yang menjadi punca dan faktor yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian sukan negara-negara tersebut adalah jumlah atlet yang telah dipupuk di peringkat yang lebih rendah. Justeru itu kebanyakan atlet kita sebenarnya sebagai contoh, kalau boleh saya ambil daripada sukan bola sepak ketika negara memenangi pingat emas di Sukan SEA. Sebahagian besar daripada atlet ataupun pemain bola sepak adalah dari Sekolah Sukan Bukit Jalil, begitu juga dengan pencapaian-pencapaian dalam Sukan SEA.

#### ■ 1040

Sebahagian besar daripada pingat emas yang diperolehi adalah daripada program pembangunan atlet di peringkat akar umbi dan kebanyakan daripada atlet ini adalah mereka yang terdiri daripada atlet yang berada di sekolah sukan. Justeru itu saya ingin perelaskan bahawa sekolah sukan ini sebenarnya banyak menyumbang kepada pencapaian atlet negara dalam jangka masa panjang kerana banyak negara yang menggunakan kaedah tersebut malahan boleh saya katakan bahawa sekolah sukan yang ada ini adalah sangat berkurangan dan adalah lebih baik kalau kita mempunyai sekolah sukan yang lebih besar bagi menjanjikan keputusan yang lebih baik. Namun begitu kementerian akan menggunakan apa juga dana yang ada dalam kita mencapai tahap potensi yang tertinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat lihat bahawa tidak banyak jenis sukan yang sudah mempunyai pasukan pelapis. dari tumpuan diberikan dari segi latihan dan segalanya. Apakah kementerian memantau dan komited dalam menyediakan pasukan pelapis bagi semua jenis sukan di negara ini bagi menjamin prestasi pelapis ini dapat mencerminkan pencapaian yang lebih cemerlang di persada antarabangsa, terima kasih.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahlim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kedua-dua soalan tambahan adalah mengenai persediaan skuad pelapis dan saya rasa kita berada di landasan yang betul apabila Ahli-ahli Yang Berhormat kita juga memberi tumpuan kepada kerja-kerja bukan sahaja kepada pencapaian hari ini tetapi kepada bagaimana skuad pelapis dapat kita sediakan.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Malasingam, kita ada program pelapis di mana memberi tumpuan kepada 19 jenis sukan dan keputusan dibuat di bawah Jawatankuasa Kabinet dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dalam bidang sukan, seperti juga sukan Malaysia. Kadangkala kita melihat kepada pencapaian pingat tanpa kita menjuruskan kepada keperluan sukan-sukan yang dipertandingkan. Ini juga berlaku di peringkat yang lebih tinggi di sukan Asia umpamanya banyak negara membuat bantahan kerana sebagai contoh acara tarian dan *dance sport*, negara tuan rumah menyapu bersih sepuluh pingat emas yang ditawarkan.

Justeru itu Majlis Olimpik Antarabangsa telah menetapkan dalam acara-acara Sukan Asia akan datang, 28 sukan Olimpik wajib dipertandingkan dengan hanya 7 sukan tambahan.

Justeru itu kita mempunyai tumpuan 19 jenis sukan telah kita kenal pasti yang mempunyai kelebihan kepada atlet negara kita sama ada saiz dan sebagainya dan daripada jumlah tersebut di bawah MSN kita ada pelapis kebangsaan seramai 355 orang atlet, pelapis rantau 123 orang atlet, pelapis negeri seramai 5,738 orang atlet.

Ini bagi menjanjikan program pembangunan atlet kita tidak terhenti dan mereka ini telah kita hantar dalam beberapa temasya sukan remaja dan untuk tahun 2008 Sukan Komanwel Remaja di India, Festival Sukan Olimpik Remaja di Sydney 2009, Sukan Asia Remaja di Singapura 2009, Sukan Olimpik Remaja di Singapura 2010 di mana pemantauan pencapaian pasukan atlet pelapis ini menjadi pertimbangan besar untuk kita memastikan dalam masa akan datang pingat-pingat ataupun pencapaian negara dapat kita teruskan. Terima kasih sekali lagi.

**4. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan menyatakan, sejauh manakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mematuhi dan melaksanakan Undang-undang Kecil berkenaan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat-tempat awam. Apakah sebab maka semenjak akhir-akhir ini makin berleluasa penggunaan bahasa yang bukan bahasa kebangsaan pada papan-papan tanda nama, nama-nama taman perumahan dan papan-papan iklan *billboard* yang mengabaikan penggunaan Bahasa Kebangsaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, penggunaan bahasa kebangsaan di tempat-tempat awam pertamanya di papan iklan hendaklah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Iklan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan atau PBT. Di bawah Undang-undang Kecil Iklan, Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan yang hendak dipamerkan di tempat-tempat awam.

Undang-undang kecil berkenaan juga memperuntukkan bahawa sekiranya iklan yang dipamerkan menggunakan Bahasa Malaysia dan apa-apa bahasa lain misalnya iklan dalam dwibahasa, huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah berukuran lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan-tulisan perkataan-perkataan dalam bahasa lain itu.

Undang-undang kecil yang sama juga menekankan bahawa perkataan Bahasa Malaysia juga hendaklah ditunjukkan dengan cara yang lebih jelas. PBT boleh mengeluarkan notis penguatkuasaan kepada pihak yang mempamerkan iklan sekiranya melanggar undang-undang kecil.

Bagi iklan-iklan yang mempunyai unsur-unsur ketidakpatuhan tatabahasa akan dirujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Jabatan Ukur dan Pemetaan juga mempunyai garis panduan penentuan nama geografi di mana di antara prinsip penentuan nama geografi ialah penamaan sesuatu tempat mestilah menggunakan bentuk ejaan yang gaya Bahasa Melayu yang mematuhi standard Dewan Bahasa dan Pustaka. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasihlah kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan itu tetapi jawapan itu tidak menjawab soalan saya yang sebenarnya. Beliau hanya membacakan peraturan-peraturan yang memang semua orang sudah tahu. Saya hendak tahu kenapa peraturan itu tidak dipatuhi?

Kalau boleh saya memberi contoh Tuan Yang di-Pertua, kita berjalan daripada *Shopping Centre Bangsar* itu namanya BAC, *Bangsar Shopping Centre*, turun ke bawah sedikit *Bangsar Village*, turun lagi ke bawah *Mid Valley*, ke kanan sedikit *Bangsar South*. Jadi saya telah memberikan contoh-contoh tentang pelanggaran yang dilakukan oleh pihak PBT di dalam meluluskan nama-nama papan tanda.

Namun itu yang saya tanya dan apa sebabnya. Saya apabila tanya perkara ini, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kena-mengena dengan soal 1Malaysia. Kita mahu menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa penyatu, ini diabaikan. Kita mahu supaya Bahasa Melayu itu melambangkan jati diri.

Ini diabaikan dan ini menimbulkan satu tanda tanya yang minta maaf adakah barangkali kecuaihan Pihak Penguasa Tempatan ini perlu diselidiki oleh MACC, minta maaf tetapi saya emosional sedikit Tuan Yang di-Pertua tetapi sebagai perkara seperti ini saya rasa patut difikirkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Kalau ia sukar diakui bahawa memang berlaku pelanggaran saya hendak tahu dengan tegas apa langkah-langkah pembetulan yang hendak dibuat. Adakah langkah-langkah pembetulan meneliti pihak yang meluluskan perkara itu kenapa diluluskan. Ada perkara kongkalikung minta maaf. Maka itu saya sebut kalau perlu pihak MACC masuk ke dalam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup. Sudah faham. Silakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Jawapan saya berdasarkan kepada undang-undang kecil dan undang-undang kecil ini bukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi adalah di bawah PBT-PBT di seluruh negara misalnya seperti disebut di kawasan Bangsar. Itu adalah merupakan di bawah DBKL.

Jadi seharusnya tindakan itu dibuat DBKL dan untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan Kali Ke-61 pada 2 Disember 2008 juga telah meluluskan garis panduan dan telah pun menghantar semua pekeliling ini kepada PBT. Jika sekiranya PBT tidak mematuhi segala peraturan dan garis panduan itu maka silangnya di PBT. Bagi kementerian kita tidak ada satu kuasa pun atau klausa-klausa yang boleh kita mengambil tindakan. Hanya PBT yang berkuasa.

Di samping itu dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan Kali Ke-52 pada 11 Oktober 2004 sama juga. Kita telah menghantar satu lagi keputusan daripada majlis mesyuarat tersebut yang dihadiri oleh semua Ketua-ketua Menteri, Menteri Besar dan exco-exco kerajaan tempatan di seluruh negara meluluskan garis panduan mengenai dengan pengiklanan dan jika sekiranya iklan-iklan ataupun pihak yang mengiklankan itu enggan mematuhi segala peraturan maka kuasa ada dalam tangan PBT. Mereka boleh menurunkan iklan, mereka boleh memberikan notis dan mereka juga boleh mengambil tindakan denda dan sebagainya. Jadi pihak kementerian hanya memberikan garis panduan dan terpulang kepada PBT yang berkenaan.

#### ■ 1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau tidak silap Akta Kerajaan Tempatan itu telah memberi kuasa kepada kementerian dan kementerian melaksanakan. Andainya PBT tidak menjalankan apa yang telah diarahkan itu yang dipersoalkan. Jadi saya harap Yang Berhormat tolong beri jawapan yang lebih tepat dan lebih elok daripada itu di masa akan datang.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau di bawah Akta Kerajaan Tempatan saya akan *check* akta itu dan saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Oleh sebab masa ini agaknya mencemburui kita saya cukup setakat soalan itu. Saya pergi ke soalan kelima Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim.

**5. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta Menteri Pelancongan menyatakan, dengan perbelanjaan RM20 juta untuk membina Pavillion Malaysia di Shanghai, dan RM15 juta untuk kos penyelenggaraan, apakah pulangan atau "*return on investment*" yang diperolehi daripadanya.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kos pembinaan Astaka Malaysia di *World Expo Shanghai 2010* adalah sebanyak RM20 juta. Manakala kos operasi adalah berjumlah RM15 juta. Penyertaan Malaysia dalam *World Expo Shanghai 2010* telah memberikan pulangan atau "*return on investment*" seperti berikut:



- (i) jumlah kedatangan pelawat ke Astaka Malaysia sehingga Oktober 2010 adalah seramai 6,903,531 orang pelawat yang juga merupakan 9.4 peratus daripada jumlah pelawat keseluruhan ke ekspo itu seramai 73,84,200;
- (ii) dari segi nilai publisiti sejumlah 275 laporan media telah dikeluarkan melalui media cetak dan elektronik berhubung penyertaan Malaysia di *World Expo Shanghai* 2010. Nilai keseluruhan publisiti adalah dianggarkan berjumlah RM19,950,626.43;
- (iii) Malaysia telah mencatatkan peningkatan kedatangan pelancong dari China bagi tempoh Mei hingga Ogos 2010. Sejumlah 342,165 orang pelancong China telah datang ke Malaysia iaitu peningkatan sebanyak 8.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009; dan
- (iv) Jualan barangan cenderamata, kraf tangan dan makanan di Astaka Malaysia juga telah memberikan pulangan sejumlah RM3,526,550 di sepanjang tempoh pameran tersebut.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tadi Yang Berhormat Tunku tidak hendak tambahkah berkenaan Yang Berhormat yang bertanya?

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Soalan tambahan saya apakah kajian dan pertimbangan komersial diambil oleh pihak kementerian dalam membuat keputusan dalam menyertai atau mengambil bahagian di dalam Expo Shanghai baru-baru ini.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Pengambil bahagian di dalam *Shanghai World Expo* pada tahun ini adalah daripada sudut perdagangan dan juga daripada sudut sektor pembangunan industri pelancongan di negara kita. Kita telah pun melihat bahawa rakyat China sudah lebih ramai lagi datang ke negara kita sebagai pelancong. Pada tahun lepas 1.1 juta orang pelancong dari negara China.

Oleh yang demikian, kita mengambil bahagian kerana untuk menarik lebih ramai lagi pelancong daripada negara China, negara yang tidak terganggu di dalam krisis ekonomi baru-baru ini. Jadi itulah yang kita lihat dan kita memang yakin bahawa tahun ini akan lebih lagi pelancong-pelancong daripada negara China akan datang ke negara kita. Sekian.

**6. Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, kerajaan selalu memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk pembangunan luar bandar. Adakah kementerian berpuas hati dengan keberkesanan sistem penyampaian kita dari segi mentransformasikan ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Adakah kementerian juga mempunyai pendekatan baru yang akan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaiannya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan amnya dan kementerian khususnya memang sangat berpuas hati dengan keberkesanan yang ditunjukkan oleh agensi-agensi ataupun sistem-sistem *delivery* yang sedang digunakan oleh kementerian ini sekarang. Beberapa kayu ukur boleh kita pakai untuk menunjukkan keberkesanan ini tetapi saya ambil contoh satu sahaja supaya tidak membuang masa. Misalnya dari segi *poverty* (kemiskinan). Sebelum merdeka puratanya kemiskinan di seluruh negara ialah lebih kurang 70 peratus.

Pada tahun 1970 misalnya ia turun kepada 49 peratus. Pada tahun ini angka yang terkini yang kita dapat ialah kemiskinan di seluruh negara pada puratanya telah jatuh kepada 3.8 peratus. Sasaran kita pada penghujung RMKe-10 iaitu pada hujung tahun 2015 ialah kemiskinan dianggarkan turun kepada 2.8 peratus.

Kalau kita ambil kayu ukur dari segi jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar terutama sekali selepas tahun ini dan kemudian kalau di hujung tahun 2015 hampir kesemua seluruh negara dapat dibekalkan dengan *treated water* dan juga bekalan elektrik 24 jam di seluruh negara. Saya cuma menumpukan kepada luar bandar sahaja. Manakala yang di *urban area* ini tidak payah cakaplah. Jadi saya tidak mahu huraikan angka-angka yang teliti ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah, tidak payah.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Agak panjang ini. Jadi kerajaan memang berpuas hati tapi ini bukan bermakna kita tidak akan mengambil langkah-langkah untuk lebih memperbaiki sistem-sistem yang kita guna pakai sekarang. Itulah sebabnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutarakan idea baru tentang melonjakkan pendapatan rakyat Malaysia dengan Model Ekonomi Baru kita pun menyahut seruan itu dan agensi-agensinya sekarang telah diminta dan telah siap pun mengemukakan apakah peranan-peranan agensi masing-masing dan macam mana hendak membuat supaya dapat menyumbangkan ke arah penduduk-penduduk luar bandar dapat meningkatkan pendapatan mereka supaya meningkat kepada 80 peratus daripada pendapatan rakyat di bandar.

Oleh itu juga kementerian ini telah menggubal dasar kita dari segi Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) kita telah perkenalkan PIPLB ini dan ianya telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Oktober tahun ini dan antara lain PIPLB ini telah menggariskan teras dan strategi bagi memastikan keberkesanan sistem penyampaian seperti berikut:

- (i) mengkaji semula sistem pengurusan institusi pembangunan luar bandar;
- (ii) memperkukuhkan sistem pemantauan dan penilaian;
- (iii) memperluaskan serta memperkukuhkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat;
- (iv) mempertingkatkan kerjasama dengan agensi awam, swasta dan NGO; dan
- (v) meningkatkan tahap kapasiti, agensi dan pegawai pelaksana.

Saya juga ingin mengatakan di sini di Sabah dan Sarawak kita telah menubuhkan unit khas dari kementerian ini supaya membantu, melaksana dan memantau terutama sekali pelaksanaan projek yang dilaksanakan oleh kementerian ini.

#### ■ 1100

Ianya mula beroperasi tahun lepas dan nampak berkesan. Kita juga telah meminta agensi-agensinya dari kementerian ini seperti FELCA, RISDA, KETENGAH KESEDAR, KEJORA, KEDA, LIGS, SELCRA, AKPP dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli supaya membantu dengan lebih erat lagi, dengan lebih kuat lagi, prihatin lagi tentang pelaksanaan yang berkaitan dengan projek yang dilaksanakan agensi ini masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, menjawab soalan saya tadi. Baru-baru kita melihat banyak kenyataan akhbar mengenai kegigihan kementerian dari segi membawa pembangunan luar bandar, tapi yang saya lihat kebanyakannya ialah menumpukan kepada kemudahan asas. Saya juga difahamkan di bawah NKRA ini diperkuatkan lagi, kita mempunyai peruntukan sebanyak RM17 bilion dalam masa tiga tahun ini untuk pembangunan kemudahan asas.

Soalan saya ialah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dari segi tumpuan kementerian kepada satu keperluan yang sama mendesak, mungkin lebih mendesak. Iaitu memenuhi keperluan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan kegiatan ekonomi.

Kita tahu yang di dalam 40 peratus penduduk-penduduk yang pendapatan terendah di negara kita kebanyakannya ialah penduduk-penduduk luar bandar. Jadi saya tidak berapa jelas dari segi gambar, apakah kementerian punya satu pelan induk, satu *master plan* mengenai peningkatan pendapatan atau pun kegiatan ekonomi yang lebih sama keutamaan dengan pembangunan kemudahan asas. Terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya Yang Berhormat Senator, penekanan nampaknya seolah-olah diberi kepada pembangunan infrastruktur atau pun pembangunan fizikal, kerana yang telah diumumkan ialah projek-projek di bawah NKRA. Akan tetapi itu hanya setakat 2012 sahaja, tapi di dalam RMKe-10 terutama sekali di dalam program lonjakan mengikut seruan model ekonomi baru ini, memang kita ada perancangan rapi berkenaan dengan macam mana hendak meningkatkan pendapatan orang luar bandar. Sasaran kita seperti yang saya katakan tadi ialah menjelang tahun 2020, pendapatan orang luar bandar mengikut perancangan kita. Dan perancangan ini sebenarnya lebih kurang sudah siap di bawah pelan induk luar bandar tadi, adalah 80 peratus daripada *income* orang di bandar, iaitu lebih kurang USD12,000 per kapita.

Itulah sebabnya di Sarawak kita mula perkenalan program agropolitan di Semenanjung, kita telah kenal pasti beberapa tempat yang akan diberi projek ini dan kalau dilihat di Gahai, Pahang, kalau tidak silap saya, yang nampak berkesan sekali meningkatkan pendapatan orang. Percayalah, kementerian memang akan berusaha lebih gigih lagi untuk meningkatkan pendapatan orang luar bandar.

Itulah sebabnya, satu lagi daripada apa yang kita buat sekarang ialah mencantumkan FELDA, FELCRA dengan satu lagi agensi RISDA dan ditubuhkan menjadi, bukan menjadi, dia diminta menubuhkan satu agensi syarikat yang diberi nama Synergy Perdana tujuannya ialah supaya mengembangkan aktiviti mereka kepada bukan sahaja *upstream* tetapi aktiviti hiliran. Ini adalah satu daripada usaha besar kita untuk meningkat pendapatan melalui dividen, melalui penglibatan orang luar bandar, ke arah meningkatkan pendapatan mereka. Sekian, terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam mengurangkan kadar kemiskinan yang mana pada masa ini kira-kira 6 peratus tetapi lebih kurang dua kali ganda daripada *national average*, dengan izin. Perkataan *key* soalan Yang Berhormat Dato' Sri Effendi ialah pelaksanaannya sistem penyampaian. Jadi saya hendak tanya apakah penekanan terhadap sistem penyampaian dari segi memajukan penduduk luar bandar kerana pada hemat saya Yang Berhormat Dato' ada banyak *leakages*, dengan izin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' bertanya sekarang. Jadi bertanya sahaja.

**Datuk Akbar bin Ali:** ...*Leakages*, apakah usaha dibuat untuk mengurangkan *leakages* ini khususnya dalam RISDA, tidak diberitahu kepada peserta RISDA dan sasaran RISDA untuk meningkatkan pendapatan peserta RISDA adalah sebanyak RM1,300 sedangkan pendapatan purata 40 peratus penduduk ke bawah ialah RM1,400 lebih rendah. Jadi sasaran itu lebih rendah dari keadaan semasa. Apa yang patut dibuat untuk meningkatkan pendapatan isi rumah tadi? Sekian, terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya Yang Berhormat ini dulu pun pernah mengutarakan masalah ini. Saya telah memohon pegawai-pegawai saya menjemput Yang Berhormat, supaya betul-betul bincang di manakah didapati ada *leakages* dan sebagainya supaya lebih secara spesifik. Kita tidak boleh secara rambang atau secara umum, oh nampaknya ada *leakages*. Macam tembak binatang lah ini, tidak boleh *just* hentam macam askar berperang, kita kena tengok di mana tempat betul-betul tepat. Jadi di sana kita kemungkinan akan bawak MACC kemungkinan *Auditor General* punya laporan mengikut itu setakat ini, nampaknya tidak ada masalah dengan kebanyakan atau hampir semua agensi di kementerian kita tetapi saya minta Yang Berhormat kalau dapat berjumpa dengan saya selepas ini, saya akan minta maklumat seterusnya kita jumpa secara spesifik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baguslah itu, saya persilakan Yang Berhormat Datuk Akbar. Okey cukup jawab sudah itu. Sudah cukup.

**7. Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta Gagasan 1Malaysia khususnya bagi memupuk perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih atas pengemukaan soalan ini. Saya mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa. Berbagai pendekatan telah dilakukan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan atau KPKK pendeknya, dalam menjelaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara selaras dengan konsep serta Gagasan 1Malaysia, bagi memastikan pemahaman rakyat secara menyeluruh dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua bagi merealisasikan Gagasan 1Malaysia, KPKK melalui Jabatan Penerangan, RTM (Radio Televisyen Malaysia) dan juga Jabatan JASA serta beberapa jabatan lain telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang telah melibatkan pelbagai pihak dan lapisan masyarakat. Kesemua sasaran ini telah dianggap sebagai berjaya dan boleh dirumuskan bahawa setakat ini, jika disoal apakah jualan perjuangan yang diterima oleh rakyat, jawapannya iaitu Gagasan 1Malaysia. Dari anak sekolah sampai kepada pembangkang, 1Malaysia berada dalam tanggapan dan fahaman masing-masing. Tinggal lagi memang ada beberapa aspek pemahaman ini yang tidak dijelaskan oleh semua pihak tentang Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

■ 1110

Justeru, dalam soal-soal berikut, kita akan perjelaskan lagi apa-apa yang telah diasaskan sebagai petua-petua hak. Apa yang dianggap sebagai hak-hak yang tidak dapat dipersoalkan atau diketengahkan sebagai mandat yang berasingan. Selain itu, buku-buku dan risalah mengenai gagasan 1Malaysia dalam pelbagai bahasa yakni bahasa Melayu, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil terbitan kementerian juga telah dan sedang diedarkan kepada masyarakat. Menerusi kerjasama media, khususnya televisyen yang berpangkalan di Astro, di TV3, NTV7, TV8 dan TV9, perjuangan menerusi penerangan seperti ini juga sedang digarap dan dijangka pada tahun hadapan, masalah-masalah berkaitan dengan Perlembagaan itu kian lama kian menjurus kepada hakikat yang lebih tipis dan kita akan dapat menjayakan program-program itu di tahap yang lebih kental lagi.

**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang mewajibkan media cetak dan media elektronik termasuk TV arus perdana seperti TV1, TV2 dan TV3 dan lain-lainnya serta TV berbayar seperti Astro menyediakan slot rancangan khas khusus bagi meningkatkan kefahaman rakyat kepada Perlembagaan Persekutuan, Rukunegara, gagasan 1Malaysia dan lain-lain dasar kerajaan.

Program-program transformasi seperti transformasi kerajaan, transformasi ekonomi, transformasi politik khususnya bagi membina bangsa negara yang bersatu hati, seia sekata untuk mencapai negara maju menjelang 2020. Apakah program kemasyarakatan yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kementerian ini bagi meningkatkan ataupun mengukuhkan lagi perpaduan kaum di negara ini supaya lahir satu masyarakat Malaysia yang harmoni, saling berkait dan saling menyumbang ibarat aur dengan tebing. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, *kecil* tapak tangan, nyiru saya tadahkan, di atas pandangan yang menyeluruh. Justeru bagi menjawab soalan itu, harus dicerakinkan beberapa pemahaman kita terhadap usaha untuk memberikan maklumat serta penerimaan di kalangan masyarakat berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan, khususnya yang membabitkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Rukunegara serta gagasan 1Malaysia.

Perkara pertama yang harus dilihat ialah menerusi usaha-usaha jabatan. Kedua, menerusi usaha-usaha media dan ketiga, menerusi usaha-usaha para pemimpin yang berada di dalam golongan menyokong kerajaan dan mewakili kerajaan. Bagi tahap pertama tadi, ceramah 1Malaysia misalnya, yang mengandungi bibit-bibit penerangan berhubung dengan Perlembagaan Persekutuan serta Gagasan 1Malaysia, telah diadakan 1,622 di pelbagai tempat yang melibatkan tidak kurang daripada 130 ribu orang di seluruh tanah air. Ceramah 1Malaysia sahaja bagi PLKN yakni latihan yang diadakan oleh perkhidmatan negara, 79 kem dan 400 orang setiap sesi yang diadakan berjumlah hampir 32 ribu orang.

Hal-hal berhubung dengan televisyen, setakat ini sekitar 120 pengiklanan dan juga tanggungjawab sosial bagi pihak syarikat-syarikat televisyen telah menerangkan kepada rakyat tentang inti pati Perlembagaan dan hal-hal berkaitan dengan slot gagasan 1Malaysia dan Rukunegara. Pandangan Yang Berhormat itu tentu sekali akan dapat kita garap pada tahun hadapan dan akan membawa bersama pelbagai pihak yang mewakili sektor kepimpinan swasta dan juga sektor kepimpinan awam kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara juga akan dipohon bersama untuk menyampaikan butir-butir yang hakiki yang boleh difahami oleh masyarakat dan jelas kepada generasi muda kita. Dengan usaha-usaha ini, Tuan Yang di-Pertua, diharapkan perjuangan gagasan 1Malaysia itu di mana di bawahnya terletak Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia akan dapat kita berikan fahaman yang lebih jitu dan tegas.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Menteri ada sesetengah pihak masih lagi tidak faham Perlembagaan Persekutuan dan masih mempersoalkan hak istimewa sesuatu kaum yang lama termaktub dan seterusnya mempersoalkan kedudukan Raja-Raja Melayu. Apakah satu hari nanti jika Perlembagaan Persekutuan dipinda, kita kena panggil Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja Melayu dengan panggilan 'Mr. Sultan' atau 'Mr. Raja'? Kalau cakap di telefon itu, "Hello Mr. Sultan." "Hello Mr. Raja" atau "Mr. Faizuddin Putra", bukan lagi 'Tuanku.'

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Bagi menjawab soalan ini yang sekali gus diselaputi dengan satu unjuran yang agak menakutkan. Biar saya mengambil sedikit peluang, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan iaitu pertama, apa yang berlaku kini ialah suasana di mana kurang fahamnya beberapa segmen generasi muda kita terhadap peruntukan asas atau peruntukan dengan izin, *entrench*, di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Peruntukan-peruntukan *entrench* ini adalah terbabit sekali hak-hak diraja kita yakni bermula dari Perkara 32 berhubung dengan eksekutif persekutuan, 43 – Pelantikan Ahli-ahli Kabinet, 153 – Hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan hak-hak komuniti lain. Di samping itu, Perkara 159 berhubung dengan pindaan dan lain-lain. Apa yang perlu ditegaskan ialah ada perkara-perkara di bawah Perlembagaan kita yang boleh dipinda. Pada masa yang sama, ada beberapa peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang tidak boleh dipinda kecuali dengan kelulusan Raja-Raja Melayu.

Jadi, dalam soal ini Perkara 153, hak-hak keistimewaan orang Melayu dan juga hak-hak *legitimate community* masyarakat lain tidak boleh dipinda kecuali dengan kelulusan Majlis Raja-Raja. Begitu juga tentang bahasa kebangsaan yakni bahasa Melayu tidak boleh juga dipinda kecuali dengan kelulusan Majlis Raja-Raja. Begitu juga tentang hak-hak kedaulatan, kebesaran Raja-Raja tidak boleh dipinda kecuali dengan kelulusan Majlis Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya, apa yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Senator adalah sesuatu yang sudah diharakatkan tidak boleh dipinda. Cuma kita harus mengambil tindakan sekarang menerangkan kepada masyarakat lebih dalam lagi bagaimana tanggungjawab masing-masing, hak masing-masing, lopaknya bak sawah dan ruangnya bak durian, yakni menentukan hak masing-masing. *Insya-Allah*, soalan ini akan kita panjangkan lagi menerusi usaha-usaha sejagat kenegaraan kita dan perkara tersebut juga akan dibawa untuk penerangan di sekolah-sekolah dan di universiti supaya mereka semua mempunyai hak pengetahuan yang lebih meluas dan jitu tepat kepada maksudnya.

■ 1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang begitu faham dan menghayati, saya berasa seronok dan saya minta Ahli Yang Berhormat memahami juga apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Seterusnya saya mempersilakan soalan kelapan, Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

**8. Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sejak Januari 2010 sehingga ke hari ini, berapakah kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara dan berapakah jumlah kematian disebabkan demam ini dan adakah pelepasan nyamuk jantan *Aedes GM* untuk membanteras penyakit demam denggi betul-betul selamat dan efektif.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bin Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini secara bersekali bersama-sama dengan tujuh soalan lain yang menyentuh isu berkaitan dengan nyamuk jantan *Aedes* dan wabak denggi iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam bertarikh 13 Disember 2010, Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman bertarikh 14 Disember 2010, Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff bertarikh 15 Disember 2010, Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap dan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam bertarikh 16 Disember serta Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn bertarikh 20 Disember 2010 kerana pertanyaan-pertanyaan itu adalah berkaitan di antara satu sama lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Datuk Rosnah bin Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari sehingga 11 Disember ialah sebanyak 44,641 kes iaitu telah meningkat sebanyak 15 peratus atau 5,660 berbanding dengan 38,981 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Bagi tempoh yang sama, jumlah kematian kes denggi adalah sebanyak 132 kes berbanding 83 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2009 dengan peningkatan sebanyak 59 peratus ataupun 49 kematian pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa peningkatan bilangan kes denggi yang dilaporkan pada tahun ini merupakan satu fenomena serantau dan bukan terhad kepada negara kita sahaja. Ia berkaitan dengan fenomena El-Nino yang dikaitkan dengan peningkatan suhu dan taburan hujan yang merupakan faktor yang sangat mempengaruhi perkembangan virus dan nyamuk vektor yang seterusnya meningkatkan tahap pengeluaran jangkitan tersebut. Memang benar bilangan kes denggi yang dilaporkan pada tahun ini telah meningkat berbanding dengan tahun lepas. Akan tetapi peningkatan 17 peratus tersebut adalah kecil berbanding dengan peningkatan sebanyak 175 peratus di laut sehingga 16 Oktober dengan 21,509 kes berbanding 7,810 kes sepanjang tahun 2009.

Thailand mencatatkan 70,902 kes sehingga September 2010 iaitu peningkatan sebanyak 117.23 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Di Filipina pula, sehingga Oktober 2010, bilangan kes telah meningkat hampir sekali ganda iaitu 90.6 peratus dengan 110,235 kes berbanding 57,819 kes sepanjang tahun 2009. Lebih berat lagi, bilangan kematian di Filipina telah mencecah 501 kematian dengan kadar *fatality* 0.72 peratus sehingga September berbanding di Malaysia sebanyak 129 kematian dengan kadar *fatality* 0.29 peratus sehingga 1 Disember 2010. Malah, di Singapura, sehingga 23 Oktober 2010, bilangan kes yang dilaporkan telah meningkat sebanyak 15 peratus kepada 4,396 kes dari 3,817 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Oleh yang demikian, peningkatan kes di Malaysia tidaklah seburuk malah jauh lebih baik dari apa yang dialami oleh beberapa negara jiran kita. Fenomena El-Nino yang menyumbang kepada masalah ini adalah di luar kawalan sesiapa pun di dunia ini.

Selagi terdapat tempat-tempat pembiakan Aedes, selagi itulah risiko jangkitan denggi akan berlaku. Tempat-tempat pembiakan ini pula adalah di bawah kawalan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, peranan masyarakat dalam memastikan persekitaran yang bebas dari Aedes amat penting dalam mengawal denggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, tujuan utama pelepasan nyamuk jantan Aedes GM ini ataupun *genetically modified* nyamuk ini dijalankan adalah untuk mengurangkan nyamuk Aedes pembawa virus denggi. Pelepasan nyamuk jantan Aedes GM ini dikira amat berkesan untuk menangani masalah denggi kerana nyamuk jantan GM ini direka khusus agar boleh mati dalam tempoh tidak lebih 30 hari dan bersifat mandul. Apabila ia mengawan bersama nyamuk Aedes betina, lavanya yang dihasilkan tidak mampu berkembang dan akan mati dan dengan itu menghalang generasi nyamuk Aedes seterusnya.

Merujuk kepada sejauh mana selamat, telus dan rapinya kajian yang dijalankan, saya ingin menjelaskan bahawa skop dan skala kajian pelepasan nyamuk jantan telah mengambil kira 100 peratus ketepatan semasa proses pengasingan jantina nyamuk jantan dan betina. Untuk memastikan 100 peratus ketepatan, kaedah-kaedah pengasingan mekanikal yang diadaptasi daripada kaedah Ansari (1977) yang telah diterima pakai oleh makmal seluruh dunia akan digunakan. Selepas itu, kaedah pengasingan manual secara bersiri akan dijalankan oleh kakitangan terlatih di mana setiap pulpa akan dikenal pasti jantannya.

Untuk memastikan 100 peratus ketepatan, setelah pulpa menjadi dewasa di dalam sangkar, satu lagi kaedah pengasingan jantina akan dijalankan dengan melihat morfologi jantina nyamuk kerana nyamuk betina mudah untuk dikenal pasti pada tahap ini dan nyamuk betina akan dikeluarkan dari sangkar. Jumlah nyamuk bagi setiap sangkar adalah kecil. Dengan itu, kepastian 100 peratus dapat ditentukan bahawa hanya nyamuk jantan yang akan terpilih dan dilepaskan. Kajian di tempat yang terkurung juga telah dijalankan sebelum kajian pelepasan di tempat yang terbuka. Hasil daripada kajian-kajian tersebut telah menunjukkan keputusan yang memberangsangkan dan telah dibentangkan dalam beberapa seminar di dalam Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pembebasan secara terbuka dan terkawal merupakan langkah lanjutan dalam menilai keberkesanan potensi nyamuk GM ini untuk mengawal dan menangani vektor yang membawa virus denggi. Untuk itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah meluluskan pelepasan nyamuk-nyamuk GM ini di Bentong, Pahang dan Alor Gajah, Melaka. Perlu ditegaskan bahawa pelepasan ini masih di peringkat awal kajian di mana bilangan nyamuk GM yang akan dilepaskan adalah terhad. Selaras dengan protokol bio keselamatan, kaedah ini akan hanya digunakan secara meluas sekiranya ia terbukti berkesan dan selamat secara saintifik. Terima kasih.

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih atas jawapan tadi. Walaupun bermacam-macam langkah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk membanteras demam denggi tetapi maklumatnya ataupun datanya adalah masih meningkat kematiannya. Jadi saya rasa salah satu sebabnya adalah sikap manusia sendiri iaitu sikap orang awam sendiri termasuk kita semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan, Yang Berhormat.

**Tuan Ng Fook Heng:** Okey. Jadi adakah kementerian akan meningkatkan lagi penguatkuasaan dengan melantik pegawai-pegawai tambahan ataupun sementara untuk menyiasat, mendenda dan memeriksa setiap kawasan yang dilanda wabak demam denggi. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bin Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berikutan dengan situasi peningkatan kes yang dilaporkan pada tahun ini, kementerian juga telah melaksanakan tindakan yang lebih drastik Yang Berhormat bagi meningkatkan aktiviti pengawalan dan memerangi denggi di seluruh negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, satu mesyuarat jawatankuasa peringkat kebangsaan mengenai denggi telah diadakan pada 20 September 2010 yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan hasil daripada mesyuarat tersebut, beberapa tindakan telah diambil dan diperkasakan di peringkat Kementerian Kesihatan.

■ 1130

Salah satu langkah yang kita ambil bagi menjurus kepada persoalan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, kementerian juga dalam proses mengambil perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam (PKA) sambilan di kawasan-kawasan PBT seramai 1,000 orang. Ianya akan diteruskan untuk pengetahuan Yang Berhormat dan beberapa langkah seperti yang diketahui oleh Yang Berhormat sendiri dari segi kempen media denggi kita, kita pertingkatkan.

Dari segi Jawatankuasa Wabak Denggi di peringkat daerah juga Yang Berhormat, telah diaktifkan dengan serta-merta dan pegawai daerah akan mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tersebut setiap minggu bagi melibatkan semua agensi termasuklah pertubuhan sukarela bagi mendapatkan penglibatan serta penyertaan optimum daripada masyarakat. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian dan Bank Negara Malaysia (BNM) bercadang meminda akta berkaitan status penjamin yang sering kali menjadi mangsa dan terheret sama di dalam hutang tertunggak oleh orang yang meminjam.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan penerimaan jaminan sebagai cagaran bagi melindungi hak dan kepentingan penjamin khususnya penjamin bagi pinjaman peribadi yang berjumlah sehingga RM250,000. Di bawah garis panduan tersebut, institusi kewangan diarahkan supaya melaksanakan segala usaha terlebih dahulu untuk mendapatkan semula bayaran balik pinjaman daripada peminjam sebelum mengambil tindakan terhadap penjaminnya.

Dalam hal ini, sekiranya terdapat institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia tidak mematuhi peruntukan tersebut, kes-kes berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia untuk tindakan selanjutnya. Di samping itu, berkuat kuasa 1 Oktober 2003, Akta Kebankrapan 1967 telah memperuntukkan bahawa pemiutang termasuk institusi kewangan perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa mereka telah kehabisan ikhtiar untuk mendapatkan semula semua bayaran yang terhutang daripada peminjam sebelum memulakan tindakan kebangkrapan terhadap penjamin sosial. Penjamin sosial ialah penjamin yang memberi jaminan untuk tujuan seperti berikut:

- (i) peminjam biasiswa atau bantuan untuk tujuan pendidikan atau penyelidikan;
- (ii) pinjaman untuk transaksi sewa beli untuk kenderaan persendirian bukan untuk tujuan perniagaan; dan
- (iii) pinjaman perumahan untuk kediaman sendiri.

Apabila seseorang menandatangani satu kontrak jaminan, mereka perlu memahami bahawa mereka mempunyai tanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar balik pinjaman jika peminjam gagal membuat pembayaran balik. Sehubungan dengan ini, orang ramai juga perlu berhati-hati dan memberi pertimbangan yang sepenuhnya sebelum bersetuju menjadi penjamin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya rasa soalan saya tadi telah pun berjawab. Cuma, saya hendak beri sedikit pandangan. Sebenarnya risiko hendak menjamin penjamin ini kepada penghutang-penghutang ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri pandangan tidak boleh, Yang Berhormat.



**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Bukan pandangan, soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan boleh.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Soalan, soalan. Oleh sebab penjamin ini biasanya bila dia menjamin seseorang – setelah dia menjamin seseorang, bila dia hendak buat *personel loan* tidak lepas, *apply* kad kredit tidak lepas, hendak buat pinjaman tidak lepas, buat pinjaman rumah tidak lepas, akhirnya risiko paling teruk ialah mufliis dan juga seterusnya pasport ditahan. Saya hendak tahu, setelah penerangan diberi tadi, adakah apa-apa tindakan dan juga saranan yang boleh Bank Negara buat bagi memastikan segala masalah CTOS dan CCRIS dapat ditangani dengan berhemah agar segala butir-butir peribadi tidak diuar-uarkan dan disenaraihitamkan oleh institusi bank dan juga kewangan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Ini merupakan masalah yang dihadapi oleh orang ramai yang disenaraihitamkan dalam perkhidmatan maklumat kredit pinjaman. Masalah yang terdapat berhubung dengan CTOS ini masalah lama dan kerajaan telah pun meluluskan undang-undang baru supaya pembekal maklumat ini dikawal selia. Apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, maka *insya-Allah* masalah ini tidak lagi berterusan supaya pengendalian pangkalan data ini dibuat dengan cara yang lebih profesional, terurus dan sentiasa dikemaskinikan. Ini kalau CCRIS, ia dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Ini tidak banyak menimbulkan masalah kerana apa yang terdapat dalam CCRIS ini biasanya adalah maklumat yang tepat, yang sentiasa *current*. Jadi, soal-soal ini terutamanya yang berhubung dengan masalah CTOS ini diharap akan dapat diselesaikan apabila undang-undang baru itu dikuatkuasakan. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai dengan pinjaman sosial. Apa yang biasa berlaku apabila peminjam itu, orang kampung contohnya, dan penjamin itu pegawai kerajaan, apabila gagal membayar, pihak bank menekan penjamin sehingga terpaksa dipotong gaji bulannya sedangkan peminjam ini bebas. Walaupun dia orang kampung tetapi dia masih ada kemampuan. Jadi kenapakah tidak ada satu peraturan supaya peminjam ditekankan agar membayar hutang itu dan sekiranya benar-benar peminjam ini tidak berkemampuan, barulah dicari penjaminnya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya itulah yang telah dibuat oleh Bank Negara dengan garis panduan yang dikeluarkan bahawa institusi kewangan tidak boleh menekan penjamin selagi ia tidak berurusan terus dengan peminjam. Ada garis panduannya. Jadi sekiranya terdapat kes seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat ini, maka boleh bagi kepada Bank negara dan Bank Negara akan uruskan. Bermakna, tidak boleh sama sekali peminjam dibiarkan bebas manakala penjamin yang ditekan tidak boleh. Ini adalah jelas dalam garis panduan dan sekiranya ada kes-kes yang sedemikian, Bank Negara boleh membuat tindakan selanjutnya. Boleh bagi.

Saya hendak bagi sedikit maklumat umpamanya kes-kes aduan yang diterima oleh Bank Negara dalam tahun 2007 umpamanya, 27 kes yang mana penjamin ini tidak berpuas hati dengan tindakan institusi kewangan. Dalam tahun 2009 sebanyak 18 kes, tahun 2010 sebanyak 11 kes dan kes-kes ini sudah dapat diselesaikan oleh Bank Negara dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

**10. Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, tidakkah kementerian bercadang untuk mengadakan dana peruntukan khas bagi menerbitkan filem sejarah seluruh negara sesuai dengan keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia menjadikan kurikulum Sejarah subjek wajib lulus di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 dan menjadikannya subjek teras di sekolah rendah bermula pada tahun 2014.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dana untuk semua jenis filem berkualiti sedia boleh dipohon dari Dana Industri Kreatif.

Kementerian juga melalui Jabatan Filem Negara Malaysia telah membuat pelancaran untuk menerbitkan produksi dokumentari kenegaraan pada tahun 2011 dan tahun 2012. Tajuk-tajuk produksi yang akan diterbitkan sedang dibincangkan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) pula ada menyediakan dana penerbitan filem dan animasi filem-filem berunsur sejarah yang berkualiti juga boleh dipohon dari sumber ini.

■ 1140

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya maksudkan soalan tambahan saya ialah berhubung dengan sejarah di seluruh negara, kerana setiap negeri mempunyai sejarah bagi tujuan untuk memberikan pengetahuan kepada anak-anak muda khususnya mereka yang masih belajar, yang kita tahu sekarang ini seperti mana yang telah saya kemukakan, keputusan Kementerian Pelajaran menjadikan kurikulum sejarah subjek lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula daripada tahun 2013 dan menjadikannya subjek teras di sekolah rendah bermula pada tahun 2014.

Jadi, untuk itu, kalau kita dapat setiap negeri menerbitkan bekerjasama dengan kementerian supaya menerbitkan filem sejarah bagi tujuan untuk mereka mempelajari sejarah negara, sebab setiap negeri mempunyai sejarah. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita ada Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Desa di seluruh negara yang mana kita adakan sejarah-sejarah dalam negeri-negeri yang ada di sana dan juga sejarah negara kita dan rakyat sudah boleh peroleh dalam bentuk *syllabus* pelajaran di sekolah rendah, menengah dan universiti. Oleh itu, pelbagai jenis buku, risalah, majalah dan petikan artikel di dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan tadi senang sahaja. Dia kata sama ada kementerian ada atau tidak mewujudkan dana bagi tujuan menerbitkan filem sejarah? *That is the question*, dengan izin.

**Datuk Maglin Dennis D'Cruz:** *Oh, thank you.* KPKK melalui Filem Negara Malaysia sudah memohon dana sebanyak RM18 juta untuk meneruskan penerbitan 30 dokumentari kenegaraan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah, seterusnya kita pergi kepada soalan lain. Saya fikir agaknya Yang Berhormat kena berhati-hati dengar soalan itu, jawab dengan yang lebih tepat supaya ringkas.

11. **Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimanakah keberkesanan program "e-Kasih" dan faedahnya kepada rakyat yang memerlukan bantuan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat terlebih dahulu. Sistem e-Kasih adalah merupakan bank data kemiskinan nasional yang telah diwujudkan untuk mengintegrasikan data dan maklumat keluarga miskin di bandar dan di luar bandar dengan jelas bantuan yang diterima daripada pelbagai agensi pemberi bantuan. Kesan pelaksanaan e-Kasih dapat dilihat melalui perwujudan satu pangkalan data bersepadu, dengan izin, *integrated*, yang telah menjadi asas perancangan program kemiskinan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Ia juga dapat mengelakkan pertindihan program bantuan kemiskinan oleh agensi-agensy pemberi bantuan. Selain itu, ia membantu proses pemantauan yang berkesan dengan mengesan perubahan status kumpulan dengan tepat dan cepat supaya tindakan-tindakan pemutihan dapat dilaksanakan terhadap kumpulan sasaran yang berkenaan. Proses penilaian program juga dapat diadakan dengan menilai sejauh mana keberkesanan program projek meningkatkan kesejahteraan hidup kumpulan sasar.

Melalui proses penyelarasan dan pengemaskinian bantuan kepada senarai nama kumpulan sasar yang telah diselaras dalam e-Kasih sehingga 30 November 2010, kerajaan telah mengeluarkan seramai 41,662 ketua isi rumah (KIR), miskin tegar daripada jumlah data terkunci iaitu 50,757 ketua isi rumah daripada kepompong kemiskinan.

Selain itu, sistem e-Kasih berjaya mengesan hanya 5,574 keluarga isi rumah miskin tegar atau 11.4 peratus sahaja yang masih direkodkan sebelum menerima bantuan. Namun kelompok ini sedang ditangani secara berterusan terutama melalui Program Peningkatan Pendapatan, Program 1Azam di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah perancangan kerajaan untuk memberi bantuan kepada warga-warga emas yang umurnya 70 tahun ke atas, tidak kira latar belakang.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya warga emas ini didaftar di bawah e-Kasih dan mereka tidak mempunyai siapa-siapa untuk menjaga, penjagaan dan sebagainya, mereka akan tetap mendapat bantuan. Untuk makluman Yang Berhormat, ada pelbagai agensi, khususnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan KPKT di mana ada bantuan-bantuan secara langsung dan tidak langsung diberi untuk golongan-golongan ini, tetapi kena masuk ke dalam laman web untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah benar proses verifikasi di bawah program e-Kasih ini memakan masa yang agak lama dan berapa ramaikah masyarakat India yang telah pun mendaftar di bawah program ini setakat ini? Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang pertama, kita ingin tahu mekanisme e-Kasih, bagaimana proses pendaftarannya berlaku. Sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak agensi telah mengeluarkan bantuan kepada orang yang sama. Kadang-kadang ada orang dapat sampai 12 jenis bantuan daripada pelbagai agensi sebelum data ini telah diselaraskan. Sehingga ada yang dapat RM1,000 lebih kalau dikumpulkan bantuan-bantuan itu. Itu sebabnya e-Kasih telah diwujudkan. Maka, bila diwujudkan pada 2008, kita mengeluarkan proses pendaftaran *online*. Mula-mula secara fizikal. So, pada 2008 kita dapat 44,000. Pada tahun 2009 kita dapat 6000 lagi, jadi 50,000.

Akan tetapi pada Januari tahun ini, kita telah *onlinekan*. Bila *dionlinekan*, jumlah pendaftaran yang kita terima adalah 184,551 di seluruh negara. Daripada jumlah ini, yang sudah diverifikasi kerana proses verifikasi ini terlalu tenat. Ada hampir 23 muka surat di mana gambar akan diambil, betulkah golongan ini benar-benar miskin. Kadang-kadang dia duduk dengan anak dia. Macam-macam. So, kita kena pastikan bahawa semuanya dapat diverifikasi. Pegawai DOS, *Department of Statistic*, akan pergi buat verifikasi. Selepas itu, oleh kerana bebanannya begitu tinggi dan terpaksa kita buat sensor kependudukan, sekarang kita gunakan ICU untuk buat verifikasi ini.

Daripada jumlah ini, yang tidak layak yang kata mereka miskin tetapi tidak layak adalah 55,575 orang. Maka, belum diverifikasi daripada 184,000 itu adalah 60,661. Maka, jumlah masyarakat India dalam kohot ini belum saya tahu. Rekod-rekodnya belum kita keluarkan, tetapi saya berharap bahawa pada Januari ataupun pada tahun depan itu, semua yang perlu diverifikasi akan dilaksanakan kerana ICU yang mengambil kira. Mungkin saya boleh memberi maklumat kepada Yang Berhormat kemudian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Cukuplah setakat ini, kita tamatkan pertanyaan lisan kita.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2010**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.49 pg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kayu-kayan, memperkemaskan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Lembaga dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**■ 1150**

**Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu undang-undang untuk:

- (i) membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kayu-kayan di Malaysia;
- (ii) memperkemaskan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi lembaga;
- (iii) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sektor kayu-kayan merupakan salah satu penyumbang penting kepada pendapatan eksport negara. Sektor ini telah mencatatkan nilai eksport yang memberangsangkan setiap tahun, berjumlah tidak kurang dari RM20 bilion bagi tahun 2005 hingga tahun 2008. Sementara itu, walaupun ekonomi global mengalami kemelesetan pada tahun 2009, nilai eksport sektor kayu-kayan masih mampu mencatatkan nilai eksport yang baik, iaitu RM19.49 bilion ataupun 2.32 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) negara.

Bagi tempoh bulan Januari sehingga bulan September tahun 2010 pula, nilai eksport kayu dan produk kayu negara ialah RM15.49 juta. Bagi terus memacu pertumbuhan sektor kayu-kayan dan menyediakan satu dasar bersepadu mengenai perancangan pembangunan industri perkayuan negara, bagi tempoh tahun 2009 hingga tahun 2020, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah merangka Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP).

NATIP telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 17 Februari 2009. Antara sasaran NATIP yang telah ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2020 termasuk:

- (i) meningkatkan nilai eksport kayu dan produk kayu kepada RM53 bilion; dan
- (ii) menstrukturkan industri dengan tumpuan kepada pengeluaran produk hiliran bernilai tambah tinggi berbanding dengan produk hulu pada nisbah 60:40.

Dalam usaha kementerian merealisasikan sasaran NATIP ini, enam teras strategik utama telah dikenal pasti untuk diberi tumpuan. Enam teras strategik itu ialah:

- (i) bekalan bahan mentah;
- (ii) inovasi dan teknologi;

- (iii) pemasaran dan penggalakan;
- (iv) pembangunan modal insan;
- (v) pembiayaan insentif; dan
- (vi) penyertaan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disebutkan tadi, antara cabaran yang dihadapi oleh industri perindustrian negara ialah memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi untuk kegunaan industri hiliran kayu. Sehubungan ini, KPPK melalui MTIB telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Pembangunan Ladang Hutan. Program ini bertujuan untuk:

- (i) menggalakkan penanaman ladang hutan secara komersial;
- (ii) menjamin bekalan berterusan dalam industri perindustrian; dan
- (iii) menambah pelaburan dalam industri perindustrian.

NATIP menasaskan 25,000 hektar akan diusahakan setiap tahun melalui Program Pembangunan Ladang Hutan. Sebanyak lapan spesies telah dikenal pasti untuk ditanam di bawah program ini. Program ini dijangka akan dapat menghasilkan sebanyak lima juta meter kepada bekalan bahan mentah kayu setahun. Sehingga 30 November 2010 tahun ini, sebanyak 22 perjanjian dengan jumlah pinjaman sebanyak RM335.64 juta telah ditandatangani. Perjanjian ini melibatkan 19 syarikat meliputi keluasan ladang hutan seluas 76,060 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, KPPK juga menyahut sasaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menggariskan gagasan modal baru ekonomi untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang berpendapatan dan berproduktiviti tinggi berteraskan kepada inovasi dan nilai tambah tinggi. Justeru, KPPK melalui MTIB berhasrat untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau *research and development* (R&D), khususnya bagi membantu pihak industri perindustrian menambah baik dan mengkomersialkan produk mereka.

Dalam hubungan ini, MTIB melalui *Fibre and Bio-composite Development Centre* (FIDEC) antara lain akan menyelaraskan aktiviti R&D ini dan memudahkan pengkomersialan hasil R&D mengenai *fibre* dan *bio-composite*. Kementerian melihat aktiviti R&D sebagai satu sumbangan untuk terus meningkatkan lagi industri perindustrian negara. Tambahan lagi pada masa ini, produk perindustrian Malaysia menghadapi persaingan dengan negara-negara pengeluar seperti China dan Vietnam. Negara ini mampu untuk mengeluarkan produk perindustrian yang bukan sahaja menarik dari segi reka bentuk tetapi juga dengan kos yang lebih murah.

Bagi memastikan produk perindustrian negara mampu terus bersaing di pasaran antarabangsa, aktiviti R&D secara *inclusive* termasuk oleh agensi kerajaan, universiti dan pihak swasta wajar dilaksanakan kerana ia dijangka memberi *output* dan impak yang lebih baik. Kementerian turut mengenal pasti keperluan untuk memperkemas kuasa dan operasi penguatkuasaan selaras dengan tanggungjawab MTIB sebagai organisasi yang mengawal industri kayu. Walau bagaimanapun, kuasa yang diperuntukkan kepada pegawai penguat kuasa ini tidak melebihi kuasa yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 38 fasal yang menjelaskan fungsi dan kuasa lembaga dalam menjalankan tanggungjawab membangunkan industri perindustrian negara yang terbahagi kepada tujuh bahagian utama.

Fasal 1 dan fasal 2 mengenai takrif kuasa dan takrif-takrif yang digunakan di dalam rang undang-undang.

Fasal 3 hingga fasal 7 mengenai pertubuhan lembaga.

Fasal 8 hingga fasal 11 mengenai peraturan perindustrian kayu.

Fasal 13 hingga fasal 16 mengenai perkara kewangan.

Fasal 17 hingga fasal 22 mengenai kuasa yang berhubungan dengan penguatkuasaan, penyertaan, penangkapan dan sebagainya.

Fasal 23 hingga fasal 31 mengenai perkara pelbagai seperti pengkompaunan dan pendakwaan kesalahan.

Fasal 32 dan seterusnya mengenai jadual-jadual berhubung penjelasan lanjut aktiviti lembaga.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini adalah pindaan yang kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dr. Malasingam.

#### ■ 1200

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ruang yang diberikan untuk saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia di Dewan yang mulia ini. Kita sedar bahawa industri kayu di Malaysia kini telah mencapai satu tahap pengkomersialan yang begitu kompetitif di persada antarabangsa. Ini kerana keadaan geografi serta lokasi negara kita sebagai transit di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya apakah nilai eksport negara kita bagi industri kayu balak terutama sejak lima tahun dahulu dan adakah penjana pendapatan negara meningkat jika kayu-kayu ini dieksport setelah diproses? Memandangkan negara kita ini hutan hujan tropika, apakah standard pengeluaran kayu ini memenuhi standard permintaan pasaran antarabangsa? Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam sentiasa memastikan permintaan produk kayu dan industri kayu di Malaysia sentiasa aktif dalam menjana ekonomi negara? Apakah satu sistem yang bersepadu wujud dalam mengawal pengelolaan serta kualiti kayu ini dijamin?

Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah *timber concession* yang masih beroperasi di negara kita dan di antara jumlah ini berapa lagi yang masih dipertimbangkan? Memandangkan jumlah keuntungan yang diperolehi ini dilihat sangat lumayan dan hanya segelintir golongan yang berpengalaman sahaja yang menceburkan diri dalam industri pembekalan. Apakah pengusaha-pengusaha balak ini juga turut memainkan peranan dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam membantu kerajaan terutama dalam mempromosikan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapat melihat berapa syarikat konsesi pembalakan bertindak tamak sehingga mencemarkan alam sekitar. Di mana sungai-sungai kita diguna pakai sebagai *mode of transportation* dengan izin, sehingga menjejaskan pemeliharaan alam sekitar dan mencemarkan sungai. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian dalam menangani masalah ini supaya ia tidak berulang lagi. Memandangkan kerajaan mempunyai talian persahabatan yang akrab dengan negara-negara maju, apakah rancangan-rancangan yang telah dilakar bagi tujuan mempromosikan produk hasil kayu?

Apakah usaha yang dilakukan dalam turut membantu pengusaha-pengusaha pemprosesan kayu yang sederhana dan kecil di negara ini? Kita dapat lihat terutama di luar bandar, banyak pengusaha industri kayu ini wujud dan kadang-kadang terpaksa mengecilkan perniagaan ini di atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Apakah punca yang menyebabkan mereka ini terpaksa gulung tikar dan apakah alternatif yang diberikan bagi memastikan bakat-bakat pengukiran yang asal dan tradisi ini tidak hilang begitu sahaja? Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli.

**12.04 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahīm:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan untuk saya membicarakan suatu yang agak mustahak dan saya mengambil masa yang agak sedikit untuk meluahkan beberapa pandangan bagi maksud akta yang telah dikemukakan oleh kerajaan iaitu Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973.

Bagi maksud ini Tuan Yang di-Pertua, sering kali kita melihat terdapatnya suatu percanggahan terutamanya sekali di media-media elektronik dan media-media tempatan kita, yang sering menuding jari di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, di antara pihak kementerian dengan kementerian yang lain, di antara jabatan dengan jabatan yang lain. Seolah-olahnya tidak ada suatu penyelarasan yang timbul di dalam usaha untuk mempertingkatkan. Sering kali kita melihat suatu pertembungan.

Saya menggunakan platform Dewan yang mulia ini supaya dapat dan kalau boleh diwujudkan suatu penyelarasan di antara pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan yang di inisiatif oleh pihak Kerajaan Persekutuan sendiri. Bagi maksud penyelarasan terhadap pembangunan hutan, yang kita anggap sebagai suatu khazanah yang cukup berharga dan bernilai kepada anak bangsa dan rakyat secara keseluruhan.

Kita telah dianugerahkan oleh Allah SWT dengan struktur dan muka bumi yang cukup subur dan berjaya menghidupkan tumbuhan-tumbuhan yang cukup baik, bernilai serta bermutu tinggi. Kini, sebahagian besar daripada negeri-negeri di dalam negara kita ini telah meletakkan hasil kayu-kayan ini sebagai suatu punca hasil yang cukup besar, selain daripada hasil bumi yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada rakyat di dalam negara kita.

Oleh hal yang demikian, saya menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat mewujudkan suatu keselarasan yang sungguh-sungguh bagi memastikan bahawa setiap pembangunan hutan yang wujud di setiap negeri-negeri ini supaya dapat dikawal. Bukan sahaja dapat dikawal dari segi pembangunan hutan tetapi pengawalan dari segi alam semula jadi supaya sumber hutan ini akan menjadi sumber yang berterusan. Bukan hanya setakat apabila kita melihat air tercemar maka kita menyalahkan kepada jabatan yang terlibat.

Apabila kita melihat penggondolan hutan, kita menyalahkan kepada negeri berkenaan dan saya kira ini merupakan suatu jalan pintas yang tidak dapat menjelaskan serta menyelesaikan masalah dan kerumitan yang timbul. Apa yang kita mahu ialah supaya kementerian dan Kerajaan Persekutuan sendiri bertindak sebagai bapa untuk menyelaraskan setiap pembangunan hutan, pembukaan konsesi dan sebagainya serta penanaman semula hutan yang *sustain*, yang berterusan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bagi memastikan pembangunan hutan di setiap-setiap negeri itu dapat dilaksanakan mengikut modul dan juga model yang ditetapkan oleh kementerian dan Kerajaan Persekutuan. Itu perkara pertama.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah saya tertarik dengan ucapan serta saranan daripada Yang Berhormat Senator Dr. M. Malasingam iaitu kita lihat hari ini industri hiliran telah bercambah bagaikan cendawan. Di antara beberapa industri hiliran yang timbul ialah industri perabot daripada getah, yang mana kita cukup kagum hasil kayu-kayan getah ini, bukan semua negara dapat tumbuh pokok getah. Akan tetapi *Alhamdulillah* negara kita ini boleh dikatakan hanya meletakkan satu biji benih tetapi getah dapat tumbuh, hidup subur. Hari ini kayu getah telah dikenal pasti sebagai satu produk yang telah pun melangkaui daripada apa yang diharapkan sebelum daripada ini.

Kita mohon daripada pindaan daripada akta ini akan dapat memberikan suatu sumbangan yang besar terutama sekali dari segi bantuan kepada pengusaha-pengusaha dan juga pengamal industri hiliran di dalam negara, bukan hanya merupakan suatu insentif biasa tetapi dengan penuh izin sekiranya dapat diadakan suatu insentif serta suatu jawatankuasa pemantau khusus.

■ 1210

Ini supaya dapat meninjau serta menyelami masalah-masalah yang dialami oleh pengusaha-pengusaha di dalam negara kita ini, bagi memastikan industri hiliran ini akan terus berdaya saing dan memberikan suatu sumbangan besar kepada pendapatan negara kita.

Kita tidak mahu pengusaha-pengusaha di dalam industri hiliran hasil daripada kayu kayan ini, suatu ketika akan gulung tikar sedangkan permintaan dari segi pasaran eksport negara, kita lihat ia telah melonjak dari tahun ke tahun, walhal demikian Kementerian seharusnya sempena dengan pindaan akta ini, yang memberikan suatu perangsang serta semangat baru, memberikan perhatian yang khusus kepada pengamal-pengamal dan pengusaha-pengusaha di dalam industri hiliran terutama sekali di dalam industri getah yang berasaskan kepada kayu getah.

*Insya-Allah* pada suatu ketika nanti kita akan dapat melihat bahawa pengeksportan kayu getah di dalam negara kita ini akan terus memasuki pasaran antarabangsa dan dapat diterima baik untuk bersaing dalam pasaran yang dikeluarkan oleh negara-negara di sebelah Eropah. Saya pohon menyokong kepada pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sebelum itu saya ingin tahu berapa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut berbahas?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

12.12 tgh.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kesan industri pembalakan ke atas masyarakat sering diabaikan apabila nilai kemusnahan ke atas masyarakat orang asal dan orang Penan, kedua-dua masyarakat ini ialah mendapat kesan yang buruk oleh sebab pembalakan. Kehidupan penduduk Orang Penan dibelenggu pelbagai masalah dan potensi kemerosotan ekonomi menggantikan faedah yang kian hilang yang selama ini disediakan oleh hutan. Menurut satu laporan bersama oleh WWF dan Jabatan Perhutanan Sarawak ialah seperti ini: *"Pembalakan mengakibatkan gangguan hutan dalam masa yang singkat, perubahan persekitaran semula jadi dalam jangka masa panjang iaitu kemusnahan pokok yang menjadi sumber makanan dan kawasan yang menjadi tempat haiwan menjelinkan garam meningkat kegiatan pemburuan oleh pekerja syarikat balak dan penggunaan jalan-jalan pembalakan untuk memburu, pemusnahan hidupan liar berikutan kehilangan tempat tinggal secara meluas perlu disediakan."*

Tuan Yang di-Pertua, kita pun dengar bahawa masyarakat Penan mendapat satu kesan buruk, oleh sebab pekerja-pekerja kayu balak, ada wanita kaum Penan dirogol, kanak-kanak perempuan Penan juga turut dirogol dan sehingga sekarang tiada seorang pun di *charge* di *court*. Ini satu kesan yang saya risaukan dan sedih di mana masyarakat pendalaman menjadi mangsa oleh sebab pembalakan. Saya berharap akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi masyarakat pendalaman di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan orang asal yang duduk di pendalaman di Semenanjung Malaysia di mana hutan adalah satu sumber penting bagi mereka dan tanpa hutan kehidupan mereka terjejas dan pupus. Jadi saya berharap Kementerian akan melindungi hutan untuk orang asal bahawa mereka boleh hidup dengan tanah yang mereka miliki sekarang tanpa apa-apa gangguan, itulah *concern* saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.



**12.15 tgh.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973. Apabila disebut berkaitan dengan kemajuan kayu di Malaysia, antara perkara yang menarik perhatian saya ialah saya ingin tahu kepada pihak kerajaan, sejauh manakah pihak kerajaan memastikan penglibatan pekerja tempatan berbanding dengan pekerja-pekerja asing dalam industri kayu. Sekiranya terdapat penglibatan pekerja asing sebagaimana yang kita lihat dalam industri lain seperti pertanian, berapakah jumlah yang telah pun di dapati di Malaysia melibatkan pekerja asing. Ini kerana industri kayu di Malaysia ini masih lagi di peringkat yang bagi saya tidak berapa ramai memerlukan pekerja asing, sekiranya ada terlibat berapa orang yang terlibat.

Kedua berkaitan dengan FITEC Saya ada melawat sebuah kawasan ataupun agensi yang sudah dibuat dipihak kerajaan iaitu yang menjaga tentang penyelidikan dan kemajuan perabot kayu di Malaysia. Walau bagaimanapun apabila saya sampai di bangunan pejabat FITEC ini, saya lihat imej yang digambarkan oleh pejabat ini sendiri tidak menggambarkan industri kayu itu sendiri. Sebagai contoh kalau kita pergi ke tempat batik, sekurang-kurangnya di bahagian hadapan itu dipaparkan berkenaan dengan batik, tetapi saya sampai di FITEC ini, saya lihat tidak ada imej sedemikian yang digambarkan. Jadi bagaimana ia akan menarik pihak luar, sama ada pelancong ataupun orang yang akan datang belajar ataupun masyarakat luar yang melihat tempat atau agensi ini adalah satu tempat yang akan mengajar kita bagaimana kita boleh memajukan diri kita dari segi untuk menjadi pengusaha kayu ataupun perabot yang baik. Jadi saya ingin tanya pihak kerajaan apakah fungsi FITEC, bagaimana imej FITEC ini digambarkan di peringkat Malaysia dan berapakah cawangan FITEC ini ada di seluruh Malaysia.

Begitu juga dengan kawalan harga, apabila disebut tentang harga barangan kayu, kita lihat harga barangan kayu untuk barangan daripada kayu getah ataupun barangan kayu-kayu di Malaysia ini tidak ada harga yang tetap tetapi jika kita pergi lihat di negara-negara lain seperti di Indonesia dan juga di Thailand, kita lihat mereka mempunyai satu kawalan harga yang khusus untuk mengawal harga-harga dan ada beberapa kualiti yang kita boleh dapatkan daripada semua tempat yang kita kunjungi akan ada kelas 'A', kelas 'B' dan kelas 'C'. Jadi barangan yang melibatkan produk negara kita, khususnya melibatkan kayu getah dan kayu-kayu yang lain, kita tidak dapat mengenal pasti sama ada kayu yang dihasilkan di negara kita ini kelas 'A', kelas 'B' dan kelas 'C' sehingga ia akan mendapat harga yang berbeza.

Walaupun bagaimanapun kita difahamkan bahawa pihak kerajaan banyak menghantar produk buatan negara kita, khususnya yang melibatkan industri perabot ini ke luar negara dan mendapat sambutan. Jadi kalau negara lain boleh memberi sambutan, kenapa dalam negara kita lihat promosi untuk membuat promosi kepada barangan milik negara kita sendiri tidak sampai ke tahap itu, sedangkan ramai di kalangan rakyat kita boleh membeli perabot-perabot yang dihasilkan oleh negara luar dengan harga yang mahal. Jadi kenapa kita tidak sanggup beli barangan kita sendiri, mungkin kerana promosi tentang kualiti kelas 'A', kelas 'B' dan kelas 'C' kepada barangan perabot bermesin tidak diberikan perhatian oleh pihak yang sepatutnya.

Jadi satu lagi tentang pelan pemantauan. Apabila disebut tentang industri kayu kayan dan juga industri perabot yang melibatkan kayu ini, kebanyakan tempat yang saya kunjungi mengatakan bahawa kebanyakan pihak khususnya pihak bumiputera apabila mereka terlibat dengan perabot kayu, pada peringkat awal mereka mendapat bantuan mungkin untuk membeli mesin. Akan tetapi kita lihat dari segi perancangan jangka panjang, tidak ada pelan pemantauan yang berkesan yang dibuat oleh pihak kerajaan dan saya mohon agar dengan tertubuhnya, dengan terpinggirnya Akta Lembaga Perindustrian Kayu ini, perkara ini akan diberikan perhatian, kerana sesungguhnya harga untuk membeli mesin itu mahal. Akan tetapi jika kita tidak memberikan pelajaran, pendidikan dan bantuan seterusnya kepada pihak yang terlibat dalam industri untuk mampu berdaya saing pada masa hadapan, ini akan merugikan negara kerana sudah *spend* duit dan membelanjakan duit untuk membeli mesin tetapi kita tidak memberikan pemantauan.

**■ 1220**

Sebagai contohnya untuk kita melahirkan seorang pelajar di Malaysia. Kita ambil mereka daripada peringkat yang paling kecil, mereka sudah dihantar mungkin ke tadika, pasti macam-macam yang kita buat diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran daripada umur tujuh tahun kita pegang sehingga umur mereka 17 tahun. Kita mengambil masa sepuluh tahun untuk melahirkan seorang pelajar. Jadi kenapa kita mengambil masa yang lebih pendek untuk kita melahirkan usahawan khususnya melahirkan usahawan yang kaya sebegini yang perlu dipantau oleh pihak kerajaan agar kita mampu untuk berdaya saing sebagaimana juga industri-industri lain di dalam negara kita.

Ini kerana kita lihat seluruh negara ini kebanyakan industri ini dia naik dan dia turun, naik dan turun. Maknanya buka sekejap, tutup, buka sekejap tutup. Kita tidak ada pemantauan yang dibuat oleh pihak kerajaan khusus untuk memastikan perkara ini berjalan dengan baik kerana mesin-mesin yang melibatkan industri perabot dan juga perkayuan ini mahal. Saya juga ingin bertanya pihak kerajaan kerana bila kita hadir untuk seminar-seminar luar negara, negara-negara sebagaimana negara Singapura yang tidak ada sebatang pokok balak pun di negara mereka hadiah yang diberikan kepada ahli-ahli Parlimen ialah pen yang diperbuat daripada kayu.

Sedangkan negara kita, bila kita buat program-program yang mungkin juga harga yang lebih mahal akan tetapi kita jarang untuk meraikan produk-produk yang dibuat daripada kayu. Kita mungkin akan ada sekali sekala buat produk daripada kain batik, sekali sekala daripada perak akan tetapi jarang kita hasilkan produk-produk yang banyak untuk kita pameran kepada delegasi-delegasi luar negara bagi memastikan kita boleh menunjukkan bahawa antara imej negara kita adalah kita mengeluarkan produk-produk kayu.

Saya juga bila kita hadir di seluruh kebanyakan-kebanyakan negara yang telah kita hadir bila kita melawat Parlimen mereka, sepanjang ingatan saya sudah berbelas-belas Parlimen yang saya kunjungi kesemua Parlimen di seluruh dunia ini menggunakan kayu dalam Dewan Parlimen. Jadi kalau semua menggunakan kayu, yang berbeza antara Parlimen kita dengan Parlimen Mexico, Parlimen kita dengan Majlis Permesyuaratan di Indonesia ialah bagaimana kreativiti yang digambarkan di tempat sebagai contohnya ukiran di dalam Parlimen kita pada hari ini.

Jadi perkara sebegini sepenting ini saya rasa tidak diberi perhatian dan penerangan oleh khususnya pegawai-pegawai kita ataupun orang yang terlibat industri ini untuk diterangkan. Kalau kita hadir ke negara lain mereka akan bawa kita melawat bangunan Parlimen, mereka akan terangkan satu-satu apakah ciri-ciri segala ukiran yang terdapat dalam binaan ataupun perkara-perkara yang terdapat dari segi warisan kayu kayan, ukiran di negara mereka.

Jadi saya pohon agar perkara ini diberi perhatian supaya kita akan dapat beza bila tengok kayu negara lain, kayu negara kita, ukiran negara lain, ukiran negara kita apa ciri perbezaannya. Mesti ada kalau negara kita mahu tidak mahu mesti ada bunga raya sebagai contoh. Jadi perkara ini kalau kita buat secara berterusan ia akan melahirkan satu rasa cinta kepada ukiran itu sendiri.

Begitu juga dengan kes-kes kalau kita lihat, bila saya ada sebut perbahasan sebelum ini melibatkan PERKESO iaitu bila mana PERKESO mengatakan bahawa mereka mewajibkan majikan untuk mencarum. Akan tetapi pengalaman sebagai peguam kita lihat banyak kes melibatkan pekerja kayu balak. Pekerja kayu balak ini mereka jarang dilindungi oleh PERKESO ataupun mana-mana insurans walaupun janji oleh majikan mereka akan dilindungi oleh PERKESO ataupun insurans.

Perkara ini tidak akan disedari oleh mana-mana kakitangan ataupun pekerja melainkan setelah mereka ditimpa kemalangan dan kemalangan biasanya melibatkan pekerja balak selalunya mengakibatkan dua perkara. Pertama, kematian yang kedua lumpuh. Ini kerana apabila kayu balak terjatuh kepada mana-mana pekerja jarang mereka dapat luka-luka kecil.

Kebiasaannya akan melibatkan kematian dan kalau kematian ini kita akan lihat, kita akan dapat ibu tunggal, kita akan dapat anak-anak yatim dan nanti tiada pembelaan. Bila kita *check* balik PERKESO tidak dibayar, bila *check* balik insurans pun tidak dibayar.

Jadi saya ingin daripada pihak kerajaan bila mewujudkan pindaan seperti ini untuk memastikan kebajikan pada semua pekerja balak ini diberi perhatian kerana mereka ini berada jauh di pedalaman. Mereka berada jauh dalam hutan. Jadi risiko mereka banyak. Mereka terdedah kepada hujan, mereka terdedah kepada bencana alam, mereka terdedah kepada kayu-kayu yang besar, mereka terdedah kepada binatang-binatang liar. Jadi bagaimanakah skop ataupun cara serta mekanisme yang akan dibuat oleh pihak kerajaan itu bergantung. Akan tetapi saya mahu lihat kesan secara konkrit yang diberikan kerana kalau kita hadir di mahkamah-mahkamah seluruh negara khususnya di mahkamah-mahkamah yang terlibat di kawasan-kawasan hulu yang ada kawasan balak, kita akan lihat kes-kes inkuies, kes-kes melibatkan kematian pekerja balak biasanya akan ada empat, lima kes sehari. Jadi perkara ini amat mendukacitakan kita kerana tentunya yang terlibat dengan kematian ini adalah orang-orang yang susah dan bukannya majikan yang meninggal dunia akibat daripada jatuh ataupun risiko ketika penebangan balak.

Begitu juga dengan penanaman semula. Saya ingin tanya pihak kerajaan bila disebut semua tempat balak yang dikawal bila dipotong ataupun ditebang balak itu mesti dibuat penanaman semula. Soalnya sekarang ini bila tidak dibuat penanaman semula, berapakah denda yang telah dikenakan oleh pihak kerajaan dan setakat ini berapakah jumlah denda terkumpul ataupun tindakan-tindakan yang telah pun dibuat bagi memastikan penanaman semula ini dibuat oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Kita juga ingin tahu tentang perkembangan teknologi nano dalam pemasangan balak-balak yang telah pun dibuat oleh Jabatan Perhutanan sebelum ini. Bagaimanakah teknologi ini berkesan untuk memastikan tiada balak-balak yang dicuri agar cukai-cukai yang sepatutnya dibayar kepada kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat ini dapat dikutip sepenuhnya. Saya juga ingin bertanya keseluruhan kepada seksyen 12B(k) dalam tambahan pindaan pada hari ini disebut bahawa bila mana kita luluskan pindaan pada hari ini akan dibuat satu sistem penilaian kualiti kayu kayan yang akan dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia?

Jadi saya ingin tahu siapakah atau badan manakah yang akan menjadi agensi untuk penarafan kayu khususnya bagi memastikan semua rakyat ataupun pembeli ataupun pengguna di seluruh Malaysia dan di seluruh dunia boleh mengesan kualiti jenis kayu dan mengelak ditipu. Bagaimana kita dapat kesan bila di cop-cop sebagai contohnya ada cop-cop SIRIM Malaysia pada kayu tersebut. Kita akan tahu bahawa ini adalah kayu yang memang benar-benar berkualiti, mungkin tahan panas, mungkin tahan hujan dan juga mungkin tahan api.

Jadi bagaimanakah ataupun siapakah badan yang sepatutnya akan menerangkan kepada kita tentang kualiti dan taraf kayu-kayu yang akan dikeluarkan oleh negara kita. Berkaitan juga dengan perkara ini, saya juga ingin bertanya pihak kerajaan khususnya untuk kita menggalakkan industri kayu di Malaysia ini berjalan dengan lebih baik. Bagaimanakah insentif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan khususnya berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan walaupun mungkin tidak ada berkaitan dengan kementerian yang saya sebut pada hari ini untuk memastikan rumah-rumah tradisi yang dibina daripada kayu ini akan dipelihara.

Adakah dimasukkan dalam pindaan pada hari ini dengan pindaan pada hari ini rumah-rumah tradisi yang terdapat di seluruh negara yang sepenuhnya terbina dari kayu yang berciri-ciri tradisional yang baik akan dipelihara. Bagaimanakah di bawah akta manakah perkeyuan ini akan dipelihara? Siapakah yang akan jadi duta produk kayu Malaysia? Berapa banyak pameran tahunan yang dibuat dalam negara serta luar negara yang disertai oleh lembaga ini bagi mempromosikan kayu kayan ke negara kita?

Adakah kita bercadang untuk membina satu muzium khusus untuk menerangkan tentang keunikan kayu-kayu yang ada di Malaysia sebagai satu daripada bagi destinasi pelancongan untuk orang tempatan dan juga pelancong luar bagi melihat kelainan antara perbezaan jenis kayu yang dihasilkan dalam suasana serta iklim di Malaysia berbanding dengan suasana serta iklim di negara-negara lain.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan pendapatan cukai yang berbeza-beza daripada keluasan yang sama khususnya untuk kawasan-kawasan balak yang dikutip di semua negeri di Malaysia. Ini kerana kita lihat pada hari ini bila mana satu kerajaan memerintah berpindah kepada satu kerajaan, pendapatan yang dihasilkan daripada pendapatan bercukai hasil daripada kayu balak berbeza.

Jadi saya ingin tanya pihak manakah yang bertanggungjawab untuk mengkaji serta memberikan nilai maksimum serta minimum untuk memastikan pendapatan cukai hasil daripada keluasan yang sama daripada negeri yang berbeza boleh kita pantau. Terdapat julat yang munasabah antara minimum serta maksimum supaya perkara ini dapat diaudit dengan baik bukan hanya kita sedar bilamana berlaku perpindahan kerajaan baru kita sedar bahawa terdapat mungkin penyelewengan dari sudut harga ataupun dari sudut tender berkenaan dengan nilai-nilai cukai kayu balak yang telah pun dikeluarkan sebelum ini.

Saya juga ingin bertanya pihak kerajaan adakah terdapat persatuan ataupun mana-mana pihak yang mengiktiraf serta menerima pakai ataupun membela jasa-jasa pengukir-pengukir negara kita kerana pengukir-pengukir kayu di negara kebanyakan sekarang ini adalah orang-orang yang berumur. Ramai pengukir yang berjasa dan yang kreatif telah pun meninggal dunia tanpa boleh mewariskan seni ataupun kemahiran atau serta pengalaman mereka itu kepada orang lain.

Jadi adakah kita akan memberikan satu penilaian ataupun satu pengiktirafan serta tumpuan sebagaimana kita boleh berikan pada artis-artis veteran. Kita boleh bantu artis veteran, kita bantu askar veteran, kita bantu pegawai kerajaan veteran. Adakah kita akan kumpulkan pengukir-pengukir veteran ini kerana jasa, pengalaman serta kreativiti mereka ini perlu kita kumpulkan khususnya di peringkat pusat bagi memastikan perkara ini dapat diteruskan, ciri-ciri ini dapat diteruskan ciri-ciri ini pada masa hadapan kerana ukiran ini merupakan satu benda Syiar. Negara kita, kita boleh tunjukkan perbezaan negara kita dengan negara lain.

#### ■ 1230

Sekiranya mereka ini ada satu persatuan yang ada kita beri bantuan serta insentif. Setakat mana bantuan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Saya juga ingin bertanya kerajaan berkenaan dengan polisi bangunan-bangunan milik kerajaan dan warisan negara khususnya untuk memastikan semua bangunan serta tempat-tempat ataupun monumen ini mempunyai ciri-ciri kayu Malaysia yang mempunyai ciri-ciri dan bentuk yang standard di seluruh negara agar kita boleh menjadikan ia sebagai salah satu daripada kriteria kita mengenal pasti bangunan ini terdapat di Malaysia.

Kita tidak mahu melihat satu bangunan apabila kita melihat bangunan ini kita tidak tahu. Kalau kita lihat gambar ini bangunan yang ada di Malaysia atau berada di Singapura atau berada di Filipina. Ini kerana tidak ada ciri yang digambarkan oleh bangunan tersebut. Jadi kalau kita ini bangunan-bangunan yang melibatkan bangunan warisan negara, bangunan yang melibatkan jabatan kerajaan saya pohon diberikan satu garis panduan bagaimana polisi-polisi perkara tersebut dapat dibuat. Berkenaan dengan kebimbangan yang telah dinyatakan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat sebelum ini berkenaan Stok Kayu Negara. Saya ingin bertanya pihak kerajaan, apakah pertimbangan yang dibuat bila mana kita meluluskan untuk mengeksport kayu-kayu mentah kita kayu-kayu yang belum diproses ke negara-negara asing.

Ini kerana sebelum ini kita lihat kita bukan hanya menghantar ataupun mengeksport perabot yang telah siap tetapi kita juga banyak mengeksport kayu-kayu yang belum diproses. Bila mana kalau negara tersebut ambil mereka akan buat barang balik dan hantar balik kepada Malaysia. Setakat ini dari segi peratusan saya ingin tahu berapakah nisbah barangan kayu yang dijual dalam keadaan yang sudah siap dengan barangan kayu yang masih mentah yang dijual kepada negara lain dan pendapatan yang dapat daripada tersebut. Ini kerana kita lihat kalau negara kita benar-benar ingin serius yang terlibat dalam industri kayu, sepatutnya sebelum kita membekalkan kepada orang lain untuk membekalkan kayu-kayu mentah polisi, stok, bekalan, jaminan ini mesti ada di dalam negara.

Ini kerana kita lebih memerlukan dan kayu ini tidak boleh dibuat, di campur untuk dijadikan satu bahan dalam masa 15 minit ataupun mungkin dalam tiga tahun kerana kayu ini memerlukan masa yang amat panjang. Jadi saya ingin tahu kalau kita ada jaminan bekalan negara, saya juga ingin tahu apakah jaminan bekalan kayu negara yang telah dirancang oleh pihak kerajaan khususnya untuk memastikan stok-stok kayu ini akan menjadi bekalan yang cukup bagi industri kayu di negara kita. Berkenaan juga yang terakhir berkenaan dengan polisi dan jadual penanaman kayu-kayu dan tanaman-tanaman hutan di ladang hutan.

Adakah kerajaan mempunyai kuasa atau telah pun merancang untuk membuat penanaman ataupun pengkhususan jenis tanaman di ladang hutan yang berbeza di semua negara. Memastikan jadual penebangan hutan di semua negeri ini dibuat dengan baik. Ini kerana kita percaya bahawa setiap negeri dia ada ciri yang berbeza. Kayu yang sesuai di Sarawak tidak sama dengan di Sabah. Kayu di Sabah tidak sama dengan di Perlis. Jadi kalau kita mempunyai jenis kayu yang berbeza daripada negeri yang berbeza adakah kerajaan sedar dan buat perancangan secara teliti untuk memastikan kayu-kayu ini akan dapat bekalan yang berpanjangan. Walaupun setelah kayu-kayu ini telah ditebang pada peringkat awalnya dan adakah kita mempunyai jadual penebangan yang khusus bagi memastikan stok dan bekalan ini akan dapat secara berterusan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Dr. Syed Husin Ali.

### 12.33 tgh.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita telah melihat gambar-gambar dan membaca berita-berita tentang begitu banyak balak yang sudah dipotong yang hanyut di sungai di Sarawak. Peristiwa ini bukan sahaja menimbulkan keadaan yang bahaya kepada manusia tetapi ianya telah juga menyekat perjalanan lalu lintas bot-bot, bot perjalanan dan juga bot orang untuk mencari makan. Sebenarnya peristiwa ini menimbulkan dua persoalan besar. Pertama ialah bagaimanakah boleh berlaku keadaan di mana begitu banyak balak telah dapat dipotong, tidak dipantau dan tidak diketahui selama ini.

Keduanya ialah balak-balak yang sudah dipotong itu tentulah datang daripada kawasan-kawasan yang telah diberikan konsesi. Siapakah yang telah mendapat konsesi tersebut? Jadi soal yang timbul di sini ialah apakah hukuman-hukuman yang telah dikenakan ke atas mereka yang melakukan pembalakan sehingga menimbulkan masalah seperti yang saya sebut tadi. Ini sebenarnya adalah berkaitan dengan soal penguatkuasaan, soal denda ataupun hukum yang patut dikenakan dalam soal ataupun masalah seperti ini. Saya lihat tidak ada dalam pindaan ini yang meliputi apa yang boleh dilakukan ke atas perbuatan seperti itu. Walaupun jelas dalam pindaan ini, fasal-fasal mengenai dendaan dan penyitaan dan sebagainya yang nampaknya lebih banyak melibatkan kilang-kilang perkayuan.

Perkara kedua ialah apabila kita mengatakan kita tidak mengetahui misalnya siapa yang melakukan pembalakan itu ini ada kaitan dengan perkara-perkara lain. Satu perkara ialah tentang istilah-istilah '*forest*' ataupun hutan itu sendiri. Kita kadang-kadang menganggap bahawa hutan itu hanya pokok-pokok besar, pokok-pokok balak yang tumbuh sendiri dan sebagainya. Akan tetapi, sekarang ini ada percubaan untuk memberikan pengistilahan ataupun tafsiran baru tentang apakah '*forest*' atau '*hutan*' itu.

Pengistilahan ini bukan sahaja membataskan *forest* atau hutan itu kepada apa yang ada semula jadi tetapi juga meliputi kawasan-kawasan yang ditanam dengan misalannya kelapa sawit. Jadi dengan demikian, walaupun ada penebangan balak hutan sama ada dengan kebenaran ataupun tidak kelihatan tidak susut kawasan hutan itu, tidak susut jumlah hutan itu kerana dimasukkan dalam istilah baru ini kawasan-kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit. Padahal penanaman kelapa sawit itulah yang telah mengakibatkan pemusnahan kawasan-kawasan hutan balak sebelumnya. Jadi bagi kita seharusnya janganlah nanti dikatakan bahawa secara rasmi pengistilahan ataupun tafsiran '*balak*' itu atau '*hutan*' itu meliputi kawasan-kawasan kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain yang ditanam oleh manusia.

Ini penting saya rasa kerana kalau kita masukkan kawasan-kawasan yang di tanaman usia itu kita akan menjadi cuai terhadap segala pemusnahan yang berlaku pada hutan-hutan yang asal. Kita mengetahui bahawa balak ataupun kawasan balak diberikan sebagai konsesi kepada berbagai-bagai golongan. Saya diberitahu bahawa apabila konsesi diberikan tidak semestinya kawasan yang dikerjakan itu adalah kawasan yang diberikan konsesi itu sahaja. Ada misalnya pembalakan secara haram yang bermula pada tapak yang dibagi kepada konsesi dan masuk kepada kawasan-kawasan luar daripada kawasan konsesi itu yang sebenarnya tidak diberikan kebenaran untuk mereka membalak.

Di sini juga saya rasa perlu diadakan pemantauan yang teliti supaya perkara ini tidak berlaku. Kita ketahui juga bahawa bila ada pembalakan secara besar-besaran dan ada pemusnahan oleh kerana penebangan hutan yang tidak terancang atau yang ganas, beberapa akibat boleh berlaku. Pertamanya ialah akibat terhadap manusia dan telah disebutkan tadi tentang bagaimana akibatnya terhadap orang-orang asal, Orang-Orang Asli. Di Sabah Sarawak misalnya orang asal ini ada kaitannya dengan kawasan-kawasan tanah pusaka, tanah itu tanah adat.

#### ■ 1240

Masalah tanah adat ini merupakan satu masalah yang sangat rumit dan sangat kontroversial bagi penduduk-penduduk orang asal kerana bila ada kawasan balak yang dikerjakan maka bukan sahaja mereka dipindahkan bahkan kawasan-kawasan yang dianggap sebagai *native customary land*. Tanah adat mereka dimusnahkan dan diambil alih oleh syarikat-syarikat. Setengah-setengah syarikat ini untuk menghalau orang-orang asal ini menggunakan kekerasan-kekerasan bukan sahaja menghalau mereka dari rumah panjang tetapi juga menangkap mereka dan melakukan kekerasan yang lain terhadap mereka. Ini adalah satu perkara yang tidak bertanggungjawab.

Kemudian kita dapati juga bahawa pembalakan yang tidak terkawal ini memusnahkan biodiversiti terutama sekali binatang-binatang dan mamalia yang terdapat dalam hutan-hutan rimba itu dan kekayaan hutan rimba di Sarawak, Sabah dan sebagainya. Ini adalah merupakan kekayaan semula jadi bukan sahaja dari segi kekayaan tetapi ia merupakan habitat yang penting bagi mamalia dan binatang-binatang serta juga bagi bermacam-macam tanaman yang lain, bunga-bunga dan sebagainya. Jadi kita dapatlah bahawa tidak terkawalnya pemusnahan hutan ini mengakibatkan kerosakan biodiversiti, mengakibatkan kerosakan habitat bagi binatang-binatang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga bahawa hutan rimba terutama sekali di Sabah dan Sarawak khususnya merupakan hutan *rainforest* yang boleh dikatakan antara yang terbesar dalam dunia selepas misalnya yang di Amazon. Kita melihat bagaimana di Amazon pemusnahan-pemusnahan telah berlaku dan pemusnahan juga berlaku di Sabah dan Sarawak. Ini ada kaitannya terutama sekali dengan *global warming*. Masalah *global warming* ini adalah satu masalah yang sangat besar dihadapi oleh manusia sekarang kerana bukan sahaja ia memanasakan cuaca tetapi mengakibatkan banjir yang tidak disangka-sangka dan sebaliknya juga mengakibatkan bermacam-macam masalah yang lain ke atas manusia.

Jadi sekiranya tidak ada peraturan-peraturan yang jelas untuk mengawal soal perhutanan ini maka kita akan menghadapi masalah-masalah yang tersebut. Semua yang saya perkatakan ini ialah berkaitan dengan kerja perhutanan itu pada peringkat hutan ditebang, hutan dimusnahkan. Pada peringkat yang lain pula bila dalam soal penanaman dan menentukan kualiti balak, ada disebut dalam pindaan ini terutama sekali di muka lapan tentang membangunkan dan menjalankan penyelidikan kajian semula dan penyiasatan yang berfaedah pada atau sesuai dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

Kita tahu bahawa memang sudah ada misalnya badan penyiasatan perhutanan yang telah lama wujud dalam negara ini dan memang ada penyiasatan-penyiasatan yang telah dilakukan. Namun penyiasatan bukan sahaja misalnya untuk menentukan bagaimana hendak menaikkan kualiti hutan terutama sekali hutan yang ditanam semula untuk mengganti hutan yang ada tetapi juga ia harus menaikkan kualiti kayu dan papan yang hendak dikeluarkan. Yang menjadi masalah di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa dalam soal penyiasatan ini, soal *research and development* (R&D) kita dapati negara ini adalah salah satu negara yang kurang mengambil perhatian tentang soal R&D.

Dari segi GNP misalnya kira-kira hanya 0.5 peratus GNP ditumpukan kepada R&D. Padahal kita dapati bahawa di negara lain seperti di Korea dan sebagainya, biasanya R&D melebihi 3 peratus daripada KDNK.

Jadi saya menggesa supaya untuk menjalankan penyelidikan yang berkesan dari segi R&D terutama sekali bagi perindustrian kayu-kayan dan pembalakan perlulah bukan sahaja diperkukuhkan lagi pusat penyelidikan hutan yang ada sekarang ini bahkan kita perlu menambah lagi peruntukan untuk R&D keseluruhannya dan khusus kepada perhutanan di sini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan tentang soal yang kita tahu berlaku, kita tahu meluas tetapi biasanya tidak dapat dibuktikan dan tidak dapat diambil tindakan yang tegas. Ini ialah soal yang berkaitan dengan korupsi. Dengan tidak terkawalnya pengeluaran hutan, pemusnahan hutan dan tidak diambil tindakan-tindakan yang keras seolah-olah orang dapat gambaran korupsi berlaku. Apabila misalnya dapat dikeluarkan kayu-kayan daripada hutan dengan cara yang tidak sah maka sekali lagi orang mengesyaki ada korupsi dan walaupun mesti dilaporkan berapakah banyak kayu-kayan yang hendak dikeluarkan tetapi ada kalanya tidak dilaporkan sekali lagi misalnya ada yang mengesyaki berlakunya korupsi. Antara jabatan yang berkaitan dengan soal ini bukan sahaja jabatan perhutanan tetapi juga Jabatan Kastam dan sebagainya.

Jadi yang penting di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa saya ingin melihat dalam rang undang-undang ini sebab saya tidak nampak jelas tentang hal ini, tindakan-tindakan, cara-cara untuk menentukan supaya pengawalan dapat dilakukan dengan teliti agar korupsi tidak berlaku dengan begitu luas berkaitan dengan industri pembalakan dan perhutanan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga orang lagi ya? Ahli-ahli Yang Berhormat empat orang, tadi tidak berdiri. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani.

#### 12.47 tgh.

**Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya sedikit sahaja saya hendak sentuh berkenaan dengan Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010. Saya menyokong cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyelaraskan pembangunan hutan setiap negeri-negeri dan Kerajaan Persekutuan demi kebaikan negara kita.

Oleh kerana masa kini terlalu banyak pembukaan hutan dan pencerobohan yang tidak terkawal oleh kontraktor-kontraktor dan juga kerajaan negeri yang tidak memikirkan kerosakan hutan yang begitu teruk tanpa memikirkan masa depan negara dan akan melibatkan keadaan cuaca yang tidak menentu dan hakisan tanah, kerosakan alam sekitar dan menjejaskan hidupan haiwan dan juga manusia. Tahniah kepada Kerajaan Persekutuan yang mengambil berat dengan kehilangan kayu balak, hutan-hutan yang dicerobohi dengan digantikan dengan kayu getah, getah hutan yang berkualiti dengan lapan spesies yang dikenal pasti yang bermutu akan dapat kita hasilkan.

Masa depan negara dengan pengeluaran kayu getah yang bermutu tinggi, tahniah dan saya menyokong kerajaan mudah-mudahan dengan kemudahan pinjaman dan benih-benih getah hutan yang bermutu tinggi dapat memberi peluang kepada mereka-mereka yang berminat di dalam perladangan dan juga orang-orang muda yang berminat di dalam perladangan. Ini memberi peluang kepada orang muda berminat dengan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Saya ucap setinggi-tinggi tahniah dengan pembukaan ladang yang banyak mudah-mudahan negara kita akan dapat mengeluarkan hasil kayu yang bermutu daripada getah. Tidak kata daripada balak, hutan kayu balak pokok meranti, seraya sahaja yang boleh kita dapat hasil yang bermutu. Bererti pokok getah yang bermutu kita dapat hasilkan pengeluaran daripada negara kita. Tahniah, saya menyokong.

#### ■ 1250

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal.

**12.51 tgh.**

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk ikut serta dalam perbahasan Rang Undang-Undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pindaan) 2010. Pindaan-pindaan ini dilihat adalah bagi menambah tadbir urus Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan juga memberikan kuasa yang lebih besar dan berkesan kepada Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai penguat kuasa untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Dalam pindaan ini, izinkan saya untuk menyentuh beberapa seksyen baru dalam rang undang-undang ini iaitu seksyen 30C, 30D dan 30E berkaitan dengan perlindungan pemberi maklumat. Pemberi maklumat seharusnya dilindungi secukupnya untuk menggalakkan lebih ramai pemberi-pemberi maklumat untuk tampil memberikan maklumat mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang yang melibatkan industri perkayuan di Malaysia.

Di bawah seksyen 30E(1) iaitu seksyen baru dalam akta ini, pindaan ini menyebut bahawa, *"Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta mengecualikan mana-mana orang, golongan orang atau apa-apa aktiviti berhubung dengan kayu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini."* Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah rasionalnya memberikan kuasa yang begitu besar kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana orang, golongan orang atau apa-apa aktiviti berhubung dengan kayu daripada kesemua peruntukan akta ini?

Tidaklah lebih baik sekiranya kuasa yang diberikan kepada Menteri ini adalah seperti dibuat di bawah seksyen 32 iaitu *"Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, meminda Jadual-Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam Warta."* Penekanan yang ingin dibuat adalah Menteri seharusnya berunding dengan lembaga terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa keputusan. Memberi kuasa kepada Menteri tanpa rundingan dengan lembaga boleh menyebabkan keputusan yang boleh dipertikaikan kerana ia tidak dibuat dengan rundingan dengan lembaga.

Dalam isu-isu semasa iaitu isu pekerja asing, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini, kita sedia maklum bahawa terdapat kira-kira 276,000 orang pekerja asing dalam industri perkayuan di negara kita pada masa ini. Adalah difahamkan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk menggunakan kaedah-kaedah baru dan mekanisme baru untuk mengurangkan jumlah pekerja asing yang terlibat dalam industri perkayuan ini.

Saya juga ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan perincian apakah kaedah-kaedah baru atau mekanisme baru yang ingin diusahakan untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing? Daripada segi masa atau unjuran pengurangan bilangan pekerja asing ini, bolehkah diberikan anggaran kasar bilakah kaedah-kaedah ini akan digunakan? Berapa banyak kah bilangan pekerja asing akan dapat dikurangkan setiap tahun untuk tempoh lima tahun yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu rundingan dengan Kesatuan Eropah, kita sedia maklum bahawa kita masih lagi sukar untuk menembusi pasaran Eropah kerana kita masih lagi belum menandatangani *Voluntary Partnership Agreement (VPA)* yang membolehkan produk-produk kayu negara dilabelkan sebagai produk-produk yang bersumberkan dari hutan yang diuruskan secara lestari. Saya juga ingin memohon penjelasan Menteri apakah faktor-faktor yang menyebabkan negara kita masih lagi tidak menandatangani VPA ini memandangkan ia adalah penting untuk produk-produk kita menembusi pasaran eksport terutamanya pasaran di Eropah? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Usha Nandhini.

**12.54 tgh.**

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas seruan yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia di Dewan yang mulia ini. Kita sedar bahawa industri kayu-kayuan di Malaysia ini merupakan satu industri yang telah mencapai satu tahap yang begitu kompetitif di persada antarabangsa.



Ini sudah tentunya adalah kerana kedudukan strategik dan juga kedudukan geografi negara kita yang begitu terbaik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengutarakan beberapa pertanyaan berhubung dengan rang undang-undang yang telah dibentangkan baru-baru ini. Pertama sekali, apakah tujuan dan juga apakah justifikasi pindaan Rang Undang-Undang Lembaga Perindustrian Kayu-kayan Malaysia? Apakah tidak akan berlaku pertindihan dengan agensi-agensi lain dengan penambahan fungsi MTIB berkenaan dengan aspek penyelidikan dan juga pembangunan khususnya *research and development* dengan izin, yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi?

Berhubung dengan industri perabot negara, ingin saya bertanya apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan perkembangan industri perabot negara, mengembangkan industri perabot jenama Malaysia dan agar ia dapat diperkembangkan bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan juga di peringkat antarabangsa? Bagaimanakah pihak kementerian menangani isu promosi? Apakah bentuk-bentuk promosi yang telah dijalankan oleh pihak kementerian berhubung aspek ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu penebangan balak ini, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah penguatkuasaan untuk memastikan apabila sesebuah kawasan itu dipilih untuk ditebang, bagaimanakah kita memastikan bahawa proses pemuliharaan hutan di kawasan itu dijalankan dengan baik? Ini kerana kadang-kadang kita dapati bahawa apabila sesebuah kawasan itu dipilih untuk ditebang pokok-pokoknya, kadang-kadang semua pokok ditebang sekaligus dan menyebabkan isu alam sekitar, isu penebangan hutan yang tidak terancang kerap wujud. Jadi di sini ingin saya bertanya, bagaimanakah pihak kementerian menangani masalah ini?

Pada masa yang sama, bercakap mengenai industri seni ukir negara, apakah langkah pihak kementerian untuk mengembangkan industri seni ukir negara yang menggunakan kayu-kayan tempatan? Apakah di pihak kementerian wujud sebarang jenis program latihan yang mana program latihan ini dapat digunakan untuk menggalakkan perkembangan industri seni ukir negara dan juga untuk mencungkil bakat dan minat di kalangan generasi muda untuk turut menceburkan diri di dalam industri seni ukir tempatan?

Seperti mana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tadi, industri seni ukir negara pada masa ini kebanyakannya masih lagi dijalankan oleh golongan seni ukir yang telah pun terlibat buat masa yang lama. Ingin kita mengembangkan minat dan juga warisan ini kepada generasi muda dan sebaik-baiknya kita mulakan dengan program-program latihan dan juga mungkin program-program promosi di peringkat sekolah lagi yang boleh dikembangkan pada program latihan di kolej-kolej kemahiran. Apakah wujud sebarang kerjasama di antara pihak kementerian dengan Kementerian Sumber Manusia khususnya dalam aspek-aspek sebegini?

Tuan Yang di-Pertua, isu penebangan hutan-hutan yang tidak terancang merupakan satu isu yang amat besar impaknya, seperti mana yang telah dikatakan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat. Ingin saya nyatakan bahawa isu ini bukan sahaja menjejaskan alam sekitar, mengakibatkan kepupusan flora dan fauna tetapi juga menggugat tempat kediaman masyarakat Orang Asli. Bagaimanakah pihak kementerian memantau ini dan memastikan agar kepentingan hak mereka terjamin, hak mereka terpelihara? Bagaimanakah pihak kementerian melihat isu-isu ini? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan masalah-masalah seperti ini tidak berlaku?

Akhir sekali, apakah spesies-spesies yang dibenarkan untuk ditanam di bawah program pembangunan ladang hutan? Adakah pokok bakau digunakan sebagai satu tanaman dalam program pembangunan ladang hutan? Sebelum mengakhiri perbincangan saya, ingin juga saya bertanya bagaimanakah dengan syarikat-syarikat yang terlibat di dalam industri pembalakan negara? Bagaimanakah peranan mereka daripada segi CSR? Apakah *corporate social responsibility* mereka dengan izin, dalam membantu kerajaan kita dalam mempromosikan alam sekitar khususnya di peringkat sekolah dan juga di kalangan masyarakat umum? Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut berbahas? Satu minit lagi... *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

■ 1300

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap masalah kayu, sudah tentu ia melibatkan pokok dan pokok ini kebanyakannya di hutan. Kita perlu sedar bahawa hutan merupakan suatu aset yang kalau disalahgunakan, disalah ganggu, kalau dicerobohi tanpa batasan, ia akan mengakibatkan ekosistem dalam negara, bumi kita akan menimbulkan bencana yang lain. Oleh sebab itu, bukan sahaja Kementerian Perladangan dan Komoditi tetapi kementerian-kementerian lain juga hendaklah secara bersepadu untuk bertanggungjawab menjaga kepentingan hutan.

Di negeri Kedah, kita ada lebih kurang 161 hektar kawasan hutan yang merupakan kawasan yang dijaga sekian lama iaitu di Hulu Muda yang mana kawasan ini melibatkan beberapa buah empangan seperti Empangan Pedu, Empangan Ahning, Empangan Muda dan sebagainya yang ia merupakan satu pusat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah mencukupi, minta sambung nanti jam 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung persidangan tadi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

**2.32 ptg.**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di mana tadi saya sebutkan bahawa pemeliharaan hutan adalah satu perkara yang terpenting. Ini kerana jika tidak dijaga dengan baik, ia akan memberi kesan kepada ekosistem kepada bumi ini yang menyebabkan berlakunya kemarau dan juga boleh menyebabkan banjir yang tidak dapat dikawal.

Oleh sebab itulah di negeri Kedah, walaupun kita ada hutan dara yang luas yang lebih kurang 160,000 hektar, yang mana kawasan ini dijadikan *water catchments area* dengan izin, ataupun kawasan tadahan air yang mana bekalan air ini bukan sahaja untuk pertanian negeri Kedah, malah dilebarkan ke Pulau Pinang dan juga Perlis.

Oleh sebab itu Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2005 telah membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat di atas pengorbanan ini, memelihara empangan yang membekalkan air ke negeri-negeri yang berkenaan dan negeri Kedah merupakan negeri yang mempunyai empangan yang terbanyak di seluruh Semenanjung. Maka, Kabinet atas permohonan Kerajaan Negeri Kedah telah membuat keputusan untuk memberi pampasan sebanyak RM100 juta setahun iaitu wang PES dengan izin, *Payment for Environment Services* terhadap pemeliharaan hutan Kerajaan Negeri Kedah.

Saya telah mengemukakan soalan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2008, di mana Kementerian Kewangan memberi jawapan bahawa wang tersebut sedang dalam kajian untuk dibayar kepada Kerajaan Negeri Kedah. Pada tahun 2009 saya sekali lagi mengemukakan soalan, maka dijawab pula bahawa pembayaran akan diberi dalam bentuk pembangunan sedangkan pembangunan itu adalah satu bidang yang lain, satu tanggungjawab yang lain. Akan tetapi, ini adalah spesifik yang dikhususkan kerana pemeliharaan kawasan hutan untuk keselesaan bukan sahaja negeri Kedah malah di negeri-negeri lain sehingga Pulau Pinang dapat menubuhkan syarikat air daripada air yang dibekalkan di negeri Kedah dan syarikat ini amat berkembang pesat sehingga masuk ke Bursa Saham.

Tuan Yang di-Pertua Pulau Pinang ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *concentrate* dalam fokus kepada akta sahajalah. Jangan berkait-kait dengan negeri-negeri...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Maksud saya itulah. Ini kerana kita hendak memperkembangkan kayu tetapi kawasan hutan perlu dijaga. Tadi ada dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang bagaimana pemberian pembalakan yang tidak seimbang di antara satu negeri dan satu negeri. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, saya tidak mengambil contoh negeri lain. Negeri Kedah pada tahun 2005, hasil premium balak ialah RM3.87 juta meningkat RM9.10 juta tahun 2006 dan tahun 2007 RM9.21 juta. Akan tetapi pada tahun 2008 dengan keluasan yang sama, hasil balak telah meningkat RM28.14 juta dan pada tahun 2009 meningkat lagi kepada RM33.05 juta, yang mana Ketua Audit Negara memberi komen kenaikan ini adalah bukan kerana pertambahan kawasan hutan, tetapi adalah kerana dasar yang dibuat oleh kerajaan negeri mengamalkan tender terbuka.

Inilah yang dimaksudkan di mana kayu kita dapat dikeluarkan, dapat dihasilkan dengan jumlah yang sama tetapi hasilnya kepada kerajaan terus meningkat. Maka, ketelusan ini, bandingan ini perlu dilakukan oleh kerajaan di negeri-negeri lain agar pengeluaran kayu dalam negara kita ini agak selaras di antara satu negeri dengan satu negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, menegaskan bahawa di antaranya ialah untuk memajukan usahawan bumiputera dalam perindustrian kayu supaya lebih berdaya saing. Saya minta penjelasan daripada kerajaan, apakah mekanisme ataupun cara yang terbaik supaya pengeluaran ataupun industri kayu ini boleh diceburi secara menyeluruh, secara yang lebih komersial oleh golongan bumiputera seperti yang dinyatakan di dalam teras yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Ini kerana pada masa kini yang kita fahami, bumiputera yang terlibat dengan sama ada balak ataupun industri perabot dan sebagainya hanyalah sekadar ali baba, hanyalah sekadar menggunakan lesen untuk mendapatkan keuntungan yang kecil, tetapi golongan lain yang mendapat faedah yang lebih besar daripada dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Maka untuk memajukan bumiputera dalam bidang ini, saya minta penjelasan, apakah mekanisme yang menyeluruh agar teras ini dapat dicapai dengan penuh kejayaan? Tuan Yang di-Pertua, sekadar itulah sambungan daripada ucapan saya tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak ada siapa yang hendak bercakap lagi...

**Datuk Akbar bin Ali:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bercakap? Silakan. Saya beri dalam masa yang tersingkat, ini yang penghabisan sekali sebelum kita sediakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**2.39 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia di atas usaha yang baik dalam pengurusan hutan sekalipun dikritik oleh banyak pihak. Ini kerana sedar tidak sedar, Malaysia mempunyai hutan yang terbesar dari segi peratus di dunia iaitu 61 peratus lebih besar dari Brazil dan malah lebih besar daripada Amerika dan UK.

■ 1440

Seterusnya saya ingin menarik perhatian bahawa dalam membicarakan sektor perkayuan, memang tidak lari daripada membincangkan *the upstream* dengan izin, iaitu pembalakan. Ini kerana perkayuan adalah *downstream*, tetapi akta ini hanya menumpukan kepada perkayuan iaitu *downstream*. Cuma kerajaan mengambil kira keadaan semasa dan tuntutan dunia, kita hendak pastikan dan ingin mengetahui sejauh mana kerajaan memastikan betul-betul pengurusan hutan yang berkait rapat dengan perkayuan ini *sustainable* dan selaras dengan dasar teknologi hijau.

Jikalau ini dipatuhi terutama atas desakan kumpulan-kumpulan *the green*, maka kita akan menghadapi masalah yang kurang dari segi menembusi pasaran dunia.

Pada masa ini sumbangan produk perkayuan adalah kurang sedikit daripada 10 peratus daripada jumlah eksport. Selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara, maka sudah tentu sektor perkayuan boleh menyumbang kepada peningkatan GNI dan diramalkan bahawa tahun 2020 kita akan mencapai eksport perkayuan sebanyak RM53 bilion. Sehubungan itu saya ingin tahu sejauh mana usaha dipastikan supaya sasaran tadi dapat tercapai.

Berhubung dengan akta sebenar Bahagian IV(a) – Kuasa Yang Berhubungan Dengan Penguatkuasaan, Penyitaan, Penangkapan dan sebagainya. Akta yang disediakan memang cukup baik, Tuan Yang di-Pertua. Selalunya masalah terletak di peringkat pelaksanaan. Jadi sehubungan dengan itu, saya ingin mengetahui apakah prosedur yang dipakai oleh lembaga ini bagi menentukan bahawa seseorang itu layak dilantik sebagai pegawai penguat kuasa. Apakah kelayakan, kemahiran dan juga pengalaman beliau yang diperlukan?

Soalan saya kedua - selepas beliau sudah disahkan, apakah usaha dibuat untuk memantau bahawa pegawai ini akan melaksanakan dengan penuh integriti selaras dengan salah satu usaha yang di bawah NKRA iaitu menangani rasuah? Ini kerana mahu tidak mahu kita akui dalam sektor perkayuan juga, terutama di kalangan *timber grader* contohnya ada masalah persepsi bahawa mereka juga tidak begitu bersih. Ketiga, berkenaan perkara ini juga. Sejauh manakah terdapat kes-kes pendakwaan berhubung dengan masalah rasuah dan disiplin di kalangan kakitangan yang terlibat dengan sektor perkayuan ini dan seramai mana yang telah didapati bersalah?

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang seksyen baru 30C, 30D dan 30E. Selaras dengan Akta Perlindungan *Whistleblower*, sejauh manakah mereka yang membekalkan maklumat akan dilindungi apabila mereka memberikan maklumat sehingga tertangkapnya seseorang yang dikatakan melakukan rasuah dalam bidang ini. Saya juga ingin mengetahui pembekal maklumat ini yang boleh menyebabkan tertangkap dan akhirnya disahkan didapati bersalah oleh mahkamah, apakah ganjaran yang diberikan kepada mereka?

Seterusnya saya ingin menyentuh beberapa perkara teknikal di bidang perkayuan, contohnya tentang MTCs. Saya ucap tahniah kerana kerajaan memperkenalkan sijil ini. Cuma saya hendak tahu, apakah *outcome* dan impaknya dari segi eksport perkayuan apabila kerajaan memperkenalkan sijil tersebut?

Berkenaan dengan isu VPA - ini juga suatu yang baik. Saya ingin ketahui sejauh mana perkara yang berkaitan dengan VPA ini telah mendapat respons yang positif dari segi pasaran global. Jadi ini yang saya ingin sentuh sedikit sebanyak walaupun ada beberapa perkara berkenaan FLEGT dan sebagainya, tetapi masa terhad. Jadi saya berhenti di sini dan saya sokong berkenaan akta ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**2.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Dato' G. Palanivel]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010 ini. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang isu alam sekitar, di mana kerajaan wajar berperanan memelihara alam sekitar termasuk sungai di negara ini agar tidak tercemar akibat dari aktiviti pembalakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu pembalakan termasuk pemberian konsesi adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun Kerajaan Pusat melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Negeri-negeri dan Jabatan Alam Sekitar berperanan memastikan aktiviti pembalakan dilaksanakan secara teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa seperti keperluan mematuhi dengan izin, *environment impact assessment* (EIA).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru juga membangkitkan isu langkah yang diambil bagi meningkatkan *standard* kayu Malaysia. Untuk makluman, kualiti kayu yang dieksport khususnya kayu bergergaji adalah berdasarkan Peningkatan Kayu Keras Gergaji Tropika Malaysia atau *Malaysian Grading Rules for Sawn Hardwood Timber* (MGR) yang dilaksanakan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Peraturan ini diterima pakai oleh hampir kesemua negara yang mengimport kayu keras bergergaji tropika dari Malaysia dan ini telah dapat memelihara kualiti kayu dan produk kayu serta imej Malaysia sebagai negara pengeluar kayu keras tropika.

Bagi mengeluarkan produk kayu lain seperti kayu kumai, venir dan papan lapis ia berasaskan kepada keperluan dan permintaan negara pengimport. Contohnya, papan lapis yang dieksport ke Jepun, ia perlu mengikut *standard* atau spesifikasi *Japanese Agriculture Standard* (JAS) dan *Japanese Industrial Standard* (JIS). Berhubung dengan prestasi eksport dan produk kayu bagi lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai Eksport (RM)
2005	21.5 bilion
2006	23.4 bilion
2007	22.7 bilion
2008	22.8 bilion
2009	19.5 bilion
2010 – September	15.5 bilion

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan mempromosikan produk kayu Malaysia, kementerian ini telah menubuhkan *Malaysian Timber Council* dan *Malaysian Furniture Promotion Council*. Objektif *Malaysian Timber Council* adalah untuk mempromosikan perdagangan kayu-kayan Malaysia dan mengembangkan pasaran untuk produk kayu di peringkat global.

#### ■ 1450

MFPC pula dipertanggungjawabkan untuk memperkukuhkan daya saing perabot Malaysia dengan memperkuat pegangan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baru. Di samping itu MFPC turut menggalakkan konsep reka bentuk perabot melalui latihan dan pembelajaran berterusan. Antara langkah yang diambil oleh kedua-dua MTC dan MFPC bersama MTIB dan MATRADE adalah membantu para pengusaha produk kayu dan produk seperti menyertai pameran produk kayu antarabangsa dan mengadakan lawatan promosi perdagangan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim telah membangkitkan tentang pembangunan hutan yang mampan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melaksanakan usaha-usaha ke arah memastikan sumber bahan mentah diuruskan secara mampan termasuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber hutan asli. Langkah-langkah yang diambil termasuk mengurangkan Caturan Tebangan Tahunan (CTT) bagi hutan asli di semua negeri di Semenanjung Malaysia, dikurangkan sebanyak 38 peratus untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis Perhutanan Negara. Melaksanakan Program Pembangunan Ladang Hutan dengan menyasarkan keluasan 375,000 hektar ladang hutan menjelang tahun 2020, termasuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada syarikat-syarikat yang layak. Pada dasarnya kerajaan juga telah bersetuju untuk melaksanakan skim ladang hutan bersaiz kecil di antara 4 hingga 40 hektar bagi tanaman getah.

Menguruskan hutan asli secara mampan melalui pengurusan hutan secara berkekalan atau *sustainable forest management* termasuk pematuhan *environment impact assessment* dan peraturan-peraturan berkaitan Akta Perhutanan Negara serta enakmen-enakmen negeri yang berkaitan. Menggalakkan pensijilan kayu melalui pewujudan Skim Pensijilan Kayu Malaysia atau *Malaysian Timber Certification Scheme* yang dilaksanakan oleh *Malaysian Timber Certification Council*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu pembangunan industri kecil dan sederhana bagi industri kayu, kerajaan melalui MTIB memang mempunyai satu program khas bagi membangunkan keupayaan EKS bagi memastikan produk mereka bersaing di pasaran. Contohnya MTIB memberi bantuan geran bekalan bahan mentah kepada pengusaha EKS yang layak dan menyediakan program-program latihan berkaitan. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī membangkitkan isu jumlah produk kayu yang bernilai tambah.

Sehubungan ini dimaklumkan bahawa pada tahun 2009 jumlah eksport kayu balak (*logs*) iaitu produk yang tidak bernilai tambah adalah hanya RM2 bilion ataupun 10.1 peratus daripada jumlah eksport bernilai RM19.5 bilion. Ini menunjukkan kira-kira 90 peratus eksport kayu adalah terdiri daripada produk kayu yang bernilai tambah tinggi seperti perabot, tanggam, kayu kumai, papan lapis dan kayu bergergaji atau *sawn timber*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan *Furniture Industry Technology Centre* (FITEC) sebuah agensi di bawah MARA, dimaklumkan bahawa ia berperanan membangunkan pengusaha perabot bumiputera termasuk aktiviti latihan dan pemasaran. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, di mana agensi berkenaan perlu menonjolkan imejnya sebagai pusat pembangunan perabot bumiputera, ianya akan dimaklumkan kepada agensi berkenaan. Mengenai isu pekerja asing di industri kayu, dimaklumkan bahawa daripada jumlah keseluruhan 276,000 pekerja pada tahun ini kira-kira 50 peratus atau 140,000 merupakan pekerja asing. Jumlah pengambilan pekerja asing dijangka berkurangan melalui langkah-langkah penggalakan automasi dan mekanisasi serta mengadakan kursus-kursus pembangunan kemahiran di kalangan belia tempatan bagi menceburi industri kayu.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga telah membangkitkan berkenaan pemilihan spesies-spesies pokok yang disenaraikan di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebanyak lapan spesies pokok yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Ladang Hutan untuk ditanam di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan iaitu getah, akasia, *African mahogany*, jati, sentang, kelempayan, laran, batai dan binuang.

Mengenai penanaman bakau yang dibangkitkan Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram, bakau adalah satu tanaman yang dibuat sebagai *protection* dengan izin, perlindungan kepada *buffer zone* persisiran pantai. Maka sebab itu bakau tidak dijadikan sebagai satu spesies di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan kerana bakau adalah satu spesies yang ditanam untuk dijadikan perlindungan persisiran pantai. Walau bagaimanapun bakau boleh digunakan sebagai satu lagi aktiviti persisiran pantai. Selain itu bakau juga tidak digalakkan dalam industri perabot.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff membangkitkan perlindungan yang disediakan untuk memberi maklumat. Adalah dimaklumkan bahawa semua pemberi maklumat lindungan oleh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Akta 711, *Whistleblower Act* sekiranya mana-mana pihak yang ingin tampil memberikan maklumat maka ia boleh berbuat demikian dengan memaklumkan pihak polis. Berkenaan peruntukan 30E merupakan kuasa untuk Menteri memberi pengecualian kepada mana-mana orang atau kategori orang yang daripada peruntukan akta ini.

Kuasa ini perlu memandangkan masih wujud di kalangan masyarakat Malaysia golongan yang akan menerima kemudahan sekiranya akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya. Kuasa Menteri ini bukan digunakan secara sewenang-wenangnya dan ianya tertakluk kepada permohonan atas kebenaran dan kelulusan Menteri untuk kes-kes istimewa dari golongan tertentu. Pengecualian hanya akan berkuat kuasa setelah disiarkan di dalam Warta Kerajaan dan ini merupakan satu mekanisme *check and balance* di dalam akta ini, di mana prinsip ketelusan dipatuhi.

Bagi isu *flag* TVPA, Malaysia masih belum menandatangani perjanjian tersebut kerana perkara tersebut masih dalam rundingan di antara pihak yang terlibat iaitu Kesatuan Eropah dan Kerajaan Malaysia khususnya KPPK. Buat masa ini KPPK sedang memastikan bahawa segala terma *flag* TVPA tidak menjejaskan kepentingan negara.

■ 1500

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali membangkitkan berkenaan peruntukan kewangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan di Malaysia yang terhad. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pindaan terhadap rang undang-undang ini membolehkan MTIB melaksanakan aktiviti R&D, *research and development* khususnya bagi membantu industri perikanan menambah baik dan mengkomersialkan produk mereka.

MTIB melalui *Wood Industry Skills Development Center* (WISDEC) dan *Fibre and Biocomposite Development Centre* (FIDEC) juga akan mempergiatkan aktiviti R&D terutamanya dalam aspek pengeluaran produk hiliran. Pada masa ini, MTIB bekerjasama dengan agensi penyelidikan lain seperti FRIM dan Institut Pengajian Tinggi Tempatan dalam melaksanakan aktiviti R&D. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyelarasan MTIB juga turut melantik wakil agensi lain termasuk Ketua Pengarah FRIM dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai ahli lembaga MTIB.

Untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Akbar bin Ali mengenai impak MTCS ke atas industri kayu kayan. Pensijilan ini telah dapat meyakinkan pasaran global bahawa hutan di Malaysia diurus secara mampan dan perdagangan kayu diuruskan secara legal. Bagi industri yang *sustainable*, lembaga tidak bergantung kepada sumber hutan asli, malah telah mewujudkan ladang hutan.

Berhubung dengan teknologi hijau, *research and development* telah dilakukan yang mana habuk kayu telah digunakan sebagai *wood plastic composite*. Di samping itu bio jisim dari kelapa sawit telah dijadikan papan lapis untuk kegunaan industri. Lembaga telah menubuhkan jawatankuasa induk pelaksanaan *National Timber Industry Policy* untuk memantau perkembangan industri ini. Jawatankuasa teknikal juga ditubuhkan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya suka merakamkan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan berbagai-bagai isu.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan membangkitkan isu-isu berkenaan dengan kawasan di Sarawak, Penan dan lain-lain. Isu-isu ini tidak di bawah tanggungjawab kementerian ini. Walau bagaimanapun, saya akan panjangkan isu-isu ini kepada kementerian-kementerian tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 38** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UDANG-UNDANG KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA  
(PEKERJAAN) (PINDAAN) 2010**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.09 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010 iaitu suatu akta yang berfungsi mengawal dan menetapkan syarat penggajian kanak-kanak dan orang muda dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Pada masa ini, akta ini berfungsi mengawal dan menetapkan syarat penggajian kanak-kanak di bawah umur 14 tahun dan orang muda di bawah umur 16 tahun. Akta ini menggariskan bahawa kanak-kanak dan orang muda dalam lingkungan umur tersebut hanya boleh bekerja dalam jenis-jenis pekerjaan yang sesuai dengan umur mereka dan di dalam perusahaan-perusahaan tertentu sahaja.

■ **1510**

Akta ini berkuat kuasa di Semenanjung dan di Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, penggajian kanak-kanak dan orang muda adalah ditadbir oleh Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76. Objektif utama akta ini adalah untuk mengawal penggajian kanak-kanak dan orang muda bagi memastikan mereka tidak dieksploitasi sehingga mengganggu pendidikan, kesihatan dan keselamatan mereka. Bagi kanak-kanak, mereka dibenarkan untuk melakukan pekerjaan yang ringan, bersesuaian dengan kapasiti mereka di dalam perniagaan keluarga. Manakala untuk kanak-kanak yang ingin bekerja dalam hiburan awam, kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja mestilah diperoleh terlebih dahulu. Bagi orang muda, mereka dibenarkan untuk melakukan pekerjaan yang ringan, yang sesuai seperti pembantu kedai, juruwang, bekerja di pejabat, kilang dan pembantu rumah.

Walau bagaimanapun, orang muda wanita tidak dibenarkan bekerja di hotel, bar, restoran, rumah penginapan atau kelab kecuali yang dimiliki oleh keluarganya sendiri. Jika perniagaan atau perusahaan itu tidak diuruskan oleh keluarga atau penjaga, mereka perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja terlebih dahulu. Selain itu, kanak-kanak dan orang muda tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja yang membahayakan nyawa, kesihatan dan moral. Contohnya seperti bekerja di bawah tanah contohnya perlombongan dan perusahaan yang bertentangan dengan Akta Kilang Jentera 1967, Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Bekalan Elektrik 1990 seperti mengendalikan mesin dan alatan elektrik. Cadangan pindaan ini telah melalui beberapa proses perbincangan tiga pihak iaitu majikan, pekerja dan agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada 8 Julai 2010, Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda Pekerjaan (Pindaan) 2010 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama dan pada 11 Oktober 2010 untuk bacaan kali kedua dan ketiga. Objektif utama cadangan pindaan kepada akta ini adalah:

- (i) untuk diselaraskan dengan prinsip yang diperuntukkan di bawah Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO; dan
- (ii) memantapkan penguatkuasaan undang-undang.

Secara amnya, rang undang-undang ini menumpukan pindaan berhubung:

- (i) Penyeragaman definisi umur bagi kanak-kanak dan orang muda dengan prinsip Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan undang-undang lain;
- (ii) perluasan perlindungan kepada kanak-kanak dan orang muda;
- (iii) peruntukan baru mengenai kesalahan yang dilakukan oleh Pertubuhan Perbadanan Perkongsian dan seumpamanya; dan



- (iv) menaikkan hukuman dan denda bagi kesalahan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, antara peruntukan-peruntukan sedia ada yang terlibat dalam pindaan ini adalah seksyen 1A dipinda dalam takrif kanak-kanak dengan menaikkan umur kanak-kanak dari belum genap 14 tahun kepada belum genap 15 tahun. Ini adalah untuk memperluaskan perlindungan kanak-kanak dalam pekerjaan ringan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 2 Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No. 138 berkenaan umur minimum bagi penggajian. Cadangan meminda umur bagi kanak-kanak ini juga adalah bagi menyeragamkan takrif sedia ada dengan takrif kanak-kanak di bawah Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76.

Seksyen 1A juga dipinda dalam takrif “orang muda” dengan menaikkan umur orang muda daripada belum genap 16 tahun kepada belum genap 18 tahun. Ini adalah untuk memperluaskan perlindungan orang muda dalam pekerjaan biasa seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 3 Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No. 138 yang memperuntukkan umur minimum bagi penggajian di bidang-bidang yang mempunyai risiko keselamatan, kesihatan dan moral adalah 18 tahun. Cadangan meminda umur bagi orang muda ini juga adalah bagi menyeragamkan takrif sedia ada dengan takrif orang muda di bawah Ordinan Buruh Sabah, Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76 dan Akta Kanak-kanak 2001.

Seksyen 1A juga dipinda dengan memasukkan takrif baru tentang takrifan “kerja ringan” memandangkan akta pada masa ini tidak mempunyai takrif kerja ringan walaupun perkataan tersebut digunakan dalam akta.

Seksyen 2 dipinda untuk memasukkan takrif baru berkenaan “bencana kerja” untuk melarang mana-mana kanak-kanak atau orang muda untuk diambil bekerja dalam apa-apa kerja yang berbahaya seperti yang disyorkan dalam Fasal 3 Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No. 138 di mana kerja berbahaya merupakan kerja yang telah dikenal pasti sebagai berbahaya berdasarkan kepada penilaian risiko oleh pihak berkuasa yang kompeten di dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan-peruntukan lain merupakan pindaan susulan atau peruntukan-peruntukan baru yang diselaraskan dengan tatacara jenayah dan tatacara sivil yang antara lain adalah seperti berikut:

- (i) seksyen baru 9A – peruntukan baru ini menjelaskan bahawa jika kesalahan dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian, pertubuhan atau kesatuan sekerja, maka mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus atau pegawai yang seumpamanya, semua rakan kongsi dan pemegang jawatan pada masa kesalahan dilakukan boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dan disifatkan telah melakukan kesalahan itu; dan
- (ii) seksyen 14 – peruntukan ini dipinda dengan menaikkan hukuman penjara daripada enam bulan kepada satu tahun dan denda dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM5,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, hukuman penjara dinaikkan daripada dua tahun kepada tiga tahun dan denda dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM10,000. Ini merupakan sebagai langkah pencegahan kepada majikan atau sesiapaapun daripada melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baru yang telah dibuat terhadap rang undang-undang ini akan memberi perlindungan yang lebih baik kepada penggajian kanak-kanak dan orang muda di samping mematuhi standard perburuhan antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Datuk Majjol Mahap.

**3.19 ptg.**

**Datuk Majjol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan izin kepada saya untuk berbahas walau sedikit sahaja. Lebih tepat ialah dalam bentuk beberapa soalan yang saya ingin lontarkan kepada Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah baik kerana ia bertujuan untuk menaikkan umur bagi kanak-kanak dan orang muda yang bekerja di tempat-tempat pekerjaan di negara kita ini selaras dengan Konvensyen Umur Minimum 1973 yang telah diratifikasikan oleh Malaysia.

■ 1520

Di mana umur minimum sekarang dinaikkan dan 14 hingga 15 tahun bagi kanak-kanak dan juga 16 tahun hingga 18 tahun bagi orang muda. Saya tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua bahawa akta ini adalah amat penting bagi mengelakkan eksploitasi yang dibuat terhadap kanak-kanak dan orang muda. Akan tetapi selama ini dalam akta yang lama pun yang akta ibu yang kita pindahkan sekarang ini, walaupun mempunyai banyak peraturan tetapi masalah di sini Tuan Yang di-Pertua ialah tentang *enforcement*nya dengan izin. Pelaksanaan perundangan yang perlu dibuat untuk memastikan bahawa segala peraturan yang terdapat dalam akta tersebut dipatuhi dan dilaksanakan oleh mereka yang ditugaskan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Apa yang saya nampak Tuan Yang di-Pertua bahawa di sana sini saya nampak bahawa ada kedai-kedai ataupun kapitalis-kapitalis yang mengusahakan perniagaan masing-masing mengambil kesempatan mengeksploitasikan kanak-kanak ini. Saya nampak bahawa di ladang-ladang, di kedai runcit, *super market* dan kedai kopi saya nampak bahawa ramai kanak-kanak yang umur apabila saya tanya mereka berapa umur mereka. Dia kata ada 13 tahun umur tetapi sudah bekerja di situ dan saya amat kesian melihat kanak-kanak tersebut. Mungkin terdesak daripada latar belakang keluarga, mungkin. Akan tetapi bukan bermakna bahawa ia memberi lesen kepada pemilik premis itu untuk mengeksploitasikan mereka ini.

Jadi saya berpendapat bahawa dan ini saranan saya kepada kementerian, bahawa kita harus memperbanyakkan *enforcement* kita, *mechanism* kita terhadap *enforcement* itu adalah penting. Ini kerana tanpa pemantauan yang baik mereka ini yang berkeinginan untuk mengambil kesempatan ini akan terus berleluasa di negara kita. Jadi saya berharap agar kementerian akan menambah ataupun mempergiatkan lagi *enforcement* tersebut di sana sini untuk mengelakkan eksploitasi tersebut.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kanak-kanak dan orang muda dengan cara *volunteemya* dan cara sukarelanya memberikan perkhidmatan di tempat-tempat pekerjaan yang tanpa dipaksa dengan *concern* mereka dengan izin. Mungkin mereka mempunyai masalah kewangan perlu untuk bertugas, bekerja untuk mendapatkan sedikit pendapatan. Jadi bagaimana ini bercanggah dengan undang-undang kita untuk melarang mereka tetapi dengan sukarelanya mereka itu ingin sangat untuk bekerja kerana mereka ini mungkin *out* dari sekolah dan sudah tidak bersekolah lagi kerana masalah masing-masing. Di mana kita *strike the balance*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dengan *volunteerismnya* itu dengan pelaksanaan undang-undang kita dalam akta ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan *Charter Children Right* di bawah *Charter* Bangsa-Bangsa Bersatu. Di mana memang ada hak kanak-kanak ini di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu di mana mereka juga mempunyai hak untuk hidup untuk mendapatkan nafkah dan sebagainya. Jadi di situ ada percanggahan dan sekali lagi ada saya nampak di situ sebagai satu *striking the balance* perlu dibuat dalam perkara ini. Itu sahaja yang saya ingin nyatakan secara pendek Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan saya nampak tadi Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf. Sebelum itu ada siapa-siapa lagi hendak membahaskan tajuk ini kalau tidak ada senang selepas ini saya hendak minta Menteri menggulung. Ada siapa-siapa hendak bahas? Okey silakan.

**3.24 ptg.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama turut terlibat membahaskan untuk memberikan sedikit pandangan Rang Undang-undang Akta Kanak-kanak dan Orang Muda yang dibentangkan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua dalam melihat kepada rang undang-undang ini kita melihat bagaimana ianya telah memberikan definisi yang cukup penting yang telah lama ditunggu oleh masyarakat yang saya rasakan. Ini kerana undang-undang yang telah berusia sejak tahun 1966 ini sehinggalah pada pindaan pada tahun 1973 dan inilah diberikan definisi lebih jelas. Walaupun terdapat beberapa perkara yang ingin saya tanyakan supaya mendapat penjelasan yang lebih terang untuk kemudahan kita.

Tuan Yang di-Pertua dalam membahaskan tentang Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda ini saya ingin kaitkan bagaimana generasi ini sebenarnya sedang kita hadapi atau sedang kita tangani masalahnya bukan sekadar apa yang tertulis di sini sahaja. Apa yang tersirat sebenarnya jauh lebih besar daripada apa yang tersurat permasalahan yang ada. Begitu juga penyelesaian yang boleh kita kemukakan saya rasakan jauh lebih banyak ataupun lebih luas skopnya berbanding dengan apa yang dapat kita sampaikan dalam pindaan yang ringkas ini. Begitu pun saya harapkan ianya dapat kita laksanakan paling tidak untuk kita pastikan masalah dapat kita tangani lebih awal daripada ianya terus terlibat dengan lebih buruk lagi.

Apa yang ingin saya ingatkan Tuan Yang di-Pertua adalah bagaimana akta ini walaupun dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia yang kita harapkan ialah satu pendekatan yang jauh lebih bersepadu. Ini kerana masalah ini tidak boleh hanya ditangani oleh Kementerian Sumber Manusia sahaja. Masalah ini sedang dihadapi dan sepatutnya diberikan perhatian penuh oleh beberapa pihak lain yang turut bertanggungjawab kepada manusia ataupun generasi yang berusia di bawah 15 tahun dan juga generasi yang berusia di bawah 18 tahun ini. Di antara kementerian yang cukup penting bagi saya ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri yang mengambil hal ehwal yang berkaitan dengan kanak-kanak dan juga hal ehwal agama dan juga yang lain-lain yang sewaktu dengannya.

Jadi bagi saya generasi usia di bawah 15 tahun dan juga generasi di bawah 18 tahun yang sekarang ini akan kita kenalkan sebagai kanak-kanak dan juga orang muda ini adalah generasi yang memang sedang menghadapi banyak masalah dalam kehidupan. Masalah kehidupan mereka juga harus tangani, masalah mereka mula membesar dan mula mencari haluan. Oleh sebab itu saya lihat kepada rang undang-undang ini khususnya fasal 3 yang telah memberikan satu definisi yang baru untuk kita pastikan semua kita menggunakan satu definisi yang sama. Agar kita menekankan bagaimana pentingnya takrif ini diguna pakai sebagai dalam bentuk '*light work*' ataupun dalam bentuk '*young person*' ini kita gunakanlah kita terima pakai sebagaimana oleh semua pihak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini yang ingin saya berikan sedikit pandangan ialah bagaimana usia ini semakin berat masalah yang dihadapi oleh mereka ialah apabila mereka mula terlibat dalam perubahan sistem pendidikan Malaysia sebab itu saya kaitkan dengan Kementerian Pelajaran. Ini kerana kita lihat dalam pendidikan formal ini yang dihadapi oleh kanak-kanak ini hampir sebahagian besarnya tidak mampu untuk terus berada dalam sistem pendidikan formal secara yang telah ada sekarang. Oleh sebab itu sebahagian besarnya telah pun tidak dapat mengikutinya menyebabkan mereka cari jalan lain dalam usia yang begini. Jadi usia ini harus kita tangannya dengan baik. Oleh sebab itu dalam ingatan saya usaha bersungguh-sungguh supaya generasi ini tidak dieksploitasikan tentang masa depan pendidikan mereka, masa depan kesihatan mereka haruslah kita tangani supaya kita sediakan ruang yang cukup untuk mereka sebagai bidang kemahiran.

Jadi bagi saya ingin saya tanyakan kepada Kementerian Sumber Manusia dalam hal ini apabila kita mentakrifkan skop yang lebih jelas tentang penggajian *employment* dan juga *employ* ini.

Sejauh manakah peluang yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan generasi yang di bawah umur 18 tahun tadi yang tidak mampu meneruskan pelajaran formal diberikan peluang untuk mereka turut terlibat secara rasmi dalam ruang pekerjaan yang dibenarkan tadi.

Keduanya ialah kita ingin tanyakan juga tentang kepada kementerian bagaimana tindakan hukuman yang besar yang disebutkan tadi dalam pindaan kali ini boleh kita kuatkuasakan apabila kita melihat sebenarnya semakin ramai kanak-kanak ataupun orang muda ini yang sebenarnya mereka terlibat dengan pekerjaan bukan kerana pilihan yang ada pada mereka.

#### ■ 1530

Kita dapat lihat mereka ini mungkin terlibat sebenarnya kerana tidak mampu meneruskan pendidikan dan juga mungkin mereka ini terlibat dengan pekerjaan kerana tidak punya peluang untuk meningkatkan kemahiran dan juga mungkin mereka ini terlibat dengan pekerjaan kerana tidak punya keluarga yang sempurna untuk menafkahkan mereka.

Saya ingin menarik perhatian bagaimana kita dapat lihat hampir setiap minggu rancangan "Bersamamu" telah menunjukkan bagaimana bukan sahaja *young person* ataupun orang muda malah kanak-kanak juga turut terlibat bekerja untuk mencari nafkah untuk menampung kekurangan yang ada kepada keluarga mereka. Jadi perkara-perkara begini berlaku dan pendekatan yang lebih bersepadu harus kita lihat untuk kita tingkatkan ataupun kita tangani masalah yang cukup besar ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua satu lagi yang ingin saya tanyakan kepada pihak kementerian ialah bagaimana dalam definisi ini juga disebutkan tadi tentang definisi *light work* itu tetapi saya nampak tidak diperjelaskan dengan *detail* atau pun lebih lengkap. Jadi kita ingin tanyakan tentang apakah kategori-kategori yang terlibat di bawah *light work* ini, apakah kerja-kerja yang menyebabkan bayaran bukan gaji bulanan tetapi hanya sekadar gaji harian yang diberikan juga terlibat ataupun tertakluk kepada di bawah pekerjaan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil sedikit perhatian sahaja tentang perkara ini yang sebagai penutupnya saya ingin sebutkan inilah generasi yang cukup penting, di bawah umur 15 dan juga di bawah umur 18 tahun ini yang harapan kita ialah golongan ini diberikan ruang pendidikan sepenuhnya, diberikan ruang untuk mendapatkan kemahiran. Jadi saya harapkan pihak Kementerian Sumber Manusia bekerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran untuk memastikan golongan ini berada di tempat yang sebenarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

#### 3.32 ptg.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan hanya dua perkara yang ringkas. Pertama ialah dalam akta ini nampaknya ditegaskan terutama sekali sektor-sektor di mana jelas kedudukan di antara majikan dengan pekerja seperti di kilang ataupun dalam perniagaan ataupun dalam ladang.

Jadi dalam hal ini tidak termasuk sektor pertanian umpamanya. Dalam masyarakat tani biasanya kanak-kanak atau anak-anak itu perlu sebagai tenaga kerja untuk menambah pendapatan keluarga. Ada unsur paksaan kadang-kadang terhadap setengah anak untuk bekerja dalam keluarga. Ada juga misalannya rasa tanggungjawab anak-anak itu sendiri untuk membantu jual kuih atau sebagainya atau bekerja di kawasan pertanian untuk menambah pendapatan keluarga. Dalam keadaan seperti ini, ada dua perkara yang patut ditangani. Pertama ialah dalam keadaan paksaan umpamanya, apakah perlindungan yang harus diberi dan boleh diberi kepada kanak-kanak tersebut dan ini nampaknya tidak jelas dalam hal ini.

Dalam soal kedua pula jikalau misalnya mereka terpaksa membantu keluarga oleh kerana keadaan kemiskinan, ini sudah melibatkan masalah lebih besar iaitu masalah kemiskinan.

Saya kira harus ditumpukan perhatian terutama sekali dalam keluarga yang paling susah di mana anak-anak terpaksa membantu supaya ada bantuan-bantuan yang khusus terutama sekali dari segi kewangan untuk membantu mereka supaya anak-anak yang terpaksa bekerja dan tidak dapat belajar akan dapat misalannya dilepaskan daripada beban pekerjaan supaya dapat melanjutkan pelajaran mereka. Itu perkara pertama.

Perkara kedua ialah yang berkaitan dengan saya tidak tahu sama ada hendak dipanggil pekerjaan ataupun tidak tetapi ini selalu dirujuk sebagai profesion yang tertua dalam dunia iaitu pelacuran. Di sini pun misalannya ada dua keadaan, keadaan di mana sama ada dengan cara *trafficking* dan sebagainya, anak-anak kecil atau kanak-kanak dan orang muda terpaksa menjadi pelacur, terpaksa menjual diri mereka kerana suasana yang begitu rupa.

Ada juga misalannya di mana mereka terdorong dalam keadaan paksaan yang lain oleh kerana soal kemiskinan tadi. Jadi saya ingin menyatakan di sini bahawa kita harus memikirkan bukan sahaja sektor-sektor yang formal tadi seperti perkilangan ataupun perladangan ataupun perniagaan tetapi kita harus memikirkan juga soal di sini kerana ada juga unsur perhubungan antara pekerja dengan majikan iaitu pekerja pelacuran dengan majikan iaitu yang mengeksploitasi mereka.

Soal ini adalah soal besar dan saya rasa ia tidak dapat diselesaikan dengan undang-undang ataupun hukum-hukuman tetapi dengan menyelesaikan masalah lebih besar iaitu masalah kalau ia disebabkan oleh kemiskinan yang mendorong atau memaksa mereka berbuat demikian demi untuk membantu keluarga sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

### 3.36 ptg.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama-sama untuk membahaskan akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda Pekerjaan 1996. Terdapat beberapa isu yang saya ingin kemukakan kepada pihak kementerian.

Pertama berkaitan dengan klasifikasi. Apabila kita sebut warga emas, orang akan terbayang kumpulan warga emas yang bergerak ataupun bekerja. Apabila kita bayangkan orang dewasa pun kita bayangkan yang sama tetapi apabila kita sebut tentang orang muda ataupun kanak-kanak yang bekerja, adakah di pihak kementerian setelah kita meminda akta ini bersedia untuk memberikan satu kad khas bagi kita boleh mengenal pasti kalau kita kata tadi dalam akhbar ada mengatakan bahawa jumlah kanak-kanak yang bekerja dengan keluarga 47,000 di seluruh Malaysia.

Jadi yang bekerja dengan keluarga, adakah mereka ini akan punya kad khas untuk memastikan bahawa mereka tidak akan terjerumus ataupun dipaksa untuk melakukan kerja-kerja yang dikatakan bukan *light work* dengan izin. Maknanya kalau mereka ini pada peringkat asalnya diambil bekerja untuk kerja-kerja ringan tetapi dalam masa yang singkat mungkin dalam dua tiga bulan diminta untuk bekerja kerja yang lebih teruk berbanding dengan usia mereka, bagaimanakah perkara ini dapat dipantau? Jadi adakah kita akan memberikan kad khas ataupun bentuk khas dan bagaimana kita boleh mengawal dan menyelia kanak-kanak dan orang muda yang telah pun kita luluskan dalam pindaan akta hari ini.

Kedua apabila disebut tentang pekerjaan melibatkan kanak-kanak ataupun orang muda kita akan melihat kepada orang-orang miskin, yang terlibat dengan kerja-kerja untuk membantu keluarga tetapi hari ini eksploitasi untuk menggunakan kanak-kanak bukan hanya berlaku kepada kes-kes melibatkan kerja berat tetapi kes-kes melibatkan kerja-kerja yang dilakukan sebagai artis, sebagai model-model untuk iklan. Kita lihat dalam beberapa kes, ada kes yang dilaporkan pendapatan yang diperolehi oleh artis kanak-kanak ataupun model-model iklan kanak-kanak ini kadang-kadang tidak didapati oleh kanak-kanak tersebut dan tidak ada *proportion* ataupun pembahagian dari segi upah ataupun pendapatan yang diperolehi daripada mana-mana majikan ataupun orang yang menganjurkan mana-mana konsert untuk diberikan kepada kanak-kanak terbabit.

Jadi dalam konteks ini bukan sekadar mereka terdedah kepada eksploitasi pendapatan tetapi eksploitasi dari sudut memakai *make-up* dengan usia mereka yang masih belum mencapai tahap yang sepatutnya kadang-kadang mereka ini dikenakan *make up* yang begitu tebal. Jadi dalam konteks ini kalau kita hendak jaga kesihatan mereka dari sudut kesihatan, dari sudut minda, dari sudut psikologi, bagaimana perkara ini dapat dipantau.

Jadi pengawalan bukan hanya berlaku di peringkat sektor yang memberikan kerja-kerja seperti tadi tetapi kerja-kerja hiburan, kerja-kerja yang dianggap santai, yang dianggap mewah dan dianggap selebriti dan ini akan menyebabkan kadang-kadang kita lihat berlaku eksploitasi dari sudut penganjuran pertandingan-pertandingan nyanyian tarian yang digambarkan dengan begitu banyak dalam televisyen dalam negara kita yang akan menyebabkan kanak-kanak ini terdorong untuk melakukan perkara yang sama.

Kita ingat dalam konteks ini sebagai sebuah kerajaan, kita mesti mengambil sikap untuk memastikan tidak ada eksploitasi seperti ini yang dibuat oleh mana-mana sektor ataupun oleh mana-mana orang bagi memastikan tidak ada kanak-kanak yang akhirnya terpaksa meninggalkan alam persekolahan ataupun terlibat dengan pekerjaan melebihi masa santai, mungkin melebihi masa 12 malam semata-mata untuk memenuhi kehendak sektor-sektor yang tertentu.

Seterusnya dari segi penyeliaan kepada pendapatan yang diperolehi oleh kanak-kanak dan orang muda tersebut. Setakat ini kita lihat apabila orang itu bekerja, majikan perlu membayar KWSP, majikan perlu bayar untuk PERKESO.

#### ■ 1540

Akan tetapi mereka yang tidak dibayar, perlindungan – mungkin bagi kanak-kanak yang berusia dalam 15 tahun atau 16 tahun ini nampaknya tidak terlalu banyak dan bila mereka *sign* untuk insurans sebelum umur 18 tahun, mereka tidak boleh mendakwa atas nama mereka sendiri. Mereka memerlukan *next friend* ataupun sahabat wakil untuk bertindak bagi pihak mereka.

Jadi dalam konteks ini, bagaimana peruntukan khas ataupun penyeliaan ataupun pemantauan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi memastikan setelah kita luluskan akta pada hari ini, perlindungan di pihak insurans selaku pihak swasta, perlindungan di pihak PERKESO dan juga perlindungan di pihak KWSP akan dibuat sesuai dengan umur kanak-kanak yang telah kita benarkan untuk bekerja bukan dengan keluarga mereka tersebut? Mungkin kalau untuk kes yang melibatkan kanak-kanak ataupun orang muda berusia di bawah 18 tahun, mereka mungkin perlukan pengecualian khas daripada mahkamah untuk mereka mendakwa tanpa memerlukan ibu bapa sebagai sahabat wakil untuk mendakwa dalam kes-kes mereka. Ini kerana, ini penting bila kes ini melibatkan kes-kes mahkamah sekiranya mereka terlibat dengan kemalangan-kemalangan sewaktu mereka bekerja.

Begitu juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kita mempunyai satu mekanisme untuk memastikan bahawa semua majikan ataupun pihak yang terbabit akan memberikan ruang untuk orang muda serta kanak-kanak ini belajar di waktu malam atau pada waktu-waktu yang lain? Ini kerana mereka ini sebenarnya jumlah sampai 47,000 orang ini jumlah yang ramai, dan kebanyakan mereka yang tercicir daripada alam persekolahan. Jadi bagaimana kita boleh merangka satu usaha, mungkin dengan Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pengajian Tinggi ataupun kementerian yang lain yang boleh menggariskan bahawa kanak-kanak yang bekerja diberi peluang untuk mengambil PMR ataupun SPM dengan kelayakan-kelayakan khas kerana mereka ini adalah golongan-golongan yang perlu kita bantu. Kalau ada perkara sebegini, saya minta pihak kerajaan uar-uarkan.

Seterusnya lagi ialah yang kita bimbang bukan setakat kalau kita buat hari ini undang-undang untuk bantu, jaga, selia kanak-kanak yang dipaksa bekerja, yang lebih kita bimbangkan hari ini ialah kita akan dapat lagi generasi di Malaysia kanak-kanak yang tidak bersedia untuk bekerja. Sekarang ini kita bantu pastikan sebelum 18 tahun jangan dipaksa kerja berat. Yang kita tengok dalam negara kita hari ini, lebih daripada 18 tahun yang tidak bersedia untuk bekerja.

Bagaimana dalam konteks untuk kita mencapai satu sumber manusia yang stabil bila kita berjaya mengawal daripada mereka bekerja tetapi setelah mereka 18 tahun, ramai lagi yang tidak bersedia untuk bekerja? Bagaimana perancangan di pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kita boleh melahirkan kanak-kanak yang bukan sekadar pintar pengetahuan tetapi pintar dari segi sikap, supaya pengawalan kita untuk usia bawah 18 tahun ini akan stabil untuk pencapaian serta bekalan tenaga kerja lebih daripada 18 tahun. Ini kerana, sikap ini perlu dibina daripada awal.

Saya bersetuju dengan sikap yang dibuat oleh ramai daripada golongan Cina terutamanya mereka akan mendedahkan tentang perniagaan kepada anak-anak mereka kurang daripada umur 18 tahun supaya mereka bersedia untuk terlibat dengan perniagaan selepas mereka berusia lebih 18 tahun. Fenomena ini tidak banyak berlaku di kalangan bangsa-bangsa lain yang hanya menyekat anak-anak hanya untuk belajar sebelum mereka ini berusia lebih daripada 18 tahun. Jadi kita hendak tengok kalau boleh perancangan dibuat dalam keadaan yang benar-benar stabil supaya kita melihat ramai generasi kita ini bersedia untuk bekerja dan bukan hanya menunggu subsidi ataupun menunggu orang bantu untuk mereka ini bekerja.

Seterusnya yang terakhir sekali, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kita memberi sebarang garis panduan ataupun sebarang petunjuk kempen dan sebagainya untuk membantu keluarga yang sudah pun memberikan peluang kepada anak mereka yang jumlahnya 47,000 tadi bagaimana pelan kebajikan yang perlu dijaga bagi kanak-kanak tersebut? Kita tahu ada ramai keluarga yang menggaji anak mereka untuk bekerja dengan mereka. Setakat ini daripada Kementerian Sumber Manusia, bagaimana kita memberi panduan kepada keluarga-keluarga terbabit dan syarikat-syarikat terbabit agar kebajikan kanak-kanak yang tidak pun salah dari segi undang-undang untuk bantu keluarga, dijaga dan dipelihara supaya perkara ini di suatu masa tidak akan memberi kesan yang tidak baik kepada mereka? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang akhir sekali. Yang Berhormat, tak panjang ya?

**3.44 ptg.**

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di negara kita ada lebih kurang 50,000 orang India tidak ada kad pengenalan dan juga surat-surat pengenalan lain dan keluarga ini, ramai kanak-kanak pun tidak ada surat pengenalan. Jadi bila tidak ada surat pengenalan, mereka tidak boleh masuk ke sekolah. Kalau mereka tidak ada di sekolah, mereka merayau-rayau di jalan dan pergi ke tempat-tempat macam *flat*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak payah sebut orang India lah. Tak payah sebut nama. Agaknya banyak juga yang tidak ada... *Just say that* orang ini tidak ada...

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Orang miskin, orang miskin yang tidak ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut-sebut. Kita dalam Dewan ini, *we are equal*.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Jadi saya harap kementerian ambil tindakan untuk orang yang tidak ada surat pengenalan dapatkan pengenalan dan masukkan kanak-kanak ini ke sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu betul.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Kalau tidak ada di sekolah, mereka akan jadi masalah kepada masyarakat umumnya. Juga Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak yang tidak begitu cerdik pandai kalau mereka tidak boleh ikut pelajaran di sekolah, mereka juga menjadi satu masalah dan keluar sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sekolah Yang Berhormat. Sekolah itu lain. Ini sekarang kemudahan itu. Kemudahan yang kementerian ini.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat yang berucap, perkara ini ada berkaitan dengan sekolah juga sebab yang tidak bersekolah yang menjadi masalah dan merayau-rayau di jalan dan buat pekerjaan-pekerjaan yang tidak ada kemahiran dan akhirnya mereka membesar menjadi *street boys*, *street girls* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan akan menjadi masalah kepada masyarakat. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat. Separuh sekarang ini yang dari Rohingya, Myanmar yang langsung jadi peminta sedekah itu.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya. Itu yang saya mahu cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu ada juga. Dia bukan warganegara kita. Sekarang ini *you* boleh kemukakan kepada kementerian apa...

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya, itu satu lagi masalah. Saya akan bercakap Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah ada juga kanak-kanak di seludup dari Myanmar untuk minta sedekah. Ini pun satu golongan yang menjadi masalah dan mereka di banyak tempat khususnya di Johor baru saya difahamkan. Ini satu golongan yang besar. Mereka merayau-rayau dan juga menjual rokok-rokok.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Next one, next one. One taken.*

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ini satu perkara Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga perkara yang sama di Sabah. Ramai kanak-kanak warga Indonesia, warga Filipina yang tidak ada dokumen. Mereka juga menjadi *street kids* yang boleh menjadi masalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa perkara-perkara yang macam ini akan menjadi masalah kepada murid-murid yang saya harap kementerian boleh membuat apa-apa yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma dari belah pandang ini rasanya kita ini di Malaysia, kita ada mempunyai warganegara kita. Prioriti kena bagi kepada warganegara kita dan masalah-masalah kedudukan kebolosan imigresen dan sebagainya itu kalau kita hendak hapus, memang tidak habis. Hanya menyatakan bahawa kumpulan-kumpulan yang masih dianggap kanak-kanak dan muda ini, apa caranya hendak menyelesaikan, diambil kira kepada kumpulan warganegara. Orang yang di luar yang tidak menjadi warganegara, kalau itu soal imigresen, perlu ada satu koordinasi antara kementerian Yang Berhormat supaya menentukan kumpulan-kumpulan ini hendaklah juga dipantau dengan begitu rapi. Sekian. Silakan Yang Berhormat jawab.

**3.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2010. Sesungguhnya kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap yang mana telah membangkitkan soal tentang penguatkuasaan dan juga tentang peraturan-peraturan yang telah ada dan bagaimana untuk mengelak eksploitasi seperti yang diperhatikan oleh Yang Berhormat yang berlaku di ladang, kedai runcit dan lain-lainnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita dapati bahawa – mengenai dengan isu eksploitasi kanak-kanak yang juga ada dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi, saya ingin menjelaskan bahawa untuk tujuan-tujuan eksploitasi, pengemisan dan lain-lainnya, ini ada diliputi di bawah lain-lain akta seperti Akta Orang Papa 1977, Akta Kanak-kanak 2001 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



## ■ 1550

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan program untuk menyelamat dan memulihkan kanak-kanak yang dieksploitasikan tersebut. Tentang soal penguatkuasaan, kita dapati bahawa Kementerian Sumber Manusia memandang serius mengenai isu penyalahgunaan tenaga kerja kanak-kanak dan melalui Jabatan Tenaga Kerja, pemeriksaan berkala sentiasa diadakan di tempat-tempat pekerjaan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz tadi, seperti yang ada dibaca di akhbar, bahawa mengikut statistik yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri saya di Dewan Rakyat, bahawa statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan hampir 47,000 kanak-kanak yang bekerja di negara ini, dan sebahagian besar mereka adalah mereka yang membantu keluarga dan bekerja secara sambilan.

Akta ini membenarkan kanak-kanak untuk bekerja, tetapi waktu bekerja adalah tidak melebihi tujuh jam sehari dan terhad kepada perusahaan yang diusahakan oleh keluarga mereka sahaja atau kerja ringan. Dan sekiranya mereka bersekolah, mereka hanya boleh bekerja jika bersekolah enam jam, mereka hanya boleh bekerja hanya satu jam sahaja. Maknanya jumlah bekerja dan waktu bersekolah itu tidak melebihi tujuh jam.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Majjol ada juga bertanya mengenai kanak-kanak dan orang muda yang sukarela bekerja atau pun atas pilihan sendiri. Dan untuk ini bukan hanya keluarga mereka yang bertanggungjawab untuk memastikan mereka memperseimbangkan waktu persekolahan dan bekerja tetapi melalui akta ini juga, ada diperincikan waktu rehat, berapa lama mereka boleh bekerja, dan waktu seperti yang saya sebut tadi, waktu mereka bersekolah dan bekerja tidak boleh melebihi waktu-waktu tertentu dan ini semua diperincikan supaya boleh diikuti, dipantau dan dikuat kuasa.

Mengenai dengan *charter of children's rights* yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majjol tadi, ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana di bawah kementerian ini terdapat satu Akta Kanak-kanak 2001 yang mana bertanggungjawab untuk semua di bawah usia 18 tahun ke bawah dari aspek perlindungan, pembangunan dan pemuliharaan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf menyeru supaya pendekatan bersepadu dibuat di dalam melaksanakan akta ini, dan ini adalah satu cadangan yang sangat baik dan bertepatan dengan hasrat Kementerian Sumber Manusia yang mana dalam usaha menggubal pindaan ini.

Kementerian Sumber Manusia telah pun merujuk kepada semua kementerian yang berkaitan termasuk Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan pihak-pihak yang lain termasuk pihak-pihak pertubuhan sukarela dan lain-lain yang ada kepentingan dalam isu ini.

Dan tadi Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz ada bertanya dengan takrifan kerja ringan yang mana ia ada dimasukkan di dalam pindaan ini yang bermaksud iaitu kerja-kerja. Saya minta izin untuk membacanya dalam bahasa Inggeris iaitu, "*light work*" means any work performed by a worker -

(a) *while sitting, with moderate movement of the arm, leg and trunk;*  
*or*

(b) *while standing, with mostly moderate movement of the arm.*

Maknanya, pekerjaan-pekerjaan yang ringan, yang tidak membebankan secara fizikal dan yang boleh dibuat dengan mudah. Dan ini termasuklah kerja-kerja seperti membantu di restoran, di kedai-kedai kopi dan lain-lainnya.

Kedua-dua peruntukan ini adalah untuk mengenal pasti jenis pekerjaan yang boleh, atau tidak boleh dilakukan oleh seorang kanak-kanak dan orang muda selaras dengan kehendak Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No.138 berkenaan umur, bagi penggantian di mana ada dibutirkan lagi terperinci iaitu keadaan-keadaan dan syarat-syaratnya.

Ini termasuklah juga dimasukkan yang mana, mereka tidak boleh bekerja dalam pekerjaan yang melibatkan ada risiko bencana pekerjaan, bencana kepada kesihatan. Yang ini senarai kerja yang ditakrifkan sebagai dengan izin, *hazardous work* ini adalah mengikut senarai yang dibuat mengikut pihak yang kompeten di dalam bidang ini dan di Kementerian Sumber Manusia, kerja-kerja seperti ini disenaraikan oleh Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya mohon untuk mencelah.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengan angka 47,000 yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ingin tanya daripada 47,000 itu sektor mana yang melibatkan ramai kanak-kanak yang bekerja, dan yang pertama definisi keluarga tadi adakah boleh juga dipanjangkan kepada *extended family*. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, 47,000 itu kebanyakannya adalah *informal sector*, dan juga sektor yang berkaitan dengan keluarga, bekerja dengan keluarga seperti yang saya sebut tadi, di kedai-kedai, termasuk kedai runcit, kedai kopi yang merupakan perniagaan-perniagaan keluarga. Dia merupakan sebahagian besar daripada yang direkodkan oleh Jabatan Statistik. Dan sama ada ia termasuk *extended family*, saya rasa tidak, kerana takrifan keluarga di sini adalah unit keluarga asas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf ada juga bertanya dengan peluang kepada mereka yang tercicir daripada arus perdana pelajaran dan pendidikan yang juga kepada mereka yang lepas 18 tahun. Apakah pembelaan, apakah program yang dibuat untuk mereka yang tidak dapat pekerjaan dan juga peluang-peluang sewajarnya diberikan kepada mereka.

Mungkin di sini saya ingin menyentuh tentang usaha kerajaan, terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh Tuan Yang di-Pertua, di mana kemahiran dan latihan kemahiran akan di arus perdana dan diperkasakan. Dan di sini pada masa kini, kita dapati tenaga kerja di Malaysia, yang mempunyai kemahiran tinggi, dalam sektor pekerjaan masih di tahap rendah iaitu 28 peratus dan untuk kita menjadi negara maju, menjelang tahun 2020 dan juga untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Kadar ini perlulah dipertingkatkan dan menjelang tahun 2015 kerajaan mensasarkan bahawa daripada 28 peratus ini perlu dipertingkatkan kepada 33 peratus dan menjelang tahun 2020, tenaga mahir dalam sektor pekerjaan hendaklah ditingkatkan kepada 40 peratus hingga 45 peratus.

Di sini saya melihat bahawa, mereka yang tercicir daripada arus perdana pendidikan ini, mempunyai peluang yang begitu besar sekali untuk mengikuti latihan-latihan kemahiran, program-program yang disediakan oleh kerajaan ataupun oleh pusat-pusat latihan bertauliah untuk mendapat kemahiran dan memasuki sektor pekerjaan.

#### ■ 1600

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Syed Husin Ali ada bertanya mengenai dengan sektor-sektor yang kurang jelas. Dikatakan yang disebut di sini, yang ada jelas antara majikan dan pekerja dan beliau melihat bahawa dalam sektor pertanian, ini tidak disebut. Sebenarnya di dalam pindaan ini, ada disebut sektor pertanian untuk orang muda bekerja. Kita dapati bahawa seperti Yang Berhormat sebut, ada yang bekerja kerana tanggungjawab untuk membantu keluarga, terpanggil untuk bekerja atas keinginan atau kemahuan sendiri dan juga ada unsur paksaan. Jika ada unsur paksaan, bidang tugas dan tanggungjawab ini adalah di luar daripada tanggungjawab kementerian ini.

Di sini ada kaitan dengan profesion tertua seperti Yang Berhormat sebut tadi - pelacuran. Di sini sudah menjangkau kepada jenayah dan oleh itu ia termaktub pula di bawah akta lain dan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Perkara ini ada dipantau melalui Majlis Perlindungan Kanak-kanak Negara, dan ia ada pula mekanisme-mekanismenya.

Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Syed Husin Ali kata bahawa sekiranya masalah orang muda dan kanak-kanak ini bekerja kerana terdesak dan kerana sebab kemiskinan, penyelesaiannya adalah lebih besar lagi daripada peraturan dan undang-undang ini. Oleh itu kerajaan telah dengan agresifnya pada masa ini, melalui pelbagai program membasmi kemiskinan, melaksanakan usaha ini melalui pendaftaran e-Kasih dan lain-lain gerak kerja yang dibuat secara bersepadu oleh beberapa kementerian.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz ada menyebut tentang bagaimana untuk memantau dan ini mungkin soalan penguatkuasaan tadi. Selain daripada Jabatan Tenaga Kerja sendiri yang membuat pemeriksaan berkala di premis-premis perniagaan dan majikan, saya pasti bahawa kita juga dan semua pihak perlu bekerjasama. Ini kerana Kementerian Sumber Manusia hanya boleh menyasat dan mengambil tindakan-tindakan selanjutnya apabila ada laporan dan juga ada kes-kes dibawa ke perhatian kami. Di sini selain daripada Jabatan Tenaga Kerja, pihak-pihak lain juga perlu melaporkan sekiranya terdapat insiden-insiden yang mana orang muda ataupun kanak-kanak ini dieksploitasi.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz menyebut tentang eksploitasi dalam bidang-bidang pekerjaan tertentu seperti menjadi artis dan lain-lain. Yang ini di dalam pindaan ini, dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri akan menggubal peraturan-peraturan. Yang mana bagi mereka yang ingin terlibat dengan industri hiburan mungkin menjadi pemuzik, membuat persembahan dan lain-lain. Ia perlu mengikuti beberapa proses permohonan kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, di mana di dalam proses itu ada panduan, peraturan dan kawalan yang mesti dipatuhi. Maknanya tanpa kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, tidak boleh bekerja dalam sektor hiburan.

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya dua perkara. Satu ialah berhubung dengan pelakon. Kita melihat di dalam banyak industri dan anak-anak muda yang diambil bekerja adalah anak-anak yang kecil. Kadang-kadang berdasarkan kepada jalan ceritanya memerlukan anak kecil dan banyak dalam filem, ceritanya menggunakan anak-anak. Bagaimana ini? Adakah peraturan-peraturan ini dibenarkan untuk membenarkan anak-anak kita juga ikut berlakon?

Ada juga kita lihat di dalam iklan-iklan menggunakan anak kecil dan berlakon di dalam drama pentas, juga dalam drama televisyen dan juga filem. Jadi bagaimana peraturan ini dibenarkan atau tidak? Itu yang pertama. Kalau itu dapat kementerian memberikan kebenaran ada satu undang-undang yang dimasukkan, supaya membenarkan juga kerana anak-anak juga diperlukan dalam cerita, kadang-kadang bapa mempunyai anak. Jadi perlulah kebenaran untuk membenarkan anak-anak ini berlakon juga bekerja. Walaupun mereka tidak mempunyai gaji tetapi barangkali secara kontrak, diberikan sedikit peruntukan kepada anak-anak ini. Juga kadang-kadang bekerja dari pagi sampai malam, kadang-kadang malam sampai pagi. Kalau berlakon filem ini maklum sahajalah, siang malam berlakon. Itu perkara pertama.

Perkara kedua, saya melihat dari segi undang-undang ini semuanya dalam bahasa Inggeris. Tidakkah kementerian melihat semula bahawa semuanya di dalam bahasa Inggeris? Tidakkah dibuat undang-undang ini dalam Bahasa Kebangsaan? Jadi kerana itu kalau pun hendak ada bahasa Inggeris, satu Bahasa Kebangsaan dan satu bahasa Inggeris, tetapi ini nampaknya dalam bahasa Inggeris. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih. Tentang kanak-kanak berlakon ataupun di dalam hiburan seperti yang saya katakan tadi, ada prosedur yang perlu diikuti dan dibenarkan. Melalui prosedur ini, pindaan ini ada menyediakan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi. Contohnya, waktu bekerja mestilah - jika bekerja enam hari, perlu ada satu hari cuti dan di antara 8 malam hingga 7 pagi iaitu waktu malam, mereka tidak boleh bekerja kecuali dalam bidang hiburan yang memerlukan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja.

Seterusnya jika bekerja tiga jam berterusan, mesti ada masa rehat setengah jam sekurang-kurangnya. Juga jika hari bersekolah dan mereka bersekolah, mereka tidak boleh bersekolah dan bekerja lebih daripada enam jam. Maksudnya kalau bersekolah enam jam, mereka hanya boleh bekerja satu jam, tidak melebihi tujuh jam. Tidak boleh mula bekerja semula tanpa ada rehat selama 14 jam, maknanya waktu malam itu patutnya sampai esok ia berehat, baru boleh. Tidak boleh terus bekerja macam itu. Ini adalah antara contoh-contoh yang dimaktubkan di dalam pindaan ini untuk mengawal waktu bekerja dan lain-lain.

Tentang Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga bertanya tentang perkara-perkara berkaitan dengan sumbangan sama ada insurans keselamatan, jaringan atau jaminan keselamatan yang lain. Mereka ini juga tertakluk kepada Akta Kerja 1955 sebenarnya dan perlu mematuhi dan saya menyepak dengan Ketua Pengarah PERKESO, ada di bawah kanak-kanak yang menyumbang kepada PERKESO. Jadi lain-lain jenis insurans itu saya mohon untuk menjawab secara bertulis. Saya kena periksa.

Mengenai dengan mekanisme belajar di waktu malam dan seterusnya, saya rasa terjawab tadi dengan adanya kawalan waktu mereka bekerja, waktu berehat dan lain-lain. Tentang garis panduan bagi membina kebajikan mereka yang begitu ramai bekerja, saya pasti bahawa jika mereka mengikuti program-program kerajaan yang lain dalam membasmi kemiskinan dan lain-lainnya, di antara mereka ini ada yang layak menerima bantuan kebajikan dan lain-lainnya di bawah kementerian yang berkaitan.

Seterusnya, Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan ada menyentuh tentang kanak-kanak yang tiada kad pengenalan, maka tidak boleh bersekolah. Ada merata-rata termasuklah sampai di Sabah dan mereka yang mengemis dan lain-lainnya.

#### ■ 1610

Seperti yang saya kata, jika mengemis ini merupakan satu fenomena, ia di bawah akta berlainan yang khusus di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tentang isu tidak ada kad pengenalan dan lain-lain, ini adalah satu persoalan yang agak rumit, yang tidak dapat saya jawab dengan mudah kerana ia memerlukan lebih spesifik dan kalau berkenaan dengan kad pengenalan, ia merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya mohon sedikit penjelasan.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pertanyaan saya tadi berkenaan dengan peluang untuk belajar. Yang saya maksudkan ialah bila mana kita mengenal pasti ada 47,000 yang terlibat. Kalau 47,000 yang terlibat itu hanya dengan keluarga, mungkin hanya bekerja sejam atau dua jam dan mereka masih lagi belajar, itu tiada masalah. Yang saya maksudkan di sini ialah sekiranya daripada 47,000 tadi, terdapat 2,000, 3,000 ataupun 20,000 yang terlibat, mereka bekerja tetapi tidak ada peluang untuk belajar.

Bagaimanakah pihak kerajaan boleh menyediakan satu peluang khas ataupun sesi khas? Bila mana kita sudah mengenal pasti mereka adalah *young workers* dengan izin, mereka adalah pekerja-pekerja yang berusia muda tercicir dalam pelajaran, mereka tidak berpeluang untuk belajar di siang hari, dalam waktu yang kita tetapkan oleh kerajaan daripada pukul tujuh pagi sampai pukul satu tengah hari.

Jadi adakah kita boleh menyediakan sedikit ruang ataupun sedikit *planning* bagi memastikan pekerja-pekerja tadi diberi peluang untuk belajar. Jadi kalau tidak ada, saya pohon diadakan kerana jumlah yang disebut adalah jumlah yang besar. Sekiranya yang kita kesian 47,000 melibatkan adalah yang bekerja secara separuh masa selama dua atau tiga jam, tidak jadi masalah. Yang kita bimbang takut ramai yang terlibat. Jadi adakah mereka ini akan diberi peluang?

Sebagai contoh kelas petang atau kelas malam yang mungkin perlu disediakan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi memastikan golongan ini, yang terpaksa bekerja boleh belajar di luar waktu persekolahan. Ini hanyalah bukan seluruh negara tetapi terlibat mungkin di tempat-tempat yang mungkin bilangannya melebihi 20 orang sebagai contohnya, perlu kita tangani supaya golongan ini tidak akan tercicir oleh kerana mereka terlibat dengan golongan di bawah paras kemiskinan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini adalah satu andaian kerana saya tidak ada *detailnya* dan satu soalan yang *hypothetical*, yang mana kita menganggap bilangan mereka yang bekerja ini ramai tidak bersekolah. Sekiranya ini benar, terpaksa di rujuk kepada Kementerian Pelajaran kerana kita dapati bahawa di bawah Akta Pendidikan 1991 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, mewajibkan seorang kanak-kanak itu bersekolah sekurang-kurangnya sebelas tahun.

Oleh itu, kita pertama sekali, perlu *establish*. Kita perlu memastikan angka ini. Adakah benar seramai itu yang tidak bersekolah dan jika benar, maka ini perlu digembleng kementerian-kementerian, beberapa kementerian dan Kementerian Sumber Manusia bersedia, sekiranya perkara ini benar untuk meluaskan peluang-peluang latihan dan lain-lain. Saya pasti perkara ini satu cadangan yang boleh diambil kira. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas soalan, pandangan, saranan, cadangan dan teguran-teguran yang diberi. Di mana dalam usaha kita merangka dasar dan program-program kementerian supaya dapat kita tingkatkan lagi dan perkara-perkara yang patut disusul akan kita ambil tindakan. Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat saya jawab, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakannya selepas ini dan saya mohon menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN STADIUM MALAYSIA 2010

### Bacaan Kali Yang Kedua

#### 4.18 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 yang bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama Perbadanan Stadium Malaysia. Untuk mengadakan peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks dan kemudahan sukan untuk membubarkan Perbadanan Stadium Merdeka dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah kewujudan organisasi yang bertanggungjawab dalam urusan pengurusan *venue* di negara ini bermula apabila Perbadanan Stadium Merdeka telah ditubuhkan melalui Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963. Melalui akta ini, PSM telah ditubuhkan sebagai badan berkanun persekutuan yang telah diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong pada 30 Mac 1963 dan berkuat kuasa mulai 26 Disember 1963. Selaras dengan keperluan semasa, Akta PSM telah dipinda pada tahun 1987.

Aktiviti utama perbadanan ketika itu ialah menyewa Stadium Merdeka dan Stadium Negara serta bertanggungjawab menyediakan kemudahan sukan dan tempat rekreasi yang sofistikated, mempelbagaikan penggunaan stadium dan meningkatkan pendapatan tahunan. Kesenjangan dari kejayaan yang dikecap oleh PSM semasa mentadbir dan menguruskan Stadium Merdeka dan Stadium Negara dari tahun 1963 hingga 1997 menyebabkan PSM telah diberi tanggungjawab baru, sebelum berlangsungnya Sukan Komanwel Ke-16 pada tahun 1998. Mulai Julai 1998, PSM telah diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil dan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

#### ■ 1620

Pembinaan KSN di Bukit Jalil ini dengan matlamat untuk mencapai objektif dan visi strategik iaitu memupuk perpaduan dan melahirkan masyarakat Malaysia yang sihat dan cergas. Perancangan kerajaan pusat untuk memiliki kompleks seumpama ini bukan satu usaha yang baru. Malah ia telah diutarakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri Malaysia kedua sejak tahun 1970an lagi.

Akhirnya pada 11 Julai 1998, KSN telah berjaya disiapkan sepenuhnya dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia keempat pada ketika itu. Pada masa ini, PSM bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus KSN yang terdiri daripada sepuluh buah stadium dengan tiga kawasan rekreasi di bawah empat kompleks sukan iaitu Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara, Kompleks Sukan Negara Jalan Duta dan Kompleks Sukan Negara Panasonic. Sehingga ke hari ini, PSM masih mengguna pakai Akta PSM 1963 dengan mengekalkan nama Perbadanan Stadium Merdeka. Sedangkan PSM sudah tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan pengurusan Stadium Merdeka yang kini ditadbir oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Situasi ini menimbulkan kekeliruan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan PSM. Akta sedia ada turut membataskan fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada PSM adalah khusus dan hanya berkaitan dengan urusan mengurus dan menyelenggarakan stadium merdeka. Rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda nama Perbadanan Stadium Merdeka kepada Perbadanan Stadium Malaysia. Ia sekali gus meluaskan lagi skop kerja PSM dan tidak hanya meliputi Kompleks Sukan Negara sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bidang kuasa PSM adalah terbatas sama ada dalam soal pengurusan, pembangunan, pengendalian stadium dan kompleks serta kemudahan sukan di KSN.

Walaupun telah wujud Akta PSM tahun 1963 yang berkaitan dengan bidang kuasa PSM, namun ia terlalu terbatas dan terhad untuk PSM melaksanakan objektif dan fungsi yang terkandung khususnya untuk melaksanakan sebarang bentuk pelaburan atau penubuhan anak syarikat di bawahnya bagi menjana pendapatan serta melaksanakan dasar-dasar baru khususnya berkaitan dengan pembangunan industri sukan sebagai usaha bersepadu Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadi pemangkin kepada ekonomi negara.

Pada masa ini, statistik permulaan *venue* bagi tempoh di antara tahun 1999 sehingga tahun 2009 adalah sebanyak 43,332 acara yang merangkumi aktiviti sukan, bukan sukan dan latihan sukan. Namun pada hakikatnya, penggunaan terbanyak disumbangkan oleh penggunaan *venue* sebagai aktiviti latihan para atlet. Setiap tahun aktiviti latihan menyumbang 75 peratus sehingga 80 peratus dari keseluruhan jumlah acara.

Penggunaannya di kalangan orang ramai dan syarikat korporat adalah kecil di mana kompleks hanya menjadi tumpuan ramai apabila berlangsungnya acara. Mengenai perolehan kewangan pula, sepanjang tahun 1999 hingga tahun 2009, PSM telah memperoleh pendapatan sebanyak RM299,889,227 di mana sebahagian daripada pendapatan tersebut diperoleh daripada sumbangan kerajaan iaitu sebanyak RM188,982,260. Sumbangan ini bertujuan untuk membiayai kos penyelenggaraan dan utiliti KSN. Dalam tempoh yang sama iaitu tahun 1999 sehingga tahun 2009 jumlah perbelanjaan PSM adalah sebanyak RM283,867,437 dan lebih daripada pendapatan pula adalah sebanyak RM16,021,790.

Sehubungan dengan itu, adalah sukar bagi PSM untuk menguruskan dan membangunkan keseluruhan kompleks sukan yang diamanahkan sekiranya akta sedia ada tidak dikaji semula. Ini kerana akta sedia ada tidak memberikan sebarang kebenaran secara jelas kepada perbadanan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti bekerjasama dengan pelabur, menubuhkan atau mengembangkan syarikat, kuasa untuk meminjam, pelaburan dan sebagainya yang boleh membantunya menjadi sebuah badan berkanun yang mempunyai sumber kewangan sendiri yang lebih luas.

Keadaan ini menjadi kekangan kepada PSM untuk menjana keuntungan dan membiayai operasi secara amnya. Oleh itu, akta yang khusus amatlah perlu diwujudkan bagi menentukan hak dan hala tuju PSM. Ia hendaklah sesuai dengan arus pembangunan negara bagi menggariskan dengan lebih jelas objektif, fungsi dan kuasa perbadanan sebagai badan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus kompleks sukan dengan disokong dan dilindungi oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010 yang dicadangkan ini telah dibaca kali pertama di Dewan Rakyat pada 8 Julai 2010 dan dibentangkan untuk bacaan kali kedua dan ketiga pada 12 Oktober 2010 sebelum dibahas dan diluluskan. Rang undang-undang ini terbahagi kepada tujuh bahagian dan mengandungi 49 fasal.

Bahagian 1 rang undang-undang mengandungi peruntukan permulaan. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Yang Berhormat Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi tarikh ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang. Fasal 2 rang undang-undang mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan perbadanan stadium Malaysia.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan perbadanan yang objektifnya manakala fasal 4 dan fasal 5 masing-masing memperkatakan fungsi dan kuasa perbadanan.

Fasal 6 dan fasal 7 mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan perbadanan dan tempoh jawatan anggotanya.

Fasal 8 menetapkan perjalanan sementara fungsi pengerusi.

Fasal 9 adalah berkenaan dengan pembatalan pelantikan anggota perbadanan dan peletakan jawatan mereka.

Fasal 10 menetapkan hal keadaan yang dalamnya jawatan seorang anggota perbadanan dikosongkan.

Fasal 11 memberi perbadanan kuasa untuk membayar elaun kepada anggota perbadanan.

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan Menteri kuasa untuk memberikan arahan umum kepada perbadanan.

Fasal 13 menghendaki perbadanan untuk memberikan penyata, laporan akaun dan maklumat kepada Menteri dan mana-mana pihak berkuasa awam yang diarahkan oleh Menteri.

Fasal 14 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perwakilan fungsi dan kuasa perbadanan.

Fasal 15 bertujuan untuk memberikan perbadanan kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantunya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah akta yang dicadangkan.

Bahagian III rang undang-undang mengenai peruntukan mengenai ketua eksekutif, pegawai dan pekhidmat perbadanan.

Fasal 16 mengandungi peruntukan berkenaan dengan kuasa dan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif.

Fasal 17 bertujuan untuk memberi perbadanan kuasa untuk mengambil khidmat pegawai dan pekhidmat lain dan sub fasal 17(4) bertujuan untuk memberi perbadanan kuasa dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

Fasal 18 bertujuan untuk memberi perbadanan kuasa untuk memberikan bantuan kewangan kepada pegawai, pekhidmatnya dan orang lain.

Bahagian IV rang undang-undang mengandungi peruntukan kewangan.

Fasal 19 mengadakan peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan Stadium Malaysia yakni Kumpulan Wang.

Fasal 20 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

Fasal 21 meletakkan kewajipan kepada perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang.

Fasal 22 menghendaki perbadanan untuk menubuhkan dan menyenggara satu kumpulan wang rizab.

Fasal 23 memperkatakan perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

Fasal 24 mengadakan peruntukan bagi tahun kewangan perbadanan.

Manakala fasal 25 dan fasal 26 menghendaki perbadanan menyimpan akaun yang sewajarnya dan membuka serta menyelenggarakan akaun bank di Malaysia.

Fasal 27 memperuntukkan bahawa akta badan berkanun akaun dan laporan tahun 1980 terpakai bagi perbadanan.

Bahagian V rang undang-undang memperkatakan kuasa-kuasa lain perbadanan.

Fasal 28 bertujuan untuk membolehkan perbadanan meminjam wang.

Manakala fasal 29 bertujuan untuk membenarkan perbadanan melaburkan wang perbadanan.

Fasal 30 bertujuan untuk memberikan perbadanan kuasa untuk mengambil khidmat dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank dan broker saham.



Fasal 31 bertujuan untuk memberikan perbadanan kuasa untuk membuat tersedia kepada mana-mana orang, badan, apa-apa dapatan penyelidikan yang terletak hak kepada perbadanan tertakluk kepada apa-apa syarat dan bayaran fi, royalti atau balasan lain jika ada sebagaimana yang ditentukan oleh perbadanan dengan kelulusan Menteri bagi maksud pengkomersialannya.

Perbadanan dibenarkan untuk menubuhkan syarikat di bawah fasal 32.

Bahagian VI rang undang-undang mengandungi peruntukan am.

■ 1630

Fasal 33 bertujuan untuk menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang yang menzahirkan atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada perbadanan.

Fasal 34 memperkatakan peruntukan yang berhubung dengan kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan.

Fasal 35 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan perbadanan mana-mana anggotanya, mana-mana anggota satu jawatankuasa, mana-mana pekhidmat atau mana-mana ejen perbadanan, mana-mana orang lain yang bertindak secara sah bagi pihak perbadanan, ketua pegawai eksekutif, pegawai atau pekhidmat perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan keabaihan, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati atau sifat yang sedemikian.

Fasal 36 memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi mana-mana tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap perbadanan mana-mana anggotanya atau anggota jawatankuasa, pegawai pekhidmat atau ejen perbadanan.

Fasal 37 memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota jawatankuasa, pegawai pekhidmat atau ejen perbadanan hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan semasa menunaikan kewajibannya di bawah akta.

Fasal 38 bertujuan untuk memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 39 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengesahan tindakan yang dilakukan sebagai menjangkakan perbuatan akta yang dicadangkan.

Bahagian VIII rang undang-undang mengandungi fasal 40 hingga 49 yang masing-masing memperkatakan mengenai peruntukan, pemansuhan, kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ditekankan bahawa keperluan rang undang-undang ini adalah untuk mengadakan peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks dan kemudahan sukan untuk membubarkan Perbadanan Stadium Merdeka dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengan bersampingan dengannya bagi menjayakan pembangunan industri sukan sebagai penjana ekonomi negara selaras dengan sasaran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Perbadanan Stadium Malaysia untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, kompleks sukan dan kemudahan sukan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid.

**4.33 ptg.**

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Stadium Malaysia adalah rang undang-undang yang kena pada masanya kerana peruntukan-peruntukan undang-undang yang digunakan oleh Perbadanan Stadium Malaysia atau PSM tidak lagi memenuhi keperluan masa kini. Malah nama Perbadanan Stadium Merdeka itu memang mengelirukan kerana perbadanan ini tidak lagi mengurus Kompleks Sukan Stadium Merdeka, Kompleks Stadium Negara yang kini berada di bawah pengurusan PMB.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perbadanan Stadium Negara 1963 yang lalu, walaupun telah dipinda pada tahun 1987, banyak peruntukan yang tidak lagi sesuai digunakan oleh sebuah perbadanan stadium. Lebih-lebih lagi mengenai pengurusan kewangan, kita dimaklumkan bahawa pendapatan PSM dari tahun 1999 hingga tahun 2009 berjumlah lebih kurang RM299 juta di mana sebahagian besar daripada pendapatan ini disumbangkan oleh peruntukan kerajaan yang berjumlah kira-kira RM1.8 juta iaitu kira-kira 6.3 peratus, lebih kurang, untuk mengendalikan pengurusan stadium-stadium dan kompleks sukan di beberapa lokasi di negara ini.

Oleh yang demikian, saya menyokong perbelanjaan rang undang-undang ini yang memberi ruang kepada PSM untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan lebih berkesan, terutama dari segi aspek pengurusan kewangan yang boleh PSM diberi kuasa untuk meminjam atau mendapatkan pelaburan dan sebagainya yang boleh membantu PSM menjadi sebuah badan berkanun yang mempunyai sumber kewangannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin mendapat penjelasan atau jaminan daripada kementerian bahawa peruntukan bukanlah faktor yang diberi sepenuhnya dalam pengurusan kewangan atau pentadbiran stadium-stadium ini. Ini adalah kerana stadium-stadium dan kemudahan-kemudahan sukan ini dibina oleh kerajaan untuk menyediakan dan melatih atlet-atlet kita, baik yang profesional mahupun amatir juga, atlet-atlet remaja dan anak-anak yang baru berjinak-jinak dengan sukan untuk terus mengasah bakat, berupaya untuk mendapatkan atlet-atlet terkemuka satu hari nanti.

Bolehkah kementerian menjelaskan adakah terdapat pengecualian-pengecualian yang diberi kepada ataupun potongan harga diberi kepada sekolah-sekolah yang ingin menggunakan stadium-stadium untuk menggiatkan sukan mereka? Adakah PSM bersedia untuk membenarkan stadium-stadium dan kemudahan-kemudahan sukan ini dihasilkan, khususnya untuk pelajar-pelajar sekolah. Kita juga untuk jangka masa yang tertentu pada setiap bulan atau setiap tahun, demi untuk memastikan golongan pelajar dan remaja didedahkan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang berkualiti di peringkat remaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa SUKMA diadakan setiap dua tahun sekali di mana negeri-negeri di Malaysia bergilir-gilir untuk menganjurkan tetapi bagi negeri-negeri yang kecil seperti negeri saya, negeri Perlis, penganjuran SUKMA ini adalah merupakan beban yang agak besar untuk ditanggung oleh kerajaan negeri, terutamanya kerana ketiadaan kemudahan-kemudahan sukan yang juga kemudahan-kemudahan penginapan yang mencukupi untuk atlet-atlet dan pegawai-pegawai sukan di seluruh negara.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar kementerian memberi perhatian kepada perkara ini dengan memberi tumpuan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang secukupnya terutama di negeri Perlis. Mungkin secara lain PSM boleh bekerjasama dengan pihak penganjur atau pihak pelabur atau pihak swasta, dana yang diberikan boleh disalurkan kepada pembangunan stadium dan kemudahan kompleks sukan yang lebih baik di Perlis. Jika ini tidak dapat dijalankan, mungkin kementerian boleh menggesa PSM agar membenarkan negeri-negeri kecil seperti negeri Perlis untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sukan dan stadium yang ada di ibu kota.

Misalnya, pengacaraan sukan diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri boleh membawa daya tarikan yang ada di negeri masing-masing ke Kuala Lumpur untuk dinikmati oleh hadirin yang lebih ramai dan besar. Malah penganjuran SUKMA ini mungkin boleh dibuat konsepnya iaitu ianya tidak lagi diadakan di negeri tertentu tetapi SUKMA ini dijalankan di ibu kota setiap dua tahun sekali.

lanya diurus oleh negeri yang mendapat giliran untuk mendapat kos atau menganjur sukan SUKMA ini. Mungkin dalam kes di Sabah dan Sarawak, penganjur SUKMA boleh dilakukan di negeri tersebut tetapi di Semenanjung Malaysia, konsep penganjuran setempat mungkin boleh dilaksanakan. Ini dapat mengurangkan kos penganjuran tetapi pada masa yang sama memberi peluang kepada Majlis Sukan Negeri untuk menguruskan sukan tanpa risau, memikirkan hal kewangan, peralatan, kemudahan dan sebagainya. Sekian, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berhenti sebentar ya untuk memberi laluan kepada seorang menteri untuk membaca usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**4.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan serta diputuskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa, 14 Disember 2010.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■ 1640

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**4.41 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk bahas mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010. Dalam soal pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium, saya sebenarnya tidak membuat persiapan rapi tetapi oleh sebab saya nampak rakan-rakan tidak mahu bercakap sahaja- Saya mengimbau kembali zaman remaja saya apabila saya datang ke Kuala Lumpur tahun 1979 dan sayalah orang yang pertama minat dengan Stadium Merdeka dan Stadium Negara.

Pada ketika itu stadium ini amat megah di kalangan anak-anak muda kerana stadium inilah yang melahirkan jaguh-jaguh olahraga, jaguh-jaguh bola sepak, zaman Mokhtar Dahari, M. Chandran, Soo Chi Han dan begitu juga dengan Stadium Negara, kita melahirkan jaguh-jaguh badminton negara. Oleh sebab itu apabila timbul satu ketika dahulu kerajaan hendak menswastakan kompleks sukan ataupun Stadium Negara dan Stadium Merdeka, sayalah di antara orang yang membantah untuk dirobohkan dan dibangunkan prasarana lain. Oleh kerana Stadium Merdeka ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri di mana laungan kemerdekaan berkumandang di dalam stadium ini. Oleh sebab itu sejarah kita, mestilah dijaga dan dipelihara supaya orang sentiasa ingat.

Kita tidak rasa ralat kalau Stadium Merdeka sekarang ini dirobohkan dan dijadikan stadium yang asal. Oleh kerana itulah sejarahnya bermula laungan kemerdekaan di mana Tunku Abdul Rahman melaungkan kemerdekaan sehingga kita berjaya mencapai kemerdekaan tahun 1957. Perkara yang ingin saya utarakan ialah di negara kita ini, pelbagai sukan yang telah diadakan sama ada sukan ini menjadi popular ataupun kurang popular.

Pertama sekali sukan yang agak popular pada masa dulu ialah sukan bola sepak sehingga di mana sahaja kita masuk bertanding pada ketika itu sama ada Pesta Bola Merdeka, Jepun pun kita tewaskan, Korea Selatan pun kita balun. Negara yang kecil-kecil ini, Vietnam, itu semua tidak kiralah. Akan tetapi oleh sebab prasarana stadium yang ada pada ketika itu tidak cukup, maka kerajaan telah membina stadium yang lebih besar iaitu dipanggil Kompleks Sukan Bukit Jalil di mana kita hendak menghadapi Sukan Komanwel. Oleh sebab itu kita menjadi tuan rumah dan kita perlu menyediakan secukupnya, kompleks sukan yang ada serba-serbi.

Dahulu jikalau kita menganjurkan Sukan SEA, kita terpaksa guna kolam renang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Guna sana sikit, sini sikit, nampak tidak berada di satu kawasan yang sama. Kalau ini kita berasa amat bangga kerana kita mempunyai kawasan yang semua prasarana itu ada. Akan tetapi walaupun begitu ingin saya nyatakan, walaupun prasarananya ada tetapi tidak juga mencukupi. Selain daripada itu kalau kita menonton TV setiap hari dan malam, kadang-kadang orang terpaksa tunggu sampai pukul 3 pagi atau 5 pagi untuk melihat sukan di peringkat *international*.

Pertamanya soal sukan bola sepak, orang sanggup berjaga sampai pagi. Manchester United lawan dengan Arsenal pagi ini, orang terpaksa berjaga sampai 5 pagi, mungkin esok ada rakan-rakan datang lewat untuk perbahasan Parlimen termasuk saya sendirilah... [Ketawa]

Keduanya, kita juga minat sukan tenis tetapi tidak ada jaguh tempatan, tidak ada prasarana stadium tenis. Kalau kita hendak melawan tenis, panggil Roger Federer datang atau Rafael Nadal datang, tetapi kita guna Stadium Putera atau Stadium Melawati. Tidakkah kita hendak mengembangkan sukan tenis yang cukup masyhur? Walaupun kita kata ganjaran hadiahnya tidaklah seberapa, misalnya kalau bertanding, baru-baru ini *Final ATP* di London, hadiahnya RM4.8 juta yang menjadi johan, begitu lumayan. Akan tetapi di Malaysia tidak ada, hanya ada USD50 ribu, itu paling tinggi, kali tiga RM150 ribu. Betul tidak Yang Berhormat Menteri?

Jadi saya cadangkan supaya pengurusan lebih baik untuk memikirkan stadium-stadium ini. Kita dulu berbangga jaguh olahraga kita, kita melahirkan Marina Chin, M. Rajamani, Tan Sri Dr. M Jegathesan, di peringkat Asia cukup hebat tetapi sekarang mana pergi jaguh olahraga itu? Sukan Asia kita dapat berapa pingat dalam olahraga? Sukan Komanwel baru ini kita dapat berapa pingat dalam olahraga? Malah saya dimaklumkan makin hari makin merosot sukan olahraga ini. Jadi prasarana yang cukup baik, kalau kita lihat Kompleks Sukan Bukit Jalil, Kompleks Sukan Petronas, tempat latihan macam-macam ada tetapi bagaimana sukan olahraga ini boleh merosot? Ini soal pengurusan, pengurusan sukan, pengurusan stadium, ini kena diperbetulkan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan kita berbangga sukan skuasy, badminton dan hoki. Kita berbangga kerana sukan skuasy kita mencapai tahap dunia, jaguh dunia, sesiapa pun tidak boleh mengalahkan Datuk Nicol David. Akan tetapi pelapisnya di mana? Di mana pelapisnya selepas ini? Begitu juga dengan sukan badminton. Setakat ini Datuk Lee Chong Wei tidak boleh mengalahkan Lin Dan tetapi selepas ini bila Lin Dan bersara, Datuk Lee Chong Wei bersara, siapa yang akan menggantikan mereka? Ini memerlukan satu pengendalian pengurusan sukan yang baik untuk mengasah bakat-bakat baru. Jikalau Sekolah Sukan Bukit Jalil itu tidak cukup, dibina lagi beberapa sekolah sukan supaya jaguh-jaguh sukan ini diasuh di peringkat sekolah lagi.

Saya juga suka menyentuh tentang masalah kewangan. Saya amat bangga apabila kita menang beberapa pingat di Sukan Komanwel, di Sukan Asia, kita beri ganjaran, hebat ganjarannya. Maka jaguh-jaguh sukan kita amat berpuas hati, gembira tidak terkata, diberi ganjaran. Walaupun hendak dibandingkan dengan luar negeri ganjarannya yang begitu banyak tetapi mereka gembira, *at least* duit poket ada.

Dijanjikan Piala Suzuki, RM5,000 seorang kalau menang, kalau masuk *final*. Akan tetapi masalahnya imbuhan dan ganjaran kita beri dan kita peruntukkan secukupnya, namun untuk membina prasarana, saya percaya kerajaan boleh menambahkan peruntukan. Sukan ini amat penting kerana dari segi moral, dari segi untuk melatih anak-anak di peringkat sekolah lagi, kita perlu memikirkan soal mereka di peringkat bawah kerana hendak mendidik menjadi jaguh sukan di peringkat atas bukan senang.

Kita hendak main tenis, main bola keranjang, hendak main bola, kita badan kecil hendak dibandingkan dengan tubuh '*mat saleh*' yang badan besar. Sekali lawan ragbi, terpelanting kita. Oleh sebab itu kita mesti mendidik jaguh-jaguh, misalnya jaguh angkat berat, jaguh bina badan kita hebat dan setanding. Saya percaya ini sudah ada dalam kajian dan *planning* kementerian. Saya rasa penukaran rang undang-undang daripada Perbadanan Stadium Negara kepada Perbadanan Stadium Malaysia ini cukup baik dan saya menyokong penuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dr. Syed Husin Ali.

■ 1650

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa hal yang kurang jelas pada saya. Pertama ialah adakah perbadanan ini hanya untuk stadium-stadium tertentu sahaja misalan Stadium Merdeka atau pun empat stadium lain yang disebutkan tadi seperti Stadium Bukit Jalil dan lain-lain atau adakah ia meliputi juga stadium-stadium di negeri-negeri dan daerah-daerah? Ini kerana perkara ini saya rasa kurang jelas. Jikalau ia meliputi negeri-negeri, ada persoalan yang mungkin menimbulkan kerumitan. Kerumitan itu ialah ada kemungkinannya dari segi undang-undang orang akan mengatakan bahawa stadium negeri itu adalah di bawah kuat kuasa tanah negeri. Oleh kerana soal tanah adalah soal pengawasan dan pengawalan negeri, bagaimanakah kedudukan hak untuk kita mengambil alih misalnya pengurusan stadium-stadium negeri tersebut? Jadi, perkara ini saya rasa perlu diperjelaskan.

Perkara yang kedua ialah saya sangat setuju tentang signifikan sejarah Stadium Merdeka dan memang saya menyokong penuh apa yang disebut oleh perbicaraan sebelum ini. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kemungkinannya ialah akhirnya Stadium Merdeka ini akan hilang juga. Ini ialah jikalau dilaksanakan Bangunan Warisan atau pun bangunan seratus tingkat lebih itu di kawasan tersebut. Sekiranya ini dilaksanakan dan ini akan diceritakan pada masa yang lain. Akibatnya ialah bahawa tempat yang bersejarah itu akhirnya akan berjaya juga dihapuskan.

Perkara ketiga ialah saya berpendapat dan di sini juga nampaknya berbicara sebelum saya tadi telah mendahului saya dalam perkara ini sebab saya pun memikirkan mahu menimbulkan soal ini jua iaitu lebih penting daripada kita mengadakan undang-undang perbadanan untuk memperuntukkan lebih banyak peruntukan kepada stadium ialah bagi kita untuk memperbaiki nilai sukan kita tadi. Seperti yang disebutkan tadi ialah dalam olahraga misalnya sama ada di Olimpik, di Asian Games atau di *Commonweal Games* prestasi kita adalah sangat lemah sekali. Dalam permainan yang kita telah *establish* walaupun baik sikit kali ini hoki yang *establish* hoki dan badminton itu pun ada tanda-tanda kemerosotan.

Berkaitan dengan ini, saya sangat kecewa misalnya kerana Kementerian Belia dan Sukan adalah kementerian yang paling kecil sekali mendapat peruntukan dari segi bajet. Peruntukannya tidak sampai pun setengah bilion dibandingkan dengan kementerian-kementerian lain. Sekiranya peruntukan begitu kecil, bagaimanakah harapan kita untuk meningkatkan lagi taraf sukan di negara ini? Jadi, oleh sebab itu kita harus menumpukan perhatian kita kepada ke jurusan *target* yang jelas iaitu *target* untuk menaikkan taraf dan dengan itu peruntukan yang lebih besar. Bukannya memikirkan bagaimana mahu belanja wang pada stadium-stadium yang terletak di seluruh negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-pertua ialah di sini di tekankan terutama sekali peranan menubuhkan Perbadanan Stadium Malaysia untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembangunan, pengendalian, pengurusan stadium, dan kompleks sukan. Apa yang ditegaskan di sini ialah perbelanjaan atau pun peruntukan.

Tentulah apabila ada peruntukan itu, ada juga kuasa atau kuat kuasa yang dipunyai oleh perbadanan atau pun oleh pemerintah sendiri terhadap stadium-stadium itu. Timbul soalan di sini sama ada kemungkinan bahawa hendak dikawal stadium-stadium ini kerana adi peringkat negeri terutama sekali stadium tersebut kadang-kadang digunakan untuk rapat-rapat umum, parti-parti pembangkang, dan itu sahajalah tempat misalnya mereka boleh mengadakan aktiviti dan kalau ini pun mahu diambil nanti, maka pastilah pihak pemerintah akan dapat mengawal segala-galanya.

Kemungkinan pengawalan ini berlaku jelas. Pertama ialah kerana perbadanan ini yang mengandungi sepuluh orang anggota adalah yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, lima orang daripada kementerian, dan lima orang daripada badan-badan sukan. Wakil daripada badan-badan sukan itu pun akan ditentukan oleh Menteri. Jadi dengan sendirinya perbadanan ini secara langsung di bawah pengawasan Yang Berhormat Menteri dan saya ingin mendapat jaminan bahawa dalam keadaan seperti ini bahawa tidak ada unsur politik yang boleh digunakan untuk mengawal dan mengatasi peranan lain yang boleh dimainkan oleh stadium terutama sekali oleh stadium negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim.

4.56 ptg

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Pertamanya saya menyokong penuh rang undang-undang ini untuk mengambil alih rang undang-undang yang sedia ada. Saya ada dua komen sahaja kerana kebanyakan daripada poin-poin yang saya mahu bangkitkan telah pun dibawa oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi.

Pertama ialah saya berharap dan mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa oleh sebab perbelanjaannya begitu banyak, saya harap Ahli-ahli Perbadanan yang akan dilantik ini adalah terdiri daripada orang-orang yang betul-betul tahu mengurus berhubung dengan stadium-stadium ini. Ini kerana perbelanjaan sebanyak RM200 juta setahun ini adalah banyak. Kalau kita lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi sepuluh atau sebelas stadium yang kebanyakannya kalau tidak masa sukan ialah menjadi *white elephant*. Oleh sebab itu, mereka-mereka yang akan dilantik ini mestilah mengetahui bagaimana *none sporting activities*, dengan izin, boleh diadakan semasa ianya tidak ada *sporting activities* seperti Stadium Merdeka sekarang ini konsert boleh dibuat. Akan tetapi kebanyakan daripada stadium-stadium kita ini saya lihat kebanyakannya tidak digunakan melainkan dengan *sporting activities* sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

4.58 ptg

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu minta Yang Berhormat Menteri bahawa pada 2 Jun 2009, hampir 60 peratus struktur bahagian bumbung pun telah sedia di Kula Terengganu, stadium itu telah runtuh selepas dirasmikan oleh Tuan Yang di-Pertuan Agong. Ini ialah satu projek yang di mana RM270 juta dibelanjakan dan akhirnya stadium itu tidak tahan lama dan jatuh pula. Inilah satu misalan di mana stadium yang dibina tetapi tidak boleh bertahan. Ini satu perkara.

Berkaitan dengan itu juga, hasil siasatan dan punca kejadian perlu didedahkan kepada umum kerana rakyat berhak mengetuai perkara yang sebenar. Ini kerana tidak mahu kejadian sama berulang. Tambahan pula, pembinaan stadium itu telah menelan belanja sebanyak RM270 juta dan hanya tahan selama setahun. Adakah sebarang siasatan dijalankan dan apakah keputusan rakyat mesti diberitahu?

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ada stadium-stadium di peringkat negeri, daerah dan stadium-stadium yang besar diwujudkan untuk upacara sukan yang besar. Selepas itu stadium itu tidak digunakan.

■ 1700

Juga seperti yang diberitahu oleh Ahli-ahli Dewan tadi, prestasi sukan olahraga dan bola sepak negara pun merosot. Kenapa stadium-stadium ini tidak diberikan untuk digunakan di peringkat negeri, di peringkat sekolah dan kita boleh memajukan sukan? Juga Tuan Yang di-Pertua, sukan di peringkat sekolah sangat merosot.

Dahulu dalam tahun 60-an, 70-an, sukan olahraga dan bola sepak di peringkat daerah dan sekolah adalah sangat hebat. Seluruh bandar akan turun melihat upacara ini – begitu hebat. Akan tetapi sekarang sekolah tidak ada lagi sukan. Sukan pun sangat kecil dan tidak penting dan ini mungkin satu sebab mengapa berlaku kemerosotan sukan di negara kita. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambahbaikkan sukan kita? Juga kepada Menteri, apakah rancangan untuk menggunakan lebih stadium-stadium? Apa yang saya nampak tadi ialah sukan-sukan tersebut dengan izin, *underutilize* dengan wang yang banyak tetapi *underutilize*. Apakah rancangan kerajaan untuk menambah gunakan kegunaan dan juga meningkatkan prestasi sukan khususnya olahraga dan bola sepak? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

#### 5.01 ptg.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mohon mencadangkan, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Pertama, tentang kedudukan stadium-stadium sebanyak empat buah yang telah diguna pakai sejak tahun 1999 sehingga tahun 2009, yang mana jumlah acara yang telah digunakan adalah sebanyak lebih kurang 43,000 yang telah mendatangkan hasil sebanyak RM299 juta, hampir RM300 juta, dan mengakibatkan perbelanjaan sebanyak RM283 juta. Ini menunjukkan dalam tempoh 11 tahun, ia hanya mendatangkan lebih atau surplus sebanyak RM16 juta yang mana tidak sampai RM1.2 juta setahun. Ertinya, dengan *capital investment* yang sebegitu besar, kalau dikumpulkan aset keempat-empat buah stadium ini, sudah tentu melebihi bilion ringgit dan lebihan – ataupun ROI kita sebenarnya tidak sampai RM 1.2 juta untuk setahun.

Ini sudah tentu satu jumlah yang amat kecil jika kita bandingkan dalam apa juga pelaburan sebegini besar. Akan tetapi kita juga ada *social responsibility* yang kita harus tekankan di sini, dan mungkin atas sebab itulah pulangan stadium ini amat rendah. Terutama apabila pihak Timbalan Menteri menyebut bahawa kemudahan-kemudahan ini telah diguna pakai sehingga 75 peratus untuk latihan. Ertinya, tidak banyak *event* yang digunakan di sepanjang sebelas tahun tadi. Dari itu, sebanyak hampir 30 peratus telah digunakan oleh pihak kerajaan. Ini menunjukkan bahawa kemudahan-kemudahan ini tadi tidak di *commercialize* ke tahap optimum yang mungkin, terutamanya kalau kita hendakkan pulangan yang lebih baik sudah tentu kita mesti menyasarkan kepada sektor-sektor korporat ataupun komersial yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bahawa di samping itu, berapa banyak kah lagi tunggakan yang mungkin dialami oleh pihak Perbadanan Stadium Merdeka? Saya yakin bahawa masih ada ataupun masih banyak lagi *receivable* yang masih, ataupun hutang-hutang yang masih tertunggak dan siapa-siapakah mereka?

Kalau kita lihat pada hari ini, kita selalu sebut stadium-stadium yang besar sebagai satu stadium bagi menempatkan ataupun memudahkan kemudahan-kemudahan sukan yang mana asasnya adalah padang bola sepak. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa hari ini kita mengadakan kemudahan asas yang sungguh besar, yang *gigantic*, tetapi kita tidak memberi ataupun menggambarkan prestasi sukan itu sebenarnya setakat hari ini.

Contoh yang paling baik adalah sudah tentu bola sepak. Dengan kemudahan-kemudahan stadium yang banyak terutamanya setelah kita mengadakan Sukan Komanwel pada tahun 1998, tetapi hari ini kita masih lagi di kedudukan ataupun FIFA ranking yang ke-149. Ini menunjukkan bahawa kemudahan yang disediakan oleh kerajaan tidak setimpal dengan prestasi sukan itu sendiri. Sudah tentu inilah masanya untuk kita mengkaji balik. Bukan saya hendak mencadangkan supaya kita tidak mengadakan kemudahan tetapi kita cuba mengkaji balik supaya kita dapat meningkatkan kemudahan kepada sukan-sukan yang boleh memberikan pulangan yang lebih baik. Sebagai contoh di Sukan Asia Guangzhou baru-baru ini, kita telah melihat bahawa ada beberapa jenis sukan terutamanya dalam *martial art*, sukan *combat* yang telah memberikan pulangan. Contohnya sukan wushu yang menyumbangkan satu emas, karate do dua emas.

Inilah sukan-sukan yang boleh bagi saya memberikan pulangan dan selalunya konsisten dalam memberikan pulangan pingat emas kepada negara.

Sudah sampai masa sukan-sukan ini diberikan kemudahan stadium khusus untuk mereka. Karate do misalnya, kenapa kita tidak mengadakan satu akademi? Di samping kemudahan-kemudahan stadium, kita buat akademi bagi terus melahirkan. Begitu juga acara-acara yang hampir melahirkan emas ataupun pingat emas. Umpamanya, kita ada potensi di dalam memanah. Kalau kita tengok memanah dan juga *bowling* – *bowling* hari ini kita ada di Mont Kiara. Jadi tidak apa, kita tumpukan kepada sukan-sukan yang lain.

Satu perkara lagi ialah berhubung dengan kemudahan-kemudahan ataupun kompleks-kompleks sukan kecil yang terdapat di merata-rata tempat di samping empat kompleks sukan yang telah sedia ada. Kita sering ditegur sebagai negara yang sering menyediakan *first class facility*, tetapi *maintenance* kita *third class*. Jadi saya berharap dengan adanya Perbadanan Stadium Malaysia ini, sedikit sebanyak boleh mengubah keadaan ini, yang mana kalau kita boleh fikirkan bahawa kalau PSM boleh cuba mengembangkan kepada semua kemudahan sukan ataupun stadium yang ditaja oleh kementerian, dibawa ke kendalian PSM kelak. Kalau di peringkat negeri, sudah tentu PBT, pihak-pihak negeri sendiri kebanyakannya ditadbir urus oleh PBT di kawasan ataupun di negeri-negeri tersebut, tetapi ada kalanya stadium-stadium atau kemudahan-kemudahan yang ditaja oleh kementerian, saya rasa elok ataupun lebih baik ditadbir urus oleh PSM ini sendiri.

Oleh sebab pengurusan stadium-stadium ataupun kemudahan-kemudahan ini melibatkan wang ringgit, saya mohon mencadangkan supaya setiap kompleks itu mempunyai KPI sendiri dan juga diibaratkan kompleks itu sebagai satu *profit centre* iaitu pentadbiran harus memikirkan bagaimana sesebuah stadium itu boleh wujud dengan *self funding* nya sendiri. Jadi dengan itu, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal.

**5.09 ptg.**

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk ikut serta dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Malaysia 2010 adalah sebagai satu pembentukan badan yang bertanggungjawab untuk membangun serta mengurus stadium kompleks sukan dan kemudahan sukan di negara ini.

■ 1710

Di bawah rang undang-undang ini juga saya melihat fungsi Perbadanan Stadium Malaysia antara selain adalah untuk mempromosikan stadium di peringkat kebangsaan, antarabangsa sebagai satu tempat serba guna bagi acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, komersial, hiburan dan acara lain. Yang penting menerusi rang undang-undang ini, kita mahukan setiap kemudahan prasarana sukan dapat digunakan sepenuhnya dan memenuhi agenda yang hendak dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu.

Cuma yang masalah sekarang ialah penggunaan stadium yang agak terhad yang mana sewanya agak tinggi. Hanya pihak-pihak tertentu sahaja yang boleh menggunakan stadium terutama stadium-stadium bertaraf nasional seperti di Bukit Jalil dan di stadium di negeri-negeri. Saya berpandangan stadium-stadium yang besar ini harus diguna pakai kepada semua pihak termasuklah sekolah-sekolah yang hendak menganjurkannya dan tidak kepada pihak-pihak tertentu sahaja.

Kalau boleh pengurusan-pengurusan dalam Perbadanan Stadium Malaysia yang akan dianggotai oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Menteri, Ketua Pegawai Eksekutif lima wakil daripada kerajaan, lima wakil yang mewakili organisasi sukan yang dilantik Menteri serta mereka yang mempunyai pengalaman dalam pembangunan dan pengurusan stadium kompleks sukan dan kemudahan sukan. Diharapkan tidak berat sebelah dan tidak hanya melihat pihak luar yang boleh melabur dalam pembangunan, pengendalian dan pengurusan stadium.



Kita berharap Perbadanan ini yang mempunyai kuasa untuk menjalankan aktiviti sebagaimana perlu juga melihat peranan stadium yang bukan setakat sukan semata-mata. Mesti ada kepelbagaian aktiviti termasuklah aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh parti politik. Seperkara lagi kita juga mahu melihat prasarana stadium di seluruh negara ditambah baik dan tidak lagi berlaku seperti mana insiden runtuh bumbung di stadium utama Kuala Terengganu.

Kita berharap pihak yang dilantik di bawah rang undang-undang ini kelak dapat melaksanakan tanggungjawab dan kerja secara profesional dan efisien. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Stadium Negara, Stadium Merdeka harus dikekalkan pada keadaan sekarang yang mempunyai sejarah tanah air. Dengan ini saya pohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat turut berahas. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 5.13 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pertamanya ingin mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan, saranan, teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada perbincangan rang undang-undang ini, cumanya saya ingin mulakan jawapan saya kepada perkara pokok iaitu ada tiga perkara mustahak yang perlu kita pertimbangkan di bawah rang undang-undang ini, iaitu pertama perlu saya ulangi kita mencadangkan agar nama Perbadanan Stadium Merdeka ditukar kepada Perbadanan Stadium Malaysia.

Ini kerana Stadium Merdeka dan Stadium Negara tidak berada di bawah Perbadanan Stadium Merdeka, walaupun namanya sama dan telah menimbulkan kekeliruan. Stadium Merdeka dan Stadium Negara berada di bawah PNB sejak kita menandatangani perjanjian pada tahun 1998, sebagai ganti untuk kita bina Stadium Nasional di Bukit Jalil dalam kita menganjurkan Sukan Komanwel.

Maknanya yang pertama, pertukaran ini kita harap dapat mengelakkan kekeliruan kerana masih lagi ramai, orang ramai yang ingin menggunakan Stadium Merdeka atau Stadium Negara datang berjumpa dengan Jawatankuasa Pentadbiran ataupun pengurusan Perbadanan Stadium Merdeka untuk membuat tempahan walaupun Kementerian Belia dan Sukan tidak lagi menyelia ataupun menjaga kedua-dua stadium tersebut.

Kedua, perlu saya nyatakan bahawa di bawah Kompleks Sukan Negara, di bawah Perbadanan Stadium Malaysia nanti ada hanya menjaga beberapa buah *venue* iaitu ada empat kompleks sukan dan saya akan bacakan di sini kompleks sukan tersebut dan kemudahan yang disediakan.

Pertama, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Kemudahan yang ada lima buah *venue* iaitu Stadium Nasional, Stadium Putra, Stadium Hoki Nasional, Pusat Akuatik Nasional dan Pusat Skuasy Nasional. Di Stadium Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil juga terdapat tiga kawasan rekreasi iaitu Taman Sukan Ekstrem Nasional, Bukit Komanwel dan pesisir Sungai Kuyoh.

Kompleks sukan kedua adalah Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara. Kemudahan di bawah Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara adalah dua buah *venue* iaitu Stadium Juara dan Pusat Boling Padang Nasional.

Ketiga, Kompleks Sukan Negara Panasonic. Kemudahan yang disediakan adalah infrastruktur seperti trek olahraga 400 meter, dua padang bola sepak, dua gelanggang tenis, tiga gelanggang sepak takraw, dua gelanggang bola jaring, satu gelanggang bola tampar, kolam renang bersaiz Olimpik yang dilengkapi dengan sistem pencahayaan di dasar kolam dan kolam renang kanak-kanak.

Kompleks Sukan Negara Jalan Duta, adalah kompleks yang keempat di bawah PSM iaitu menyediakan tiga buah *venue* iaitu Kompleks Tenis Jalan Duta, Stadium Hoki Tun Razak dan Pusat Skuasy Negara. Jadi ini adalah perkara kedua yang perlu kita terima dan kerana saya dapati ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan tentang sama ada PSM akan jaga semua stadium lain.

Suka saya nyatakan di sini bahawa Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) yang dicadangkan pertukaran kepada Perbadanan Stadium Malaysia akan menjaga hanya empat kompleks sukan negara yang saya nyatakan tadi.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Saya hendak tanya satu iaitu Stadium TPCA masih di bawah kementerian?

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Stadium TPCA ataupun dikenali sebenarnya dengan nama Stadium Raja Muda adalah di bawah Majlis Sukan Negara. Tidak terletak di bawah PSM, akan tetapi berada di bawah Majlis Sukan Negara yang mempunyai cadangan perancangan di masa akan datang. Ini kerana ia berada di satu kawasan yang cukup bernilai tinggi yang sepatutnya boleh kita manfaatkan Yang Berhormat.

Saya teruskan. Yang Berhormat Senator Mohd. Khalid bin Ahmad minta kementerian beri jaminan bahawa Stadium ini ataupun pindaan ini bukan hanya untuk mendapat keuntungan semata-mata, akan tetapi juga tidak melupakan hasrat kita membina kemudahan sukan. Saya ingin memberi jaminan bahawa memang hasrat kita untuk memastikan perbelanjaan kita itu dapat dilakukan dengan lebih baik kerana yang saya nyatakan di awal tadi, daripada tempahan sepanjang tempoh sebelas tahun sebenarnya 75 peratus hingga 80 peratus adalah penggunaan untuk latihan sukan.

Yang Berhormat Senator Mohd. Khalid juga meminta pengecualian kepada sekolah atau badan-badan sukan sebagai tanda tanggungjawab sosial. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kalau sekolah-sekolah hendak guna bayaran secara *lump sum* RM1,000 sahaja dikenakan akan tetapi percayalah takkanlah badan korporat yang berkemampuan kita hendak kenakan bayaran RM1,000. Badan-badan korporat yang ingin menggunakan kemudahan akan tertakluk kepada jadual yang tersedia. Sebagai contoh kalau Stadium Nasional Bukit Jalil satu-satu perlawanan seperti *insya-Allah* lagi dua hari Malaysia akan bertemu dengan Vietnam.

Biasanya tertakluk kepada kehadiran pengunjung, FAM akan terpaksa bayar sejumlah lebih kurang RM100,000 satu penggunaan. Akan tetapi kepada sekolah kita hanya mengenakan bayaran RM1,000 sebagai menjawab soalan Yang Berhormat Senator Mohd. Khalid tadi.

Mengenai sukan Malaysia. Saya faham Perlis ada membuat bidaan untuk menjadi tuan rumah dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sukan Malaysia akan dijalankan setiap tahun mulai tahun hadapan tidak lagi berselang seli. Cumanya satu tahun dianjurkan di luar Kuala Lumpur, satu tahun akan dianjurkan di Kuala Lumpur. Satu tahun dianjurkan di luar mungkin pilihan sukan itu bebas kepada negeri yang menganjur, akan tetapi bila di Kuala Lumpur tumpuan lebih kepada sukan Olimpik.

Maknanya sukan yang dipertandingkan di Olimpik. Untuk negeri Perlis kita percaya bahawa negeri Perlis akan menjadi tuan rumah Sukan Malaysia pada tahun 2014 selepas diselang-selikan di antara negeri Pahang dan Kuala Lumpur. Perlis akan jadi tuan rumah, namun begitu kita akan melihat kemudahan sukan yang akan dibuat di negeri Perlis bagi mereka berjaya menjadi tuan rumah dan mampu untuk melaksanakan penganjuran tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid bertanya tentang Stadium Merdeka, Stadium Negara, saya rasa Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga bertanyakan perkara yang sama.

#### ■ 1720

Suka saya nyatakan bahawa PSM tidak menjaga dan kedua-dua stadium tadi sebenarnya saya difahamkan berada di bawah Akta Warisan Kebangsaan dan Akta Benda Purba atas faktor-faktor sejarah. Oleh sebab itu, kerajaan akan menilai apa juga perkara yang hendak dibangunkan oleh PNB. Percayalah, sejak tahun 1998 telah pun dimiliki oleh PNB dan kedua-dua stadium tersebut terpelihara dan saya percaya perkara itu akan diambil kira oleh kerajaan. Malangnya, bukan Kementerian Belia dan Sukan yang bertanggungjawab buat masa ini. Akan tetapi saya berkongsi pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kedua-dua buah stadium itu mempunyai nostalgia yang cukup besar dan bermakna kepada sejarah negara kita.

Mengenai cadangan-cadangan bola sepak dan sukan-sukan yang baik, kita ada prasarana tetapi kita tidak ada atlet. Sebenarnya perkara ini juga menjadi kebimbangan kita. Saya terpaksa kupas semua Tuan Yang di-Pertua, sebab ia berbeza-beza. Ada yang menyatakan perlu tentang juga acara yang banyak. Ada yang mengatakan - terima kasih banyak, saya suka Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan bagi duit banyak sedikit kepada Kementerian Belia dan Sukan. Betul! Kementerian Belia dan Sukan ini paling sedikit.

Kalau kita hendak cakap mengenai bola sepak umpamanya, walaupun tidak menyentuh kepada akta sebagai untuk kita kongsi. Kalau kita kata kemudahan stadium menjadikan kita ada pasukan yang baik dalam *Suzuki Cup* di Filipina tidak ada stadium yang layak untuk bermain pun. Pasukan Filipina terpaksa bermain separuh akhir dua kali di Indonesia. Ini kerana stadium di Filipina tidak ada satu pun yang diiktiraf sebagai baik tetapi pasukan mereka baik. Apabila kita kaji, bukan sebab *facility* tetapi sebab program pembangunan menghantar pemain secara *attachment* dengan pasukan-pasukan luar telah menyebabkan Filipina mempunyai satu pasukan yang kuat, yang mengejutkan semua negara yang bertanding di *Suzuki Cup*.

Namun begitu, saya tidak menafikan bahawa penting untuk kita ada prasarana. Justeru itu, saya ingin berkongsi tentang perkara-perkara mengenai stadium ini di mana perbelanjaan kita sedikit agak besar. Seluruh rakyat merasakan Stadium Nasional Bukit Jalil sebagai contoh, merupakan satu stadium yang baru. Suka saya nyatakan bahawa stadium ini walaupun kita gunakan pada tahun 1998, pembinaannya bermula tiga tahun atau empat tahun sebelum itu. Teknologi yang dibuat di stadium tersebut adalah teknologi yang cukup lama dan cukup uzur. Akan tetapi oleh kerana kerajaan menjaga, menyelia, menyelenggarakan dengan baik, hari ini semua merasakan bahawa stadium itu masih baru. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, Stadium Nasional Bukit Jalil dari segi kontrak ataupun teknik di kolam renang umpamanya, semuanya sudah lupus dari segi *warranty*. Akan tetapi, kita akan tetap menaik taraf.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya tidak menyatakan RM299 juta itu setahun. RM299 juta itu Yang Berhormat, adalah untuk tempoh masa daripada tahun 1999 hingga tahun 2009. Akan tetapi saya setuju, untuk pelaburan yang begitu banyak kita dapat hanya lebih kurang dua juta setahun di kawasan yang begitu tinggi nilainya - memang tidak berbaloi. Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita membelanjakan RM1 juta duit kerajaan, yang kita lulus dalam buku belanjawan bajet sebanyak RM30 juta kepada PSM adalah untuk membiayai penyelenggaraan satu bulan RM1 juta. Ini di mana hasil yang diperoleh itu tidak pun sampai RM0.5 juta sebulan. Kalaulah akta nanti ini nanti dapat sokongan dan diluluskan, saya percaya kita boleh buat bagaimana dibuat di tempat lain. Etihad dengan stadium di Melbourne, Emirates dengan stadium di Arsenal, Real Madrid sebuah pasukan yang besar tidak memiliki stadium secara sendiri. Ia beri kepada orang lain untuk jaga, tetapi ia bayar apabila ia hendak main kerana itu lebih murah.

Kita hendak buat perkara yang sama. Akta yang ada tidak mengizinkan perbadanan untuk memberikan contoh yang paling mudah - *naming rights* untuk mana-mana syarikat hendak menaja atau meletakkan nama syarikatnya yang besar. Mungkin Yang Berhormat Rizuan hendak letak Rizuan & Company - RM1 juta sebulan pun kita boleh buat kalau kita pinda. Dengan kerjasama sebegini, maka sudah tentu perbelanjaan kita dapat dijimatkan dan duit ini juga kita akan alirkan kepada pembangunan atlet. Ini antara perkara yang kita harap mendapat sokongan supaya pindaan ini nanti dalam kategori yang ketiga, selain daripada nama kemudahan yang saya nyatakan tadi.

Ketiga, adalah untuk bagaimana stadium ini dapat menjana hasil dengan lebih baik apabila dibina kemudahan-kemudahan, *joint venture*, kerjasama dengan syarikat-syarikat atau yang paling mudah *naming rights* kepada stadium atau kompleks sukan yang ada untuk kita mengurangkan apa juga perbelanjaan kerajaan dari segi penyelenggaraan, pengurangan, penjimatan adalah pendapatan kepada PSM untuk kita jayakan perkara-perkara lain seperti yang dihasratkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai skuad pelapis, saya rasa adalah juga menjadi pertimbangan kita. Saya boleh beritahu bahawa kita ada beberapa. Program Jaya 1998 dari tahun 1993 hingga tahun 1998, kerajaan menumpukan kepada 19 jenis sukan melibatkan 3,042 orang atlet dengan belanja sebanyak RM159.5 juta. Kemudian kita sambung dengan Gemilang 2001 dari tahun 1999 hingga tahun 2001, dengan perbelanjaan sebanyak RM107 juta. Kemudian kita ada Gemilang 2006 bagi tempoh tahun 2002 hingga tahun 2006, dengan 26 jenis sukan seramai 526 orang atlet dengan perbelanjaan sebanyak 182.6 juta. Projek Khas Asia Com 2006 bagi tempoh tahun 2005 hingga tahun 2006, dengan 17 jenis sukan dengan 143 orang atlet RM18.5 juta. Cabaran Tahun 2010 untuk tahun 2007 dan tahun 2010, dengan 26 jenis sukan melibatkan 606 orang atlet dengan perbelanjaan sebanyak RM197 juta. *Road to London* dari tahun 2008 hingga tahun 2012, dengan empat jenis sukan dan 21 orang atlet dengan perbelanjaan sebanyak RM16.6 juta.

Ini sebagai contoh perkara yang juga dibangkitkan oleh Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah, tentang betapa pentingnya. Cumanya saya menyatakan ini sebagai rekod walaupun tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang secara khusus tetapi tidak guna kita belanja besar, tidak guna kita sediakan peruntukan kalau kita tidak menyediakan program pembangunan. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri ada menyarankan bahawa setiap kali kita melabur untuk membina prasarana, kita perlu ada mengambil kira pelaburan untuk program supaya tidak timbul tentang isu 'gajah putih'. Kalau kita tidak ada duit untuk membuat program pembangunan, kita tidak boleh hanya melabur untuk membuat prasarana. Ini antara perkara yang saya rasa kita dapat dalam proses perbahasa di peringkat Dewan ini, pelbagai cadangan yang diberi dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kita sentiasa mengambil kira pandangan dan saranan tersebut.

Mengenai perkara khusus, saya perlu nyatakan kembali Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyatakan bahawa sama ada PSM akan jaga kemudahan di negeri-negeri. Saya rasa ada jawapan di situ, ketika menyatakan tadi pun akan timbul masalah sebenarnya kita tidak jaga. PSM hanya jaga kompleks yang saya nyatakan tadi. Negeri ada kuasa penuh kepada stadium masing-masing. Sebahagian daripada stadium berada di bawah PBT. Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya hanya melihat prasarana yang saya nyatakan tadi, kecuali ada sebahagian di bawah Majlis Sukan Negara seperti Stadium Raja Muda dan stadium di Keramat, begitu juga stadium di Kompleks Sukan Pagoh.

Mengenai kuasa yang diberikan kononnya untuk jangan digunakan untuk menghentikan rapat umum ataupun demonstrasi. Yang Berhormat, saya hendak beritahu kuasa untuk bagi atau menghalang adalah polis. Kalau ada orang hendak buat demonstrasi ataupun hendak menggunakan Stadium Nasional Bukit Jalil, jangan cerita stadium di negeri-negeri yang boleh diberi. Di Stadium Nasional Bukit Jalil pun tidak ada kuasa kita untuk menghalang orang hendak buat demonstrasi. Kita hanya melihat kepada tempahan. Apabila tempahan diberi, kita akan bagi guna tempat. Akan tetapi, orang yang hendak buat mesti dapat kebenaran daripada..., kalau hendak buat konsert yang baju pakai bukan stadium tentukan. Panjang, pendek, jarang ataupun tidak tetapi ditentukan oleh undang-undang lain.

Kalau ia hendak buat rusuhan pun bukan kita tentukan. Kita hanya tuan punya tanah atau tuan punya rumah atau tuan punya kemudahan. Yang menghalang dari segi mengadakan demonstrasi, rapat umum atau konsert-konsert yang menjolok mata - bukan kuasa diberikan kepada PSM. Oleh sebab itu, saya hendak beri jaminan bahawa kita tidak akan menggunakan pertimbangan politik dan membuat keputusan kerana percayalah, orang sukan tidak pernah fikir mengenai politik. Ini kerana ia lebih besar daripada itu dalam kita mewakili satu-satu negara.

#### ■ 1730

Banyak contoh yang rasa, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali tahu, banyak contoh-contoh sukan tidak ada kena-mengena dengan politik yang berlaku bukan sahaja dalam negara tetapi di peringkat antarabangsa.

Mengenai Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim menyatakan bahawa orang yang dilantik ini mesti tahu tentang urusan, saya setuju.

Mungkin ada lagi ahli lembaga yang belum tamat tempoh tetapi saranan ini saya ingat mustahak untuk kita jayakan hasrat pindaan rang undang-undang ini. Jikalau tidak kuasa yang diberi untuk meminjam, melabur, mengadakan perkongsian pelaburan tidak akan tercapai, jika orang yang dilantik ini tidak dapat memenuhi kriteria ataupun menepati apa yang kita hasratkan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh sebab itu saya menyokong penuh, saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengambil kira mereka yang dilantik ini perlulah memahami terlebih dahulu aspirasi pindaan yang hendak kita laksanakan. Cuma saya ingin ulangi bahawa akta ini bukan akta baru, akta ini hanya meneruskan apa yang sedia ada dan membawanya ke hadapan dengan nama Perbadanan Stadium Malaysia.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan bertanyakan tentang stadium runtuh. Kita amat kesal dengan apa yang berlaku kerana ia telah menjejaskan apa juga program pembangunan atau sekurang-kurangnya penggunaan stadium tersebut di Terengganu kepada masyarakat sekitar. Cuma masalahnya seperti yang saya nyatakan berulang kali, stadium itu tidak berada di bawah PSM. Stadium tersebut berada di bawah kerajaan Negeri Terengganu dan pihak JKR telah pun menjalankan siasatan. Saya setuju apa juga keputusan, keputusan tersebut mesti dimaklumkan kepada Dewan ini atau kepada rakyat. Cumanya saya tidak berada dalam kedudukan untuk berkongsi maklumat tersebut kerana stadium itu tidak berada di bawah pengendalian kami di Kementerian Belia dan Sukan. Apa yang saya tidak jawab lagi ini?

Saya rasa itu antara perkara yang dibangkitkan tadi, saya harap jawapan yang diberikan itu dapat menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan. Kalau pun saya tidak jawab secara terus, saya rasa saya tetap menyentuh di peringkat awal kerana perkara itu lebih kurang sama seperti Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal beritahu berkenaan sewa yang tinggi.

Saya hendak beritahu kalau betul-betul ada tempat di mana yang tinggi kerana Stadium Putra antara stadium yang paling tinggi penggunaan, jangan kata tahun ini, ini bulan 12. Tahun hadapan pun sudah penuh dan ia tidak buat untuk sukan kecuali tenis baru ini, majlis kahwin ada situ, majlis anugerah ada situ, tidak semestinya berasaskan sukan dan kalau katakan perkara itu tidak – terlalu mahal saya rasa sudah tentu stadium itu kosong. Akan tetapi percayalah orang yang berebut-rebut memohon sampai terpaksa kita tolak.

Cumanya hanya Stadium Putra tetapi stadium-stadium lain bukanlah stadium tertutup sebegitu rupa tetapi stadium macam stadium renang tidaklah digunakan oleh sekolah untuk pertandingan kerana mungkin terlalu besar. Stadium Nasional Bukit Jalil kalau ada orang yang mampu pun bayar RM1,000 sekolah tetapi hendak penuhkan stadium yang boleh diisi 120,000 itu, akhirnya tidak ada orang hendak guna pun. Oleh sebab itu hanya perlawanan akhir Pesta bola ataupun Piala Malaysia yang dapat menampung atau berani menggunakan stadium tersebut. Akan tetapi saya percayalah kalau tinggi sebenarnya jauh lebih rendah, saya balik daripada Korea hari itu saya tanya macam mana dia kendalikan lapan stadium *World Cup*.

Kita baru ada satu, dia ada lapan. Rupanya lepas habis *World Cup* dia pun pakai duit rakyat untuk bina, kerajaan bina tetapi lepas bina dia bagi setiap satu kepada syarikat-syarikat yang ada, Samsung satu, LG satu dan kalau hendak guna bayarlah USD100,000 satu hari. Tidak ada langsung pun *social obligation* sebab itu stadium dia boleh jaga, kita ini walaupun saya sebut tadi RM100,000 bila hendak bayar nanti minta juga diskaun dan kita pun bagi. Akhirnya kerajaanlah yang membiayai.

Jadi ini antara contoh *and situation*, kita hendak yang mana? Kita hendak stadium dikendalikan secara betul ikut buku ataupun kita ada tanggungjawab sosial, saya rasa saya serahkan kepada Yang Berhormat. Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan ingin mencadangkan dan memohon untuk mengadakan beberapa pindaan kepada rang undang-undang seperti yang dinyatakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 49** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2010**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya di bacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila huraikan.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini pihak kerajaan tidak dapat mengawal sebarang kenaikan harga terlalu tinggi yang dibuat oleh peniaga bertujuan untuk mengaut keuntungan secara berlebihan, ini telah membebankan pengguna. Pengguna mengharapkan agar kerajaan mengawal setiap kenaikan harga yang berlaku.

Walaupun sebelum ini telah wujud Akta Kawalan Harga 1946 tetapi terdapat *limitation* di dalam akta ini di mana kerajaan perlu menumpukan harga maksimum bagi sesuatu barangan tersebut melalui perintah yang diwartakan. Memandangkan terdapat pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan dalam pasaran adalah mustahil dan tidak praktikal bagi kerajaan untuk mewartakan barang-barang yang harganya meningkat dengan mendadak dalam pasaran.

Pada tahun 2009, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menerima sebanyak 2,885 aduan daripada pengguna yang berkaitan dengan harga barangan atau perkhidmatan dan pada tahun ini sahaja sehingga 9 Disember 2010, sebanyak 2,672 aduan telah direkodkan.

■ **1740**

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu akta baru untuk menangani isu kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Kesembilan menekankan kepentingan pembangunan negara selari dengan sektor ekonomi yang mampan daripada segi inflasi yang rendah bertujuan meningkatkan kualiti hidup penduduk di Malaysia.

Bab II RMKe-9, Kestabilan Ekonomi Mikro untuk Pertumbuhan menggariskan pertumbuhan yang sering dan kestabilan harga adalah penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dalam tempoh rancangan, usaha akan terus diambil bagi mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil. Langkah anti inflasi lain termasuk memantau pergerakan harga, mengelakkan peningkatan harga yang melampau dan mencegah amalan jualan yang tidak sihat.

Salah satu langkah yang telah digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tersebut ialah menangani kenaikan harga barangan secara tidak munasabah. Kerajaan prihatin dengan masalah kenaikan harga barangan secara mendadak dalam keadaan-keadaan tertentu dan tidak beretika oleh sesetengah peniaga yang ingin mengaut keuntungan yang berlebihan. Peningkatan kadar inflasi di Malaysia pada ketika ini adalah lebih kepada barangan makanan keperluan harian dan ini menguatkan lagi kepentingan pelaksanaan kaedah atau instrumen yang boleh membantu melindungi kepentingan pengguna di Malaysia. Di samping mengkaji peruntukan mengenai pencatutan, KPDNKK juga mengkaji semula Akta Kawalan Harga 1946. Ia juga selari dengan keputusan Jemaah Menteri di dalam mesyuaratnya pada 3 Mac 2010 supaya mengkaji semua akta lama untuk memastikan kesesuaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian juga telah meneliti dan menjalankan kajian terhadap perundangan berhubung dengan antipencatutan yang diamalkan di negara-negara lain. Hasilnya didapati negara seperti Australia mempunyai peruntukan di bawah *Trade Practices Act 1974*, dengan izin yang melarang perniagaan mengenakan harga yang tidak munasabah, eksploitasi harga. Walau bagaimanapun kerajaan Australia hanya menggunakan mekanisme ini ke atas barangan akibat perubahan dalam sistem pencukaian dan memberikan kuasa kepada *Australian Competition and Consumer Commission (ACCC)* untuk memantau harga bagi tempoh masa tertentu sebelum dan selepas pelaksanaan sistem percukaian baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju agar Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan diwujudkan bagi mengatasi isu-isu pencatutan dan kerajaan boleh menetapkan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Terdapat beberapa pembaharuan mengenai kawalan harga dan peruntukan berhubung dengan larangan pencatutan yang diwujudkan. Izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang iaitu:

- (i) Peruntukan-peruntukan baru diwujudkan untuk menangani isu pencatutan;
- (ii) penambahbaikan berkaitan kawalan harga; dan
- (iii) peruntukan-peruntukan yang dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan baru yang diwujudkan bagi menangani isu pencatutan. Bahagian IV antipencatutan sebelum ini penguatkuasaan antipencatutan ini dilaksanakan melalui kawalan harga mengenakan kaedah penetapan harga maksimum yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 seperti yang dilakukan terhadap harga topeng muka. Sungguhpun demikian, terdapat limitasi di dalam kaedah ini kerana setiap barang dan harga maksimumnya perlu diwartakan terlebih dahulu sebelum kawalan harga dapat dikuatkuasakan.

Bagi menangani isu pencatutan dalam semua keadaan, satu kaedah yang lebih komprehensif perlu diwujudkan di bawah fasal 15(1), kerajaan boleh menetapkan mekanisme untuk mengenal pasti keuntungan tinggi yang tidak munasabah dan boleh menetapkan mekanisme yang berbeza untuk situasi yang berbeza. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pencatutan didefinisikan sebagai satu tindakan pengambilan keuntungan tinggi pada kadar yang tidak munasabah oleh peniaga.

Rang undang-undang ini memperuntukkan kuasa menteri untuk menetapkan mekanisme bagi menentukan kewujudan pencatutan di dalam kaedah (*rules*) yang akan diwartakan di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 15(2) menyatakan perkara-perkara yang akan diambil kira dalam menetapkan mekanisme tersebut seperti mana berikut:

- (i) Apa-apa cukai yang dikenakan;
- (ii) kos pembekal;
- (iii) keadaan penawaran dan permintaan;
- (iv) situasi dan keadaan geografi atau pasaran produk; dan
- (v) perkara-perkara lain yang mempengaruhi harga barang dan caj perkhidmatan.

Dalam hal ini KPDNKK akan menetapkan mekanisme bagi menentukan kewujudan pencatutan bagi diguna pakai dalam semua keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahagian yang ketujuh – Majlis Penasihat Harga (PAC), di bawah fasal 41 Yang Berhormat Menteri boleh menubuhkan satu Majlis Penasihat Harga (PAC) dan melantik ahli-ahli yang terdiri daripada wakil-wakil organisasi perniagaan kerajaan dan lain-lain organisasi untuk menasihati beliau bagi perkara-perkara berikut:

- (i) Isu-isu berkaitan dengan pencatutan; dan
- (ii) perkara-perkara lain berkaitan harga barang dan caj perkhidmatan.

Tujuan PAC tersebut diwujudkan adalah bagi mendapat pandangan bagi isu-isu yang berkaitan seperti yang dinyatakan sebentar tadi. Hasil mesyuarat tersebut akan dijadikan sebagai input bagi KPDNKK dalam menyelesaikan isu-isu terbabit.

Keanggotaan Majlis – Fasal 42 rang undang-undang ini menggariskan keanggotaan PAC seperti berikut:

- (i) KSU kementerian atau wakilnya sebagai Pengerusi Majlis;
- (ii) empat orang ahli mewakili kerajaan; dan
- (iii) tidak lebih daripada enam orang ahli lain yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam bidang perniagaan industri, perdagangan, perundangan, ekonomi, pentadbiran awam, perdagangan adil persaingan, perlindungan, pengguna dan apa-apa kelayakan yang dirasakan bersesuaian oleh Yang Berhormat Menteri.

Keahlian Majlis bagi Ahli di para dua dan para tiga akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dalam tempoh tidak melebihi dua tahun dan boleh dilantik semula setelah tempoh pelantikan tamat. Yang Berhormat Menteri juga boleh melantik mana-mana ahli sebagai Timbalan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, penambahbaikan berkaitan dengan pengawalan harga – Perubahan Peruntukan. Sebelum ini di bawah peruntukan Akta Kawalan Harga 1946 KPDNKK hanya boleh menetapkan harga maksimum sesuatu barang dan ia menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang menjual barang harga terkawal pada harga melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan. Perubahan utama yang dibuat di dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 4 rang undang-undang ini memperuntukkan mengenai peluasan kuasa, pengawal harga untuk menetapkan bukan sahaja harga maksimum malah termasuk harga minimum dan harga tetap bagi barangan.



Bagi harga barang, penetapan harga ini boleh dibuat di semua peringkat pengedaran iaitu pengilang, pengeluar, pemborong dan peruncit. Penetapan ini boleh merangkumi caj perkhidmatan berkaitan pembekalan, penghantaran, pembaikan dan penyelenggaraan pembungkusan, pengangkutan dan penyimpanan;

- (ii) Fasal 5 memperuntukkan kuasa pengawal harga untuk menetapkan caj bagi sesuatu perkhidmatan. Memandangkan penawaran perkhidmatan juga berkembang secara dinamik, ia juga terdedah kepada kenaikan harga yang tidak munasabah, maka penambahan ini dibuat bagi membolehkan KPDNKK mengambil tindakan ke atas peniaga yang melakukan pencatutan dengan menetapkan atau menawarkan caj perkhidmatan pada paras yang tidak munasabah. Seksyen ini turut memperuntukkan kuasa pengawal harga untuk menetapkan caj maksimum, minimum atau caj tetap.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 11 menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang menjual atau membekal barang harga terkawal atau perkhidmatan caj terkawal pada harga selain harga yang telah ditetapkan di bawah fasal 4 dan fasal 5.

Penalti – bagi pelanggaran peruntukan Bahagian III – Kesalahan Menjual Barangan atau Perkhidmatan Selain Harga atau Caj Ditetapkan dan Bahagian IV - Kesalahan Melakukan Pencatutan adalah:

- (i) Bagi individu adalah tidak melebihi RM100,000 atau tidak melebihi tiga tahun penjara atau kedua-duanya dan kesalahan kali kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM250,000 atau tidak melebihi lima tahun penjara atau kedua-duanya;

■ 1750

- (ii) bagi pertubuhan perbadanan, denda adalah tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM1 juta. Penalti bagi pelanggaran peruntukan di bawah apa-apa perintah yang di buat di bawah Fasal 10 boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000. Fasal tersebut memperuntukkan kuasa kepada kerajaan untuk membuat perintah melalui warta yang ditetapkan apa-apa tanda atau maklumat berkaitan dengan harga barang atau caj perkhidmatan yang dibekalkan dan ia termasuk bentuk dan cara penandaan dibuat.

Penalti am turut dipinda di mana;

- (i) Bagi individu adalah tidak melebihi RM50,000 atau tidak melebihi dua tahun penjara atau kedua-duanya dan kesalahan kali kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM100,000 atau tidak melebihi lima tahun penjara atau kedua-duanya; dan
- (ii) bagi pertubuhan perbadanan, denda adalah tidak melebihi RM100,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM250,000.

Penalti am tersebut dipinda kerana penalti sebelum ini di bawah Akta Kawalan Harga 1946 iaitu tidak melebihi RM15,000 bagi individu dan tidak melebihi RM25,000 bagi pertubuhan perbadanan adalah terlalu rendah bagi peniaga yang melakukan kesalahan penipuan melibatkan harga barang terkawal. Penalti yang lebih tinggi juga perlu sebagai satu tindakan pencegahan dari kesalahan melibatkan barang harga terkawal atau penandaan harga berleluasa dan bertujuan menunjukkan kerajaan tegas dalam memastikan peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan yang dimansuhkan. Beberapa peruntukan di dalam Akta Kawalan Harga 1946 dimansuhkan disebabkan tidak lagi relevan dan bersesuaian. Peruntukan-peruntukan yang telah dimansuhkan adalah seperti berikut:

- (i) Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pelesenan. Seksyen 6, 7, 8 dan 27 berkaitan dengan kuasa pengawal harga untuk mengeluarkan lesen, keperluan untuk memohon lesen oleh penjual, kesalahan menjual barang harga terkawal tanpa lesen, kesalahan tidak mempamerkan lesen dan peruntukan berkaitan pembatalan lesen dimansuhkan. Lesen yang dimansuhkan di sini adalah lesen bagi menjual barang-barang yang diwartakan sebagai barang harga terkawal semasa musim perayaan. Peruntukan berkaitan perlesenan ini dimansuhkan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan memudahkan peniaga.
- (ii) peruntukan seksyen 12 berkaitan dengan pemindahan barang harga terkawal dari premis dan penstoran barang harga terkawal dalam premis selain premis perniagaan berlesen. Peruntukan ini dimansuhkan memandangkan ia lebih menjurus kepada kawalan dari aspek bekalan barang harga terkawal dan skop ini telah diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- (iii) peruntukan seksyen 3(a) Kuasa Menteri untuk menubuhkan Majlis Penasihat Harga bagi perlindungan pengguna. Peruntukan ini digantikan dengan kuasa Menteri untuk menubuhkan PAC bagi menasihati beliau dalam perkara-perkara seperti yang dinyatakan di Fasal 41.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, penggubalan undang-undang ini di Malaysia adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat tidak dibebani dengan harga barang atau perkhidmatan yang melambung tinggi. Pindaan yang dibuat ke atas Akta Kawalan Harga 1946 dengan memasukkan peruntukan anti pencatutan juga adalah selaras dengan keperluan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang akan menaikkan harga sewenang-wenangnya. Ini juga dapat membantu kerajaan untuk meyakinkan rakyat bahawa kerajaan mampu menangani isu kenaikan harga yang melampau. Akta Kawalan Harga 1946 akan dimansuhkan selepas rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen. Rang undang-undang ini tidak sama sekali bertujuan untuk menyekat peniaga daripada membuat keuntungan tetapi bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang atau perkhidmatan pada paras yang tidak munasabah dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D’Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat, boleh sesiapa yang hendak bercakap tolong bangun, senang saya hendak buat catatan... [*Beberapa ahli bangun*] Enam orang, okey. Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Akbar.

**5.56 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan peluang ini. Yang Berhormat Menteri, pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan di atas inisiatif kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini. Mengawal kenaikan harga yang tidak berpatutan adalah suatu yang patut dilaksanakan oleh kerajaan dengan sokongan rakyat.

Namun, kenaikan harga adalah juga penting kerana dalam mana-mana ekonomi dengan izin, *we do need a certain dosage or inflation*. Kita tidak mahu *hyper* inflasi dan kita juga tidak mahu stagflasi. Akan tetapi, *reasonable rate of increase inflation is healthy for economy*, dengan izin. Dengan itu, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di masa dahulu ada kempen 'Zero Inflasi', pada khidmat saya dari segi sudut ekonomi, tidaklah begitu sesuai. Ini kerana zero inflasi atau inflasi sifar tidak begitu sihat bagi ekonomi. Jadi kita harap di masa hadapan, kempen seperti ini kita perlu berhati-hati.

Namun, apa yang diperkenalkan pada hari ini adalah satu yang baik. Jadi, saya cukup setuju seperti mana yang dihuraikan tadi, bahawa dari segi akta atau dari segi rang undang-undang tujuannya ialah untuk mengawal kenaikan harga yang berleluasa atau tidak berpatutan. Ini selaras dengan usaha kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu memperkenalkan MBE yang disokong oleh NKEA yang bertujuan untuk meningkatkan GNI per kapita supaya mencapai tahap negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 lebih kurang USD15,000 dan pada masa ini lebih kurang USD7,000 akan menjadi sia-sia kalau ia disertai dengan kenaikan inflasi yang kurang munasabah.

Ini kerana akhirnya bukan pendapatan yang tinggi itu sahaja penting, tetapi yang penting sebenarnya bukanlah nominal *income* tetapi ialah dengan izin, *real income*. Jadi, kedudukan *real income* itu antara lain ditentukan oleh kadar inflasi atau tahap kadar inflasi. Jadi, kalau tahap kadar inflasi yang rendah dan sihat disertai dengan kenaikan pendapatan yang tinggi, ini cukup baik bagi negara.

Kedua, *observation* saya, dengan izin. Saya difahamkan kajian yang mendalam telah pun dilaksanakan sebelum rang undang-undang ini digubal. Saya difahamkan kajian telah dibuat untuk mengetahui apa yang berlaku di Australia, di China, Singapura dan juga di Amerika Syarikat. Jadi, usaha itu adalah usaha yang baik. Ini kerana dengan itu kita boleh mempelajari bukan sahaja kekuatan akta seperti ini tetapi juga kelemahan. Kelemahan itu harus dijadikan teladan kerana dengan izin, *in life, there are no mistakes, only lessons but if we fail to learn from the lessons, then it is a mistakes*, dengan izin.

#### ■ 1800

Satu lagi pengamatan saya pengenalan rang undang-undang ini adalah satu *prelude* dengan izin kepada pengenalan GST kerana besar kemungkinan pengenalan GST ini akan merangsang pihak peniaga untuk mengambil kesempatan menaikkan harga yang tidak berpatutan.

Jadi pengenalan rang undang-undang ini terlebih dahulu sebelum GST diperkenalkan adalah sesuai dengan perumpamaan Melayu, "*Kita duduk dahulu sebelum belunjur*" sedangkan biasa berlaku berlunjur dahulu sebelum duduk. Jadi usaha ini adalah sistematik dan dari segi pengenalannya adalah logikal.

Pengenalan GST ini cukup penting kerana kerajaan perlu memperluaskan *base* nya untuk menambah hasil negara kerana pada masa ini hasil negara pada tahun 2010 dianggarkan RM76 bilion dan pada tahun depan dianggarkan diunjurkan sebanyak RM 84 bilion, meningkat hanya RM8 bilion. Nasib baik esok kita akan bentangkan di mana saya difahamkan atas sikap *prudent* kerajaan bahawa peruntukan pada tahun depan masih ada lagi lebih sebanyak RM3 bilion dan ini memberikan kedudukan *current account* dalam kedudukan yang surplus.

Ini satu usaha mentadbirkan wang negara secara berhemah. Lebih sebanyak tiga bilion itu walaupun ada *soufflés* dari segi *current account* tetapi tidak cukup untuk menampung perbelanjaan pembangunan. Maka tentulah perlu ada usaha untuk melebarkan dan memperluaskan *base* cukai kerajaan untuk meningkatkan hasil kerajaan. GST ini adalah salah satu *vehicle* untuk berusaha ke arah itu.

Dengan adanya GST maka pungutan hasil pada masa ini melalui *sales taxes* cukai jualan dan cukai perkhidmatan dapat ditingkatkan kerana pada masa ini sumbangan kedua-dua cukai tersebut hanyalah sekitar 8 peratus sahaja. Dengan adanya GST saya difahamkan pendapatan atau hasil kerajaan boleh ditingkatkan. Namun demikian peningkatan itu akan jadi sia-sia kalau inflasi mengila-gila.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa bukan sahaja GST memberi ruang dan potensi untuk kenaikan harga, tetapi juga kenaikan gaji sektor awam setiap kali diumumkan harga barang akan naik. Malah kenaikan gaji belum dapat pun harga barang sudah naik berdasarkan berita pengumuman tadi. Begitu juga apabila komoditi tertentu seperti gula, tepung dan petrol serta diesel bila berlaku kenaikan maka kenaikan dalam sektor-sektor lain juga turut naik harganya. Jadi dengan adanya rang undang-undang ini nanti ia dapat dikawal dengan lebih berkesan lagi.

Seterusnya berdasarkan faedah itu saya ingin menjuruskan kepada akta yang sebenar dan saya ingin menarik kepada fasal empat hingga sepuluh bahagian dua rang undang-undang ini di mana kuasa untuk menentukan harga diberikan kepada pengawal untuk menentukannya. Ini adalah satu mekanisme yang baik untuk mengawal inflasi sebagaimana yang saya katakan awal tadi.

Namun saya harap ia dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana kita tidak mahu berlaku ulangan sejarah pada tahun 2008 di mana inflasi kita agak tinggi berbanding beberapa tahun sebelumnya. Bagi Malaysia sekiranya inflasi melebihi 5 peratus ini sudah cukup membimbangkan kita dan boleh menyebabkan mengundang tsunami politik seperti mana yang kita lihat pada keputusan pilihan raya bulan Mac tahun 2008. Kita tidak mahu apa yang berlaku di Venezuela, Mexico dan Israel dan 'selisih malaikat 44', janganlah apa yang berlaku di Zimbabwe berlaku pada kita dari segi inflasi yang tidak dapat dikawal. Jadi usaha ini sekali lagi saya tekankan adalah satu usaha yang baik di pihak kerajaan.

Berkait dengan fasal empat hingga sepuluh tadi, saya ingin menarik perhatian kepada fasal 10(2) di bawah bahagian dua yang sama di mana penalti tidak melebihi RM100 ribu dikenakan di atas kesalahan tertentu. Saya mengharapkan fasal 10(2) ini diperjelaskan dan diperincikan bagaimana penalti ini hendak dilaksanakan sama ada ke atas individu atau perbadanan atau ke atas syarikat kerana ia tidak dijelaskan sebagaimana yang terdapat dalam perkara atau fasal 18.

Fasal 18 bahagian 3 dan 4 cukup jelas menentukan kesalahan-kesalahannya dan fasal 18 itu hanya meliputi kesalahan di bawah fasal 3 dan 4. Ini bermakna fasal 18 tidak menyentuh dan menghubungkaitkan dengan perkara-perkara di bawah fasal 2. Jadi ini perlu dijelaskan supaya pelaksanaannya nanti akan lebih licin dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada tentang bagaimana dari segi pelaksanaan hendak memastikan supaya manipulasi tidak berlaku apabila sekalipun rang undang-undang ini sudah dijadikan sebagai satu akta. Sebagai contoh sering berlaku yang dilakukan oleh peniaga sama ada *wholesaler* ataupun peruncit dikatakan diskaun diberi 50 peratus. Walaupun ia menarik kadang-kadang diskaun sehingga 70 peratus tetapi tidak diterangkan harga asalnya. Jadi kalau dahulu katakanlah RM100 kalau diskaun 50 peratus bermakna RM50 tetapi kalau harga itu dinaikkan tanpa kita ketahui sehingga RM200 apabila diberi diskaun 50 peratus maka harganya jadi lebih mahal daripada RM100. Jadi ini boleh berlaku manipulasi untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan sekalipun rang undang-undang ini sudah menjadi akta.

Begitu juga bagaimana jaminan dapat diberikan dari segi pelaksanaan bahawa dengan tujuan untuk mengaburi mata pengguna dan para pembeli. Diskaun diberi begitu menarik sekali misalnya 70 peratus atau 80 peratus tetapi tarikh luput ditulis dengan kecil sekali sehingga terlepas pandang untuk membacanya. Mungkin sama ada tarikh luput itu tinggal dua tiga hari atau seminggu lagi ataupun sudah luput dan ini pernah berlaku pada saya sendiri. Jadi kita ingin dapatkan kepastian bagaimana unsur-unsur atau potensi penipuan manipulasi ini dapat dielakkan.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada bahagian tujuh seperti mana yang diterangkan berkenaan dengan Majlis Penasihat Harga. Saya tidak mahu mengulang ahli-ahli yang bakal dilantik oleh Menteri dan itu sudah diterangkan di mana terdiri daripada Menteri, KSU, pegawai kerajaan dan bukan kerajaan. Cuma saya ingin menarik kepada fasal 49 iaitu berhubung dengan elaun. Di situ tidak dinyatakan kadar elaun yang sepatutnya dibayar tetapi kuasa itu Parlimen ini beri kepada Menteri.

■ 1810

Saya rasa eloklah Dewan yang mulia ini menetapkan kadar yang patut dibayar kepada Ahli-ahli yang menganggotai Majlis ini. Kuasa itu tidak perlu diberi kepada Menteri kerana saya fikir Dewan yang mulia ini mampu menentukannya. Ini juga untuk memastikan bahawa ada ketelusan dari segi menetapkan ganjaran untuk Ahli-ahli Majlis. Misal kata mungkin sebagai Menteri pendapatannya pun sudah tinggi jadi mungkin tidak perlu dibayar apa-apa. Bagi setiausaha yang terdiri dari KSU kerana gajinya juga tinggi tetapi mungkin ada beban-beban yang lain kita mungkin beri dia RM2,000 dan ahli kerajaan yang lain RM1,000 manakala pihak swasta kerana kita memerlukan kepakaran dan pengalamannya kita beri mungkin lebih tinggi sedikit misal kata RM3,000. Maka kita akan dapat orang yang betul-betul berpengalaman dan berpengetahuan, intelektual dan dapat memberikan komitmen yang tinggi kepada Majlis ini.

Seterusnya saya ingin menarik kepada fasal 50 kepada kekerapan mesyuarat. Ini sekali lagi diserahkan kepada Menteri untuk menentukan berapa kali dan bila hendak bermesyuarat. Pada saya berdasarkan pengalaman yang saya sendiri lihat tetapi demi menjaga maruah Menteri-menteri kita kerana tidak patut kita memalukan sesiapa, memang ada Majlis tidak bermesyuarat begitu lama dan ada Majlis bermesyuarat setahun sekali dan ada juga yang bermesyuarat agak kerap.

Jadi berdasarkan pengalaman ini saya rasa eloklah kerana ia penting untuk menjaga pengguna yang pada masa ini 28.3 juta umat Malaysia, eloklah Majlis ini ditentukan kekerapan ianya bermesyuarat. Sebagai satu usul saya ingin mencadangkan sekurang-kurangnya ia bermesyuarat tiga kali setahun ataupun sekurang-kurangnya dua kali setahun. Jikalau tidak ia akan terletak kepada budi bicara dan kelapangan masa Menteri dan mungkin Majlis ini menjadi mangsa kesibukan Menteri kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada pengumuman yang saya dengar dari Radio Malaysia siaran Klasik Nasional kerana saya peminat program itu, diberitakan melalui RTM pada 7 Disember lalu sempena 1 Muharam, Menteri berkenaan iaitu Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri telah pun mengumumkan awal-awal lagi bahawa rang undang-undang ini akan diwartakan pada bulan April akan datang. Isunya di sini saya ingin menarik perhatian ia masih lagi dalam proses untuk ditimbang. Bermakna sekarang seolah-olah Menteri sudah cukup yakin bahawa ia akan diluluskan. Ini kalau dilihat secara kurang positif inilah akan memberikan gambaran seolah-olah Dewan Negara ini *rubber stamp* sekali pun ia sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Jadi saya rasa terkilan sebagai Ahli Dewan Negara perkara ini sudah orang kata *charm the gun*. Jadi saya ingin menarik perhatian untuk mendapatkan penjelasan kot kalau-kalau saya tersalah dengar. Dengan itu saya memohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

**6.14ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010.

Untuk yang pertama saya ingin merujuk pihak kerajaan kepada seksyen 7 dan juga seksyen 13 berkenaan dengan ayat yang disebut iaitu perkataan yang disebut dalam seksyen ini ialah perkataan '*bekas*'. Saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat Menteri apakah yang dimaksudkan dengan bekas barangan tersebut? Kalau kita lihat kepada ayat yang disebut di seksyen 7 ini,

*"Pengawal boleh menentukan amaun deposit yang mana-mana orang yang menjual apa-apa barangan harga terkawal tertakluk kepada syarat bahawa bekas barangan itu hendaklah dikembalikan, boleh menghendaki berkenaan dengan bekas itu dan boleh menentukan amaun barang itu hendaklah apabila bekas itu dikembalikan membawa balik kepada orang yang memberikan bekas itu dan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya bayaran balik itu kena dibayar".*

Dalam konteks ini saya rujuk kepada takrif di seksyen 2, tidak ada tafsiran yang dibuat kepada perkataan "bekas". Jadi saya mohon untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah maksud bekas barangan yang diulang kembali dalam seksyen 13 subseksyen 1(3)? Itu yang pertama.

Berkenaan yang kedua, kita bercakap soal antipencatutan atau pun mengambil untung yang tidak munasabah. Dalam konteks ini sebelum ini kita ada akta yang mengawal harga. Sekarang ini kita akan buat Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Soalnya sekarang bukan sekadar barang-barang yang kita kawal harga yang kadang-kadang letakkan harga yang lebih tinggi. Bagaimana dengan nasib barang-barang yang sehingga kini belum lagi dikawal harganya sebagai contohnya ubat yang memang setiap hari akan digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Keduanya berkaitan dengan baja, ketiganya berkaitan dengan alat ganti dan barang-barang yang telah dirujuk barang *second hand*.

Dalam konteks ini saya pohon pihak Yang Berhormat Menteri juga memberikan pandangan serta kenyataan yang selepas ini berkenaan dengan kedudukan barang-barang yang saya sebutkan tadi iaitu ubat, baja dan alat ganti yang sebenarnya digunakan secara berterusan oleh rakyat kita. Kita lihat perkara ini kadang-kadang keuntungan yang diambil oleh orang yang berniaga ubat terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan monopoli, harga ini amat sekali menekan rakyat. Bukan hanya mereka perlu makan gula tetapi apabila mereka makan gula mereka terlibat dengan diabetes. Ubat diabetes tadi perlu *discontribute* oleh kerajaan dan saya pohon agar dengan telusnya akta pada hari ini nasib dalam perkara yang saya sebutkan tadi akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan khususnya bagi memasukkan bantuan di bawah barang-barang yang juga dikawal.

Sekurang-kurangnya kita tahu harga minimum walaupun tidak dikawal sepenuhnya pun sekurang-kurangnya tahu harga minimum ataupun maksimum supaya rakyat tidak akan lagi terbeban dengan harga-harga yang tidak munasabah kerana perkara ini bukan dimasukkan dalam barang-barang kawalan tetapi keperluan rakyat. Jadi saya rasa sampai masanya untuk kita jadikan perkara ini barang-barang kawalan sebelum lagi kita laksanakan GST.

Seterusnya berkaitan kenaikan harga barang. Kita dimaklumkan dalam tahun ini terdapat beberapa kali kenaikan harga barang kawalan yang telah pun diisytiharkan secara senyap oleh pihak kerajaan. Saya ingin bertanya adakah dengan terlaksananya pindaan ataupun kelulusan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini kenaikan harga barang terkawal ini akan dinasihati oleh Majlis Penasihat Harga atau pihak kerajaan boleh juga buat tanpa kelulusan oleh Majlis Penasihat Harga? Sejauh manakah kuasa nasihat Majlis Penasihat Harga ini akan memberikan impak kepada Yang Berhormat Menteri dalam mengisytiharkan mana-mana kenaikan harga barang terkawal?

Keduanya, berkaitan tadi disebut bahawa tidak ada barang yang boleh dikatakan terlibat dengan antipencatutan melainkan harga tersebut telah pun diwartakan. Oleh kerana kenaikan harga sebelum ini, kenaikan harga barang, harga minyak, harga gula dinaikkan tanpa pewartaan, adakah perkara ini pada masa hadapan akan dianggap bertentangan dengan undang-undang? Adakah dengan kenaikan harga selepas ini pihak kerajaan akan buat pewartaan dan pengumuman dua minggu lebih awal sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi?

Seterusnya berkaitan bila disebut bahawa maksud di bawah kesalahan mencatat di bawah seksyen 14(2). Bagi maksud akta ini mencatat ertinya membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Di sini ada dua perkataan yang mustahak. Pertama "*tinggi*", yang kedua "*tidak munasabah*". Tinggi di sini saya ingin bertanya pihak kerajaan kita berdasarkan kepada skala apa? 100 peratus? 200 peratus dari kos asal? 300 peratus modalnya tinggi atau bagaimana?

Seterusnya lagi tidak munasabah. Tidak munasabah ini pada pandangan siapa? Pada pandangan Majlis Penasihat Harga atau pada pandangan peniaga atau pada pandangan rakyat? Dalam konteks ini saya pohon diberikan satu garis panduan yang jelas. Adakah 300 peratus itu akan masuk dalam erti tinggi dan munasabah ini adakah masuk dalam kenal pasti adil? Jadi kalau kita kira munasabah dari sudut pandangan peniaga mungkin munasabahnya lain. Munasabah daripada pandangan rakyat, munasabahnya mungkin lain. Munasabah dari pandangan profesional mungkin munasabahnya lain.

Jadi di mana skala yang akan kita ambil sebagai garis panduan bagi menentukan bahawa munasabah ini adalah benar-benar adil kepada rakyat?

Seterunya yang ketiga. Bukan yang ketiga, yang kelima. Bagaimanakah harga itu sekiranya Majlis Penasihat Harga telah mengumumkan atau menasihatkan kepada Yang Berhormat Menteri tentang apa-apa harga barang-barang kawalan atau sekiranya melanggar jumlah yang disebut akan terlibat dengan anti pencatutan. Dalam konteks ini sekiranya mana-mana pihak yang terkilan atau merasakan tidak puas hati dengan harga yang telah pun dinasihatkan oleh Majlis Penasihat Harga, adakah pihak pembekal perkhidmatan atau pun pembekal harga barang boleh merayu kepada pihak Majlis Penasihat Harga atau Yang Berhormat Menteri bagi mengkaji semula harga-harga yang telah pun disebut atau pun kos-kos yang mungkin telah pun dikenal pasti pihak kerajaan sebagai kos yang munasabah?

■ 1820

Adakah perkara ini boleh dirayu? Kalau boleh dirayu, di bawah seksyen manakah perkara ini dibenarkan? Begitu juga dengan bila disebut tentang kuasa yang ada pada Majlis. Saya juga ingin tanya, sejauh mana nasihat tadi boleh memberi kesan kepada Menteri? Kalau Menteri tidak ikut, dikira macam mana?

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, berapa kali akan bermesyuarat sebab kenaikan harga barang ini kadang-kadang ditentukan oleh keadaan ekonomi. Adakah bila berlaku masalah ekonomi tadi, mereka mesti bermesyuarat dan kalau mereka tidak bermesyuarat, adakah sebarang pewartaan harga oleh Menteri tidak sah?

Terakhir, sejauh manakah kita lihat dalam banyak-banyak akta yang telah pun dibentangkan di Dewan Negara sebelum ini, bila disebut masalah penyitaan, biasanya undang-undang akan menyebut tentang di manakah barang-barang yang disita akan disimpan. Akan tetapi di dalam konteks ini, saya sudah lihat beberapa kali, saya tidak ternampak di mana barang-barang yang disita itu akan disimpan melainkan diberitahu tentang penyitaan barang-barang mudah musnah, tidak ada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan untuk mendapatkan balik.

Akan tetapi dari segi di mana, berapa lama dan bagaimana barang-barang yang disita itu disimpan, saya tidak nampak di bawah akta ini. Saya pohon pihak Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum jawapan diberi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dan penasihat undang-undang itu tolong ambil perhatian. Saya fikir perkara yang dibangkitkan itu amat relevan dan perlu dijawab dengan begitu jelas di Dewan yang mulia ini. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Hajah Noriah binti Mahat.

**6.22 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya laluan untuk turut menyuntik pendapat dan membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010.

Tuan Yang di-Pertua, penilaian semula terhadap rang undang-undang ini adalah amat dialu-alukan dan dikira sebagai satu inisiatif yang menggambarkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat dan menepati gagasan, 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan'. Saya berkata demikian memandangkan dalam mendepani cabaran global dan dihipit oleh pembangunan pesat ekonomi tanpa sempadan, kehidupan rakyat sebilangan besarnya baik di bandar mahupun di desa adalah tidak ubah seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Justeru, akta ini diharapkan dapat mengawal perbuatan menaikkan harga sesuka hati untuk mengaut keuntungan melampau atau dalam istilah lain, melakukan pencatutan. Dengan itu, fenomena kenaikan harga secara berterusan dapat disekat demi kesejahteraan rakyat terutamanya setelah GST diperkenalkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II fasal 9 menguatkuasakan pempameran senarai harga barangan dan caj perkhidmatan di tempat yang mudah dilihat. Jelas sekali terma yang diguna pakai ini mampu melindungi pengguna dari ditipu oleh peniaga dengan sewenang-wenangnya. Namun, saya berharap agar pemantauan secara berterusan dapat dilakukan agar akta ini tidak hanya nampak cantik di atas kertas sahaja, malahan ia cantik dari segi pelaksanaannya.

Saya berkata demikian kerana hasil lawatan yang dibuat di beberapa pusat membeli belah di beberapa bandar besar, masih ramai lagi peniaga yang mungkin secara sengaja atau tidak sengaja gagal atau enggan meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian setakat ini, berapakah jumlah kes yang telah dicatat dan dikenakan tindakan?

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan tanpa pelaksanaan yang berterusan tidak akan mendatangkan sebarang kesan kepada peniaga. Walaupun fasal 10(2) memperuntukkan dengan denda tidak lebih RM100,000 bagi mana-mana pihak yang gagal mempamerkan tanda harga, namun bagi sesetengah peniaga, ianya tidak mendatangkan sebarang kesan kepada mereka kerana mereka mampu membayar kompaun atau denda yang dikenakan.

Untuk itu, saya berharap agar akta ini mengambil kira faktor kekerapan kompaun atau denda yang dikenakan terhadap seseorang peniaga atau pemborong dengan mengenakan tindakan yang lebih berat sekiranya kesalahan itu dilakukan berulang kali. Setakat ini mengikut rekod kementerian, berapakah jumlah kes berulang yang dilakukan oleh peniaga yang sama dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka?

Dengan mengenakan denda yang lebih berat seperti menarik lesen perniagaan bagi peniaga ingkar, saya percaya sikap sesetengah peniaga dan pemborong yang degil serta langsung tidak takut pada undang-undang dapat diubah. Namun, ironinya mengapakah mereka bersikap tidak ambil peduli dan memperlekehkan undang-undang yang ada? Adakah ianya berpunca daripada penguatkuasaan yang longgar atau kegagalan pihak KPDNKK dalam mengawal gelagat peniaga?

Justeru, saya mencadangkan agar bilangan penguat kuasa ditambah untuk turun padang dan melakukan rondaan secara lebih konsisten. Berbeza sekali pada masa ini, rondaan dan operasi adalah lebih tertumpu pada musim-musim perayaan sahaja, manakala pada hari-hari biasa, jarang sekali kedengaran sebarang operasi dilakukan. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, berapa kalikah setahun rondaan atau operasi diadakan dan adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi bilangan operasi dengan melibatkan juga kawasan-kawasan pedalaman?

Sikap majoriti masyarakat luar yang begitu mudah bersetuju dan menerima harga yang dikenakan memudahkan bagi pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap mereka. Dengan cara ini, saya yakin peniaga akan kecut perut dan lebih berhati-hati bukan sahaja dalam meletakkan tanda harga, malah mengenakan caj perkhidmatan dan barangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memberi peluang kepada rakan yang lain, dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

**6.27 ptg**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang berkenaan dengan kawalan harga dan pencatutan ini, saya kira adalah satu rang undang-undang yang menzahirkan kerisauan semua pihak sama ada pengguna iaitu rakyat dan juga kerajaan sendiri terhadap kenaikan barang-barang tertentu yang begitu tidak munasabah. Sebagai contoh, kenaikan barang ini adalah disebabkan oleh sekurang-kurangnya dua faktor. Pertama, apabila minyak naik 5 sen satu liter baru-baru ini dan gula naik 20 sen satu kilogram – satu kilogram gula boleh menghasilkan lebih kurang 100 cawan teh tarik kerana satu gelas teh tarik itu lebih kurang 13 gram. Kalau 1,000 gram, boleh dapat 104 cawan. Tolak tumpah, apa semua, 100 cawan.



Dahulunya kalau kita berhenti di *highway*, teh tarik satu gelas berharga RM1.80. Semalam saya singgah minum, kena bayar RM2. Fasal apa? Dia kata gula naik 20 sen. Jadi, kalau satu gelas 20 sen naik, 100 gelas maknanya RM20. Hasil kenaikan gula yang diumumkan oleh kerajaan 20 sen, peniaga dapat tambah satu kilogram yang dia bayar lebih 20 sen sebanyak RM19.80. Ini satu kenaikan yang tidak munasabah. Walaupun permintaan teh tarik masih statik, tidak ada perayaan dan sebagainya, tetapi oleh kerana kerajaan menaikkan gula 20 sen, peniaga mendapat untung yang saya tidak tahu lah berapa *percent*.

Satu lagi ialah disebabkan permintaan melebihi daripada pengeluaran. Contohnya kenaikan harga daging, ayam di musim perayaan. Selalunya berlipat ganda kenaikannya daripada biasa. Saya ambil satu contoh. Apabila berlaku banjir di Perlis, Kedah baru-baru ini yang melibatkan empat, lima daerah yang melibatkan hampir bandar raya Alor Setar itu tenggelam yang melibatkan hampir 60,000 orang menjadi mangsa. Hampir 20,000 buah rumah yang tenggelam.

#### ■ 1830

Selepas banjir, keperluan yang diperlukan oleh orang-orang ini ialah getah paip untuk mencuci rumah, berus plastik. Bahan-bahan ini naik sehingga lima kali ganda pada ketika itu kerana peniaga-peniaga ini menyedari bahawa pengguna-pengguna tidak ada pilihan melainkan terpaksa membeli barangan ini. Kita bayangkanlah sikap peniaga-peniaga dalam negara kita Malaysia ini yang tidak langsung bersimpati, yang mereka ini menerima satu bencana yang besar yang banyak kerugiannya, tetapi masih mahu mengaut keuntungan apabila pengguna tidak ada pilihan untuk membeli barangan-barangan tersebut untuk mencuci rumah-rumah mereka. Jadi persoalannya sekarang, bagaimanakah rang undang-undang ini, pihak pengawal untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap contoh, insiden-insiden yang saya berikan tadi supaya rang undang-undang ini benar-benar terpakai dan pengguna benar-benar terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Bahagian IV Fasal 14(1) dan (2) yang memerihalkan kesalahan mencatat dan istilah mencatat itu sendiri yang dalam rang undang-undang ini membawa maksud membuat keuntungan yang tidak munasabah. Kesalahan mencatat pula apabila melibatkan aktiviti mencatat dalam menjual atau membekalkan apa-apa barangan perkhidmatan. Pada era dunia siber sekarang ini, rang undang-undang ini tidak menyebut bagaimana sikap ataupun kehebatan teknologi moden yang memungkinkan urus niaga dibuat dengan sekelip mata tanpa had sempadan dan masa, pelbagai transaksi mampu dilakukan oleh siapa sahaja. Justeru, perniagaan secara *online* tumbuh ibarat cendawan tumbuh selepas hujan di pasaran.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi saya ingin bertanya, apakah terma yang digunakan dan diguna pakai dalam fasal 14(1) dan (2) mencakupi urus niaga yang dilakukan secara *online*. Satu lagi yang berhadapan dengan kita sekarang urus niaga dalam bentuk SMS. Sebagai contoh yang dulunya ada rancangan *Who Want To Be A Millionaire*. Hanya pengusaha-pengusaha ini dengan menggunakan teknik-teknik tertentu dan menggunakan hujung jari mereka menarik wang orang ramai untuk masuk ke kantung mereka dan mereka mengaut keuntungan yang lebih termasuklah Akademi Fantasia dan berbagai-bagai lagi perniagaan melalui SMS yang melibatkan remaja malah kanak-kanak yang diiklankan secara berleluasa di dalam TV dan media-media tempatan. Jadi bagaimanakah pelaksanaannya? Adakah ianya melibatkan rang undang-undang ini? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana perniagaan melalui SMS ini juga melibatkan keuntungan yang begitu besar dan ibu bapa menanggung beban kerana anak-anak mereka meminati perkara-perkara yang tidak berfaedah semacam ini, dan saya mengambil kesempatan untuk turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

#### 6.34 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita mengalu-alukan pengenalan Undang-undang Antipencatutan, kerisauan yang paling besar adalah penguatkuasaan akta ini. Rakyat di luar sangat risau tentang kelemahan penguatkuasaan akta dengan meluas di negara ini. Kerajaan harus bertindak dengan tegas untuk memenangi keyakinan rakyat bahawa kita mempunyai penguatkuasaan akta yang kuat. Tambahan lagi saya cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa pasukan penguatkuasaan harus menggambarkan demografi rakyat Malaysia dengan campuran semua kaum. Penguatkuasaan juga harus mengandungi orang yang berpelajaran, orang yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil sebab peniaga-peniaga ada yang berucap dalam bahasa-bahasa lain. Jadi penguat kuasa pun mesti fasih dalam bahasa-bahasa ini untuk memenangi kepercayaan mereka.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Adakah dengan menyenaraikan bahasa-bahasa yang mesti diketahui oleh penguat kuasa itu, Yang Berhormat tadi menyatakan taraf bahasa kebangsaan itu sama dengan bahasa-bahasa lain. Kalau benda ini tak ditegur Tuan Yang di-Pertua, saya rasa nanti kata orang-orang Melayu, "*Lurus jarum, lurus kelindan*". Yang penting sekarang ialah bagi kita semua menguasai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu kita dengan fasih dan dapat dipergunakan pada setiap peringkat kehidupan dan tak usahlah kita hendak mempelbagaikan bahasa itu. Terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, isu di sini bukan bahasa. Memang bahasa Malaysia ialah bahasa kebangsaan, itu tidak ada apa-apa teguran. Isu di sini ialah memenangi kepercayaan dan sokongan daripada peniaga-peniaga. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua, isu di sini ialah berkomunikasi undang-undang kepada peniaga sebab mereka pun faham bahawa apa yang mereka lakukan ialah betul atau salah. Itulah isunya, jadi penguat kuasa mesti fasih dalam undang-undang dan juga berkomunikasi. Mereka mesti pandai bergaul macam dengan izin, *public relation*, mereka pun mesti pandai ber*public relation* dengan peniaga-peniaga. Dengan perhubungan begini, peniaga-peniaga faham apakah tujuan undang-undang ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, keahlian panel yang disebut tadi mesti mengandungi pegawai-pegawai berbilang kepakaran dan juga pengguna dan peniaga-peniaga kecil sendiri sebab merekalah pihak yang berkaitan, merekalah pihak yang terkandung dalam isu ini. Jadi mereka pun mesti menjadi salah satu finalis dan dengan campur gaul mereka dengan keanggotaan mereka, pelaksanaan ataupun penguatkuasaan menjadi lebih senang.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah rang undang-undang tersebut harus lebih *inclusive* dan tidak hanya mensasarkan peniaga-peniaga dalam kawasan pasar. Rang undang-undang tersebut dan penguatkuasaannya juga harus menyertakan pencatutan daripada utiliti seperti caj telefon dan *electricity*, sebab ini ialah digunakan oleh semua rakyat. Orang miskin pun gunakan perkhidmatan ini dan mereka susah payah bayar caj ini, tetapi syarikat-syarikat telekom dan TNB mengaut untung yang berbilion.

Jadi rakyat miskin pun bayar, tetapi syarikat-syarikat besar ini ada mendapat untung yang berbilion dan berbilion ini juga disumbangkan oleh orang miskin. Jadi, penguatkuasaan di sini ialah, adakah caj ini lebih ataupun berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, selain itu rang undang-undang tersebut juga perlu memasukkan caj pengangkutan, caj kredit kad, faedah di bank, perlindungan insurans, perniagaan-perniagaan monopoli dan penjualan rumah. Adakah harga semua ini berpatutan dan juga harga ataupun caj di hospital swasta, ubat-ubat. Saya cadang bahawa rang undang-undang juga melindungi perkhidmatan-perkhidmatan yang disebut tadi. Itu cadangan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

■ 1840

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pada umumnya rang undang-undang ini adalah suatu yang baik, kerana masalah kenaikan harga dan kadang-kadang pencatutan memang masalah yang berat dihadapi oleh masyarakat terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah. Namun demikian saya juga seperti beberapa orang yang lain, ingin menyatakan kebimbangan iaitu kebimbangan tentang penguatkuasaan.

Saya tidak hendak berpanjang lebar tentang hal ini kerana ia telah diterangkan, cuma saya hendak memberi satu contoh sahaja. Contoh misalnya apa yang disebut di sini tentang keperluan menaikkan tanda harga. Perkara ini bukannya baru. Menaikkan tanda harga ini sudah ditetapkan lama juga. Saya dapati bahawa pada umumnya jarang harga tercatat pada barang-barang. Ia hanya jelas dan besar dipamerkan, terutama sekali apabila pegawai dan apatah lagi Menteri akan datang diikuti dengan televisyen dan sebagainya. Menarik sekali ialah peniaga-peniaga sudah tahu bahawa pegawai dan Menteri ini akan datang. Akan tetapi selepas itu atau tidak lama selepas itu, tidak ada lagi harga barang dan sudah tentu semakin susah pengawalan harga dilakukan.

Perkara kedua ialah, ada disebutkan tadi bahawa dari segi ekonomi memang ada baiknya harga barang naik, tetapi walaupun pada prinsipnya kita boleh menerima ini ada syarat yang penting yang harus kita penuhi. Syaratnya ialah kenaikan harga barang-barang kalau boleh mestilah seimbang dengan kenaikan pendapatan, atau lebih baik lagi kenaikan pendapatan itu jauh lebih tinggi kenaikan harga barang. Dalam beberapa tahun yang lalu ini, kita dapati bahawa kenaikan pendapatan tidaklah begitu besar. Ada pihak yang beri angka bahawa dalam beberapa tahun yang lalu, sepuluh tahun yang lalu ini boleh dikatakan kenaikan pendapatan secara keseluruhan secara *average* adalah kira-kira hanya 2.6 peratus. Ini kalau dibandingkan misalnya dengan kenaikan gula ataupun barang-barang keperluan harian adalah sangat berkurangan.

Ketiga, disebutkan tadi tentang sebab-sebab kenaikan harga. Satu telah disebutkan tadi tentang kenaikan harga minyak dan gula yang dinaikkan sendiri oleh kerajaan. Kenaikan harga oleh kerajaan ini kadang-kadang dijelaskan sebagai hendak mengurangkan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan. Saya berpendapat bahawa subsidi tidak boleh diberi dan tidak boleh ditarik bagi semua orang dengan tidak mengira taraf sosioekonomi mereka. Kalau hendak dibagi subsidi mesti difikirkan subsidi yang menguntungkan golongan yang susah. Kalau hendak ditarik subsidi, ditarik subsidi daripada golongan yang kaya. Tidak misalnya IPP - tidak ditarik subsidiya bagi golongan yang membeli minyak, membeli gula ditarik subsidiya. Itu satu tindakan kerajaan.

Ada kenaikan harga barang ini oleh kerana peristiwa-peristiwa tertentu. Satu peristiwa ialah menyambut perayaan terutama sekali apabila Hari Raya Puasa, Deepavali dan Hari Raya Cina sampai kenaikan itu bertimpa-timpa. Apabila harga barang naik kerana perayaan itu tidak lagi turun-turun. Satu lagi contoh tentang kenaikan dan harga yang mendekati misalnya pencatutan yang serius ataupun *profiteering* yang serius ialah, apa yang berlaku dengan harga minyak misalnya di Sarawak atau di Sabah sewaktu hendak pilihan raya. Sewaktu hendak pilihan raya, mereka yang mempunyai monopoli minyak ini akan menjual dengan harga yang tinggi sekali.

Perkara yang selanjutnya ialah kawasan. Di sini juga saya ambil misalnya kawasan pedalaman, bukan sahaja di Semenanjung Malaysia bahkan lebih teruk lagi di Sarawak. Semakin jauh di pedalaman kawasan itu semakin tinggi harga minyak. Minyak merupakan suatu komoditi yang penting bagi mereka kerana banyak perjalanan adalah melalui sungai dan mereka memerlukan bot dan sebagainya. Dalam soal musim dan daerah ini kerajaan tahu masalah ini, tahu harga barang akan naik bila musim tetapi nampaknya tidak ada penguatkuasaan yang berkesan. Tahu misalnya di daerah-daerah yang jauh harga adalah tinggi tetapi di sini pun tidak ada tindakan berkesan.

Satu lagi sebab ialah sorokan - menyorok barang. Kita lihat misalnya tepung ataupun gula alih-alih, atau ayam alih-alih kurang atau hilang dalam pasaran. Oleh kerana secara *artificial* telah dilakukan, keadaan seolah-olah bekalan atau *supply* kurang dengan sorokan ini maka ini memaksa harga naik. Apabila harga sudah naik, alih-alih keluar semua gula keluar semua tepung dan keluar semua yang diperlukan. Ini pun misalannya tidak mendapat pengawalan.

Satu lagi perkara punca daripada kenaikan barang dan pencatutan ini ialah perkara yang nampaknya tidak begitu jelas. Saya membaca sedikit sebanyak yang sempat daripada laporan audit. Salah satu yang menarik perhatian ialah, ada misalnya peristiwa di mana dua buah komputer telah dijual dengan harga ataupun telah dibeli dengan harga RM40,000 - dua buah komputer. Betulkan saya kalau angka ini silap tetapi lebih kurang begitulah. Sekiranya ini berlaku, apakah ini? Adakah dari segi si penjual kita akan melihatnya sebagai mencatat? Atau adakah dari segi si pembeli kita akan melihatnya sebagai bersengkokol dalam soal rasuah. Jadi soal ini pun saya rasa harus ditimbang dengan secara mendalam.

Perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua, soal-soal ini kita kena timbangkan halus-halus. Ini kerana saya nampak walaupun ada mengikut seksyen 41 Majlis Penasihat Harga, tetapi tidak tahulah sejauh mana dari segi penguatkuasaan nanti jawatankuasa ini akan lebih daripada hanya memberi nasihat. Jadi oleh kerana itu, saya ingin mengutarakan bahawa harus kita pertimbangkan pembentukan suatu perkara satu badan yang lebih efektif.

Badan yang lebih efektif itu yang saya maksudkan ialah Badan Tribunal Harga. Mesti diadakan tribunal yang tetap yang menerima komplain-komplain tentang kenaikan harga atau pencatutan. Mereka membuat penyiasatan tentang hal ini dan kemudian jikalau ada asas untuk mengambil tindakan diserahkan kepada polis dan kemudian di bawa ke mahkamah.

#### ■ 1850

Jadi kalau ada badan seperti itu yang sentiasa dapat menjalankan tugas apabila menerima komplen daripada setiap pihak atau setiap orang tentang kenaikan harga dan pencatutan sama ada waktu bermusim, di kawasan pendalaman dan sama ada kerana disorok dan sebagainya maka barulah saya rasa dapat diatasi sedikit atau lebih sedikit soal penguatkuasaan tadi. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.55 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Kesemuanya ada enam, yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, KPDKK mengambil maklum segala pandangan dan segala cadangan yang telah pun dikemukakan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya disebabkan kerana pihak kerajaan melalui KPDKK begitu prihatin kepada rakyat sebagai golongan pengguna.

Oleh sebab itu hari ini kita telah pun menggubal Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010, sebab kita sedia maklum bahawa pada hari ini disebabkan kerana ada segelintir iaitu peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan, yang tidak munasabah dan yang telah menyebabkan iaitu harga barangan ini telah membebankan rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai kerajaan kita sebenarnya tidak berhasrat untuk masuk campur atau campur tangan dari segi penentuan harga tetapi disebabkan kerana kadangkala harga yang telah pun ditetapkan oleh golongan peniaga ini. Keuntungan yang tidak munasabah menyebabkan pihak kementerian terpaksa menggubal rang undang-undang ini. Kita tahu bahawa ia telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara tentang harga, penguatkuasaan telah pun dibangkitkan dan kita tahu bahawa harga sebenarnya dinaikkan. Harga barangan itu naik melambung mungkin disebabkan kerana kadangkala pihak kerajaan terpaksa naikan harga barangan terutamanya barangan kawalan bukan secara begitu banyak, kadangkala begitu minimum. Akan tetapi malangnya pihak peniaga mengambil kesempatan seperti yang telah pun diketengahkan oleh Yang Berhormat Senator tadi bahawa dengan kenaikan harga lima sen iaitu minyak hari ini, ada barang-barang telah pun dinaikkan dengan 20 sen hingga 30 sen.

Ini adalah keuntungan yang melampau. Begitu juga dengan harga gula dinaikkan 20 sen sedangkan 1 kilo itu seperti yang telah diberi contoh tadi ialah boleh buat sampai 100 cawan. So, inilah kita kata bahawa keuntungan tidak munasabah dan disebabkan kerana kita melihat keadaan inilah maka kita terpaksa menggubal rang undang-undang ini supaya pihak peniaga tidak mengambil kesempatan dan begitu juga dengan dari segi kawasan *locality* dan juga iaitu dari segi bekalan-bekalan yang tidak mencukupi. Semuanya diambil kesempatan dan apalagi apabila berlakunya perayaan-perayaan.

Maka di sinilah iaitu kita berharap dengan adanya iaitu rang undang-undang ini, kita dapat memberi peringatan, memberi kawalan dan perlindungan kepada pengguna dan supaya pihak golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab ini tidak mengaut keuntungan yang tidak munasabah. Sebab itu kita meletakkan penalti yang agak tinggi kali ini, kalau dahulunya ialah RM15,000, RM25,000 ataupun RM50,000 hingga RM250,000. Kali ini untuk individu ialah, kita akan kenakan penalti iaitu sebanyak RM100,000 dan untuk perbadanan ataupun syarikat, pertubuhan iaitu sebanyak RM500,000.

Kita haraplah dengan adanya rang undang-undang ini kita dapat mengawal peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab ini dan sudah pastinya kita tahu bahawa dengan adanya rang undang-undang ini secara tidak langsung. Sekiranya akan dilaksanakan GST pada masa akan datang ia sudah pastinya dapat membantu rakyat sebab melalui rang undang-undang ini kita dapat mengawal iaitu peniaga-peniaga daripada menaikkan keuntungan yang tidak munasabah ini.

Satu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Akbar tadi ialah berkaitan dengan iaitu tentang diskaun atau tawaran harga, di mana kadangkala iaitu pengguna tidak dapat membezakan sama ada harga yang ditawarkan itu adalah harga tawaran ataupun harga tawaran diskaun telah diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kita telah pun ada satu peraturan untuk jualan murah ataupun tawaran harga di mana sekiranya sesebuah syarikat hendak melaksanakan dan menjalankan tawaran diskaun ataupun jualan murah, mereka terpaksa mempamerkan dua harga iaitu harga sebelum itu dan harga yang didiskaun untuk menunjukkan perbezaannya.

Sekiranya mana-mana pihak peniaga yang tidak meletakkan tanda harga baru dengan kedua-dua perbezaan harga ini maka kita harap bahawa pihak pengguna dapat maklumkan dan kita juga iaitu daripada pihak kementerian, pihak penguatkuasaan kita sentiasa berada di peringkat akar umbi untuk menjalankan penguatkuasaan. Kita tahu bahawa penguatkuasaan telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan bahawa ramai yang merasa ragu-ragu atas keberkesanan penguatkuasaan kita.

Kita sebenarnya telah pun menjalankan banyak penguatkuasaan di mana kita jalankan iaitu secara berterusan. Setiap hari ada pegawai-pegawai penguatkuasaan kita, termasuk dengan pemantau harga dan juga rakan pengguna kita juga membantu kita dari segi memantau harga barang-barang ini dan memang kadangkala, kita hari ini menjalankan iaitu penguatkuasaan secara berhemah khususnya bagi penandaan harga. Kita tahu bahawa ada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan selalunya kita akan memberikan amaran pertama, amaran kedua dan kalau amaran ketiga... amaran pertama, kedua tidak dihiraukan dan kita akan mengeluarkan kompaunkompaun. Kita akan sentiasa laksanakan penguatkuasaan sepanjang masa.

#### ■ 1900

Ahli-ahli dalam majlis penasihat harga di sini dari segi elaun untuk makluman Yang Berhormat bahawa kita sebenarnya akan memberi elaun sahaja, tidak ada gaji yang kita beri dan elaun ini elaun untuk menghadiri mesyuarat sahaja iaitu sebanyak RM300 seorang kalau mereka datang untuk menghadiri mesyuarat dan kekerapan mesyuarat ini untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Akbar boleh dikatakan kita tidak dapat menetapkan bahawa satu bulan ada dua atau tiga. Kalau kita lihat bahawa hari ini barang-barang yang akan dikawal dalam rang undang-undang ini bukan sahaja untuk barang-barang kawalan negara kita tetapi juga barang-barang yang bukan kawalan, sebab itu ia meliputi banyak jenis barangan.

Oleh sebab itu kita akan mengadakan seberapa banyak mesyuarat dan jika perlu sebab kita tahu bahawa peniaga-peniaga sentiasa akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga. Oleh sebab itu kita tidak dapat tentukan berapa kekerapan mesyuarat ini. Mungkin sebulan boleh sampai lima kali sepuluh kali. Itu bergantung kepada keadaan. Jadi, dalam hal ini kita akan melihat keadaan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz berkaitan dengan bekas. Bekas di sini sebenarnya adalah tong LPG iaitu gas. Ini kerana kadangkala tong LPG ini ada deposit. Kadangkala disebabkan kerana harga bekas ini juga berubah dari semasa ke semasa maka dalam hal ini kita juga akan melihat penentuan dari segi harga bekas barangan ini.

Satu lagi yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz berkaitan dengan kenaikan harga barangan tanpa pewartaan. Sebenarnya pihak kerajaan melalui PEMANDU memang mewartakan kenaikan harga barangan kawalan ini kecuali untuk RON97 sebab minyak RON97 hari ini telah pun diapungkan bukan di bawah iaitu kawalan kerajaan sebab dia diapungkan mengikut harga pasaran dunia.

Akan tetapi seperti gula, minyak RON95 masih diberi subsidi dan pihak kerajaan mewartakan untuk mengumumkan sebab itu dalam hal ini kita masih mewartakan harga barangan sekiranya berlaku kenaikan harga barangan ini. Pihak kerajaan baru-baru ini kalau kita lihat kenaikan harga barangan iaitu minyak RON95, lima sen ini disebabkan kerana iaitu kenaikan harga minyak dunia dan kerajaan juga sebagai Kerajaan Barisan Nasional kita dapati kita memang masih melihat kepada bebanan rakyat dan kita menaikkan begitu minimum sekali cuma lima sen sahaja, sepatutnya ia mesti dinaikkan lebih daripada lima sen tetapi disebabkan oleh kerana kerajaan kita ialah kerajaan yang masih sayang kepada rakyat, masih prihatin kepada rakyat maka kenaikannya adalah begitu minimum sekali dan untuk kenaikan harga gula ini 20 sen kita melihat bahawa gula ini bukan makanan ruji dan kita dapati bahawa gula ini kalau kita lihat kenaikan 20 sen ini sebenarnya kita boleh membuat begitu banyak cawan air sebenarnya. Akan tetapi disebabkan kerana ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini dengan kenaikan 20 sen dia pun naikkan satu cawan 20 sen. Maka dengan inilah apabila ada kenaikan sebegini maka akta rang undang-undang inilah yang boleh kita gunakan untuk dikenakan kepada peniaga-peniaga seperti ini.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon untuk mencelah.

**Datuk Akbar bin Ali:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada beberapa perkara hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama sekali, kalaulah saya terlepas kerana saya berada di luar saya ada bangkitkan berkenaan perkara fasal 10(2) saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tadi kerana fasal 18 tidak menyentuh Bab 2 tetapi hanya Bab 3 dan Bab 4.

Keduanya, berkenaan dengan pengumuman yang telah lebih awal dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pembuatan rang undang-undang ini yang saya rasa belum duduk sudah berlunjur dan ingin penjelasan itu.

Ketiganya berkenaan dengan RON95 ini pernah keluar dalam surat khabar apabila RON95 dinaikkan kepada RM1.85 Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan memberi pengakuan tidak ada lagi kenaikan harga RON95 pada tahun ini tetapi telah berlaku kenaikan sebanyak lima sen. Jadi saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Okey, untuk makluman Yang Berhormat, pengumuman Yang Berhormat Menteri saya sebenarnya selalu dia kata buat masa ini. Dia tidak kata bahawa pada tahun ini tidak akan berlakunya kenaikan. Jadi, kadangkala perlu dibaca secara keseluruhan ayat-ayat yang telah pun berada di akhbar sebenarnya.

Oleh sebab kadangkala kita tidak boleh memberi jaminan bahawa apa-apa barangan kawalan di bawah kerajaan ini tidak akan naik pada tahun ini. Buat sementara ini sahajalah, iaitu pada ketika ini, selalunya dibuat. Dalam hal ini sebab kadangkala disebabkan kerana kenaikan harga barangan di negara luar yang kita tidak dapat kawal yang menyebabkan kita terpaksa menaikkan harga dan harga yang kita naikkan itu adalah *between* minimum yang tidak akan membebankan rakyat. Itu satu.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi:** Saya pohon untuk mencelah. Pohon sedikit laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka merujuk kepada soalan yang sama iaitu berkaitan dengan isu kenaikan harga barang RON95 dan RON97. Kalau RON97 harga diapungkan untuk RON95 dinaikkan kerana harga minyak naik. Oleh kerana amalan di negara-negara lain kalau minyak naik harga naik, kalau minyak turun harga turun. Negara kita minyak naik harga naik, adakah kerajaan dengan terlulusnya rang undang-undang hari ini akan buat pengumuman penurunan harga RON95 sekiranya harga minyak di pasaran dunia turun. Itu yang saya mahu tahu.

Kedua, kalau disebut perkataan bekas barangan di bawah seksyen 7 itu menyebut jelas kepada tong LPG sahaja saya rasa struktur pembinaan ayat untuk seksyen 7 harus diubah sekurang-kurangnya disebut bahawa mana-mana bekas barangan itu hendaklah dikembalikan sekurang-kurangnya orang tahu itu bukan satu barang sahaja dan saya rasa kalau dimaksudkan untuk deposit tong LPG barangan lain di seluruh negara ini kita ada banyak lagi barang ada deposit bukan hanya terhadap kepada tong untuk LPG sahaja. Jadi saya pohon kalau boleh dikaji semula ayat untuk seksyen 7. Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Untuk makluman Yang Berhormat berkaitan dengan harga minyak yang naik turun ini buat masa ini kalau kita lihat bahawa harga minyak yang ada di negara kita adalah paling murah. *It's below cost* kalau kita lihat dari pasaran dunia. Oleh sebab itu apabila kenaikan harga minyak di negara luar naik maka kita cuma menaikkan harga yang paling minimum cuma lima sen sahaja. Apabila dia turun kadangkala kita tidak turun disebabkan kita masih lagi harga kita ini yang disubsidikan. Akan tetapi kalau RON97, kalau harga dunia turun, ia akan turun. So sebab itu saya harap Yang Berhormat faham bahawa harga kita sebenarnya masih diparas yang paling rendah.

#### ■ 1910

**Datuk Akbar bin Ali:** Pohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Begini Yang Berhormat ya, Saya akan cuba cari potongan akhbar untuk membuktikan bahawa kalau tidak silap, itulah yang dijanjikan Dato' Menteri, satu.

Yang keduanya oleh saya telah tanya berkali-kali soalan tentang minyak ini tetapi tidak dijawab secara tuntas oleh kementerian Dato'. Atas prinsip ketelusan, atas prinsip *good governance*, mohon nanti kementerian Yang Berhormat beritahu Dewan yang mulia ini, daripada setong minyak mentah berapa harga katakan '*exportation*' dan apakah bahan-bahan yang boleh dikeluarkan daripada setong minyak mentah ini, komposisinya dan harga setiap satu, misal kata diesel, *aviation fuel* dan sebagainya. Dari situ maka kita akan tahu berapa sebenarnya antara kos setong minyak dan hasil daripada setong minyak mentah itu, maka berpuas hati lah rakyat tentang kedudukan sebenar yang dikatakan kenaikan ini adalah paling kecil dan harga ini adalah terlalu rendah. Saya mohon lah tolongnya berikan komposisi yang saya sebutkan tadi demi prinsip ketelusan dan *good governance*. Terima kasih

**Dato' Tan Lian Hoe:** Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya soalan ini pernah dijawab dalam Dewan Rakyat. Sebab pengiraan dari segi minyak ini kita berdasarkan kepada *mob* mungkin saya tidak dapat berikan secara *detail* hari ini. Mungkin saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz, di bawah kenaikan harga RON95, kalau kita lihat pada tahun 2008, kalau kita masih ingat harga RON95 telah pun naik hingga RM2.70 ketika itu, iaitu kenaikan 78 sen.

Selepas itu diturunkan sehingga RM1.80. Sebab itu jangan kata bahawa apabila harga minyak naik, kita naik tapi kalau turun kita tidak turun, kita turun juga. Kita ikut juga harga dunia.

Seterusnya untuk, juga kepada Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz. Berkaitan dengan harga minimum dan maksimum untuk ubat-ubatan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan yang baik itu dan kementerian akan ambil maklum dan akan mengkaji cadangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya, kenaikan harga barang-barang kawalan seperti gula dan bahan api, adakah ia tertakluk di bawah kuasa Majlis Penasihat Harga. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya tidak termasuk di bawah kuasa Majlis Penasihat Harga dalam rang undang-undang kita ini. Sebab sebenarnya di bawah bidang kuasa Jemaah Menteri, Kabinet kita. Hari ini kalau kita lihat iaitu harga kita rendah dan dia tidak menggambarkan harga pasaran yang sebenarnya.

Seterusnya, saya menjawab kepada kekerapan mesyuarat iaitu seperti yang telah saya nyatakan, kekerapan ini terpaksa kita lihat sebab kita begitu banyak barang-barang dalam pasaran, maka kita mungkin akan mengadakan lebih daripada satu atau lebih daripada beberapa kali mesyuarat yang akan diadakan.

Saya juga ingin menjawab kepada Yang Berhormat Senator berkaitan dengan iaitu, di manakah barang-barang yang telah disita itu disimpan. Pertamanya, setiap kali apabila barang itu di sita, ia akan direkodkan yang pertamanya dan memastikan barangan yang disita itu tidak hilang mahu pun bercampur dengan barangan lain. Walaupun tidak dinyatakan dalam rang undang-undang ini, ia merupakan satu amalan di mana semua barangan yang disita itu disimpan dalam keadaan baik. Itu yang kita boleh beri jaminan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Hajah Noriah, berkaitan dengan iaitu menambah pegawai penguat kuasa bagi menangani isu kenaikan harga barangan dan kekerapan dari segi pemantauan harga. Untuk makluman Yang Berhormat iaitu kementerian sebenarnya telah pun mempunyai seramai 1,600 pegawai pemantau harga di seluruh negara dan pegawai penguat kuasa yang kita ada di kementerian ialah 1,500. Penguatkuasaan ini sebenarnya telah pun berjalan sepanjang masa dan untuk memastikan supaya harga-harga barangan di pasaran ini tidak dinaikkan sewenang-wenangnya oleh pihak peniaga, penguat kuasa kita kadangkala bekerja 24 jam juga. Sebab itu kita sentiasa memastikan bahawa aduan kita, iaitu dibuka sampai pukul 10 malam supaya rakyat diberi, begitu senang untuk menghubungi pegawai-pegawai kita.

Seterusnya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof, isu kenaikan harga gula dan apa yang menyebabkan harga produk akhirnya menjadi kenaikan harganya begitu mendadak. Memang untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan tidak dapat mengawal harga barangan akhir seperti yang telah dinyatakan. Kadang kala apabila terutama barangan makanan iaitu disebabkan kerana dari segi cara memasak, campur dia punya ramuan dan sebagainya kadangkala adalah begitu sukar untuk pihak kementerian untuk meletakkan harga-harga ini.

Namun, katakanlah sebagai contohnya iaitu, kenaikan barang kawalan kita macam gula. Kalau dinaikkan harga sehingga satu cawan 20 sen, dengan adanya rang undang-undang ini kita akan gunakan rang undang-undang ini untuk dikenakan kepada peniaga-peniaga ini, sebab kita tahu mekanisme yang akan kita gunakan di sini sebenarnya akan bergantung kepada di mana pihak Menteri akan, dengan nasihat Majlis Penasihat Harga akan mencari satu mekanisme yang sesuai supaya kita dapat jadikan sebagai garis panduan supaya peniaga ada dapat melihat bahawa keuntungan yang berapa dan sebagainya dianggap sebagai iaitu pencatutan, *profiteering*. So dalam hal ini kita akan mencari satu mekanisme di mana dengan adanya penubuhan Majlis Penasihat Harga ini, kita akan mencari kesesuaiannya - sama juga tentang ini.

#### ■ 1920

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Yusof berkaitan dengan urus niaga melalui elektronik dengan SMS dan sebagainya.



Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya transaksi elektronik tidak dapat kita gunakan dalam rang undang-undang ini sebab kita sebenarnya sedang melihat satu lagi iaitu rang undang-undang yang kita sedang hendak gubal supaya kita dapat mengawal transaksi yang dijalankan di alam siber. Ini sebab kita tahu bahawa ramai di kalangan rakyat kita yang telah pun ditipu dan ramai yang telah pun menderita akibat daripada transaksi di alam siber ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita berharap kita sebagai Yang Berhormat, kita perlu mengingatkan kepada rakyat bahawa kadangkala bahayanya kita menjalankan transaksi di alam siber ini sebab kita tidak nampak dari segi dia punya kualiti, dari segi barang fizikalnya dan sebagainya. Jadi adalah kita hendak ingatkan kepada rakyat sebelum mereka membuat transaksi itu mereka haruslah berhati-hati untuk membuat transaksi melalui *e-commerce* ini.

**Puan Hajah Mumtaz bin Md. Naw:** Saya pohon sekali lagi penjelasan.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Mumtaz bin Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik tadi bilamana jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa harga barangan kita boleh kawal tetapi *end product* kita tidak dapat *control* kerana cara mereka membuat, cara mereka memasak ini tidak dapat kita *control*.

Akan tetapi dalam akta ini menyebut bahawa takrif caj serta perkhidmatan dan perkhidmatan terkawal dan di bawah seksyen 5 di sini menyebutkan bahawa pihak penguasa pengawal untuk menentukan caj bagi perkhidmatan. Jadi, dalam konteks ini, apakah yang dimaksudkan dengan caj perkhidmatan terkawal, caj bagi perkhidmatan sekiranya kita tidak dapat mengontrol harga akhir tentang mana-mana produk.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Untuk makluman Yang Berhormat, maksud saya di sini ialah lebih tertumpu kepada makanan sebab kadangkala seperti kalau kita pergi ke restoran, kita hendak makan makanan seperti lauk *seafood* dan sebagainya dengan hidangan dan ramuan yang pelbagai jenis itu kadangkala adalah amat sukar untuk kita menetapkan harga. Akan tetapi kalau katakanlah sebagai contoh, minuman yang biasa seperti air yang kita naikkan harga 20 sen ini, kalau satu cawan dinaikkan 20 sen, maka dengan senang kita boleh gunakan akta ini. Jadi, itu perbezaannya dari segi apabila kita masak dengan masuknya ramuan dan sebagainya. Itu yang agak sukar untuk kita hendak mengawal harga itu. Akan tetapi yang *direct* punya, perkhidmatan yang *direct* macam ini, maka kita dengan senangnya boleh menggunakan akta ini.

Satu lagi perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu Datuk Akbar tadi berkaitan dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri saya berkaitan dengan akta, ini akan dikuatkuasakan pada bulan April ini seolah-olah membelakangkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini sehingga dikatakan macam *rubber stamp*, sebenarnya tidak. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri tidak bermaksudlah untuk membelakangkan Dewan Negara sebab, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri saya ialah selepas apabila rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Negara, maka kita kuatkuasakan.

Kalau boleh lebih cepat sebab kita tahu bahawa hari ini ada golongan-golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebih-lebihan hingga tidak munasabah ini, hingga menyebabkan hari ini rakyat begitu gelisah, kita menerima banyak aduan dan sebagainya. Itu maksud Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri bukan hendak membelakangkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya harap Yang Berhormat Datuk Akbar dapat faham sebab bagi kita, kita hendak membela rakyat dengan seberapa segera yang boleh sebab kita harap kalau boleh dapat dijalankan dengan segera.

Untuk Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan, di sini berkaitan dengan lebih *inclusive*. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa kita bukan sahaja, rang undang-undang ini bukan untuk barang-barang kawalan tetapi juga kepada barang-barang yang bukan kawalan termasuk semua barangan yang ada dalam pasaran. Untuk monopoli, sebenarnya monopoli kita ada lagi satu Rang Undang-undang Persaingan yang boleh kita gunakan sebab rang undang-undang yang ini adalah tidak sesuai untuk monopoli ini. Jadi, kita telah pun luluskan Akta Persaingan, maka dari segi monopoli nanti, maka kita akan gunakan Rang Undang-undang Persaingan untuk memastikan bahawa mereka tidak menggunakan kuasa dominan mereka untuk menaikkan harga dan juga untuk mengawal bekalan dalam pasaran kita.

Saya ingat saya dapat menjawab semua soalan daripada Yang Berhormat dan sekiranya masih ada lagi mana-mana soalan yang tidak dijawab, saya harap saya dapat menjawabnya secara bertulis dan saya sekali lagi ingin mengucapkan...

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Minta laluan.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Ya.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Adakah akta ini melindungi ataupun masukkan caj tol. Tol itu ada naik *electricity*. Adakah antipencatutan termasuk perkhidmatan-perkhidmatan ini? Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Untuk makluman Yang Berhormat iaitu seperti untuk konsesi dan sebagainya, akta ini sebenarnya kita boleh gunakan Akta Persaingan sebab untuk makluman Yang Berhormat iaitu Akta Persaingan sebenarnya juga dikenakan kepada semua peniaga-peniaga termasuk juga syarikat-syarikat GLC di negara kita. Semua tidak dikecualikan. Oleh sebab itu, kita telah pun menggubal begitu banyak akta untuk supaya kita dapat melindungi rakyat sebagai golongan pengguna. Begitu juga kita juga hendak melindungi pihak peniaga supaya kita ada satu pasaran yang sihat di negara kita untuk kebaikan pengguna dan untuk kebaikan peniaga juga.

Oleh sebab bagi kita, kita sebagai kementerian, kita juga hendak jaga peniaga, kita juga hendak menjaga pengguna. Untuk mendapat titik keseimbangan ini, adalah amat sukar sekali dan sebab itu kita ada beberapa akta yang telah pun kita bawa dan ada yang telah pun kita luluskan. Maka akta-akta inilah yang akan membantu pasaran yang sihat supaya dalam keadaan pasaran yang sihat ini, apabila wujudnya rasa situasi menang-menang ini, maka saya ingat negara kita akan membangun dan maju dan mara ke hadapanlah.

Jadi, dengan kata-kata itu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan, juga pendapat dan teguran dan kita akan ambil maklum segala pendapat dan cadangan itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 63** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Negara mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan semua rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini dan terima kasih kepada semua menteri yang telah memberi jawapan. Dengan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 14 Disember 2010. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.***